

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 2	Selasa	10 Mac 2015
---------------	---------------	--------------------

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

- | | |
|-----------------------------------|-------------|
| - Memperkenankan Akta-akta | (Halaman 1) |
| - Perutusan Daripada Dewan Negara | (Halaman 2) |

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 4)

USUL-USUL:

Jalan-jalan Masuk Ke Parlimen (Halaman 25)

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda
Yang Dipertuan Agong
- *Datuk Seri Haji Noh bin Omar (Tanjong Karang)* (Halaman 25)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA
Selasa, 10 Mac 2015
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

**TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada hari Isnin, 9 Mac 2015, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan titah Ucapan Diraja dalam Parlimen.

Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda itu dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi

[Teks Titah Ucapan adalah seperti di lampiran]

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2014;
2. Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Pindaan) 2014;
3. Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Pindaan) 2014;
4. Akta Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2014;
5. Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2014;
6. Akta Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan 2015;
7. Akta Malaysian Airlines System Berhad (Pentadbiran) 2014;
8. Akta Perbekalan 2015;

9. Akta Kewangan (No.2) 2014;
10. Akta Kawalan Bekalan (Pindaan) 2014;
11. Akta Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 2015;
12. Akta Arkitek (Pindaan) 2015;
13. Akta Juruukur Bahan (Pindaan) 2015;
14. Akta Penjara (Pindaan) (No.2) 2014;
15. Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (Pindaan) 2014;
dan
16. Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2014.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen penggal yang lalu.

Sila, Setiausaha baca.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“18 Disember 2014

Perutusan Daripada Dewan Negara Kepada Dewan Rakyat

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2014;
2. Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Pindaan) 2014;
3. Rang Undang-undang Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Pindaan) 2014;
4. Rang Undang-undang Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2014;
5. Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2014;
6. Rang Undang-undang Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan 2014;
7. Rang Undang-undang Malaysian Airline System Berhad (Pentadbiran) 2014;
8. Rang Undang-undang Perbekalan 2015;
9. Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 2014;
10. Rang Undang-undang Kewangan Bekalan (Pindaan) 2014;
11. Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 2014;

12. Rang Undang-undang Arkitek (Pindaan) 2014;
13. Rang Undang-undang Juruukur Bahan (Pindaan) 2014; dan
14. Rang Undang-undang Penjara (Pindaan) (No.2) 2014.

Yang Ikhlas,

t.t

“YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”

UCAPAN TAKZIAH

Memperingati Genap Setahun Kemalangan Pesawat MAS MH370

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada hari Ahad, 8 Mac 2015, genap setahun insiden kemalangan pesawat MAS MH370 yang membawa bersama 227 penumpang serta 12 krew dan anak kapal. Kenyataan interim dan maklumat *factual* pesawat MH370 telah dikeluarkan oleh pasukan penyiasat bebas pada hari Ahad, 8 Mac 2015. Kenyataan interim tersebut menjelaskan fakta-fakta berkaitan kemalangan pesawat berkenaan.

Sesungguhnya kemalangan pesawat MH370 merupakan tragedi yang menyayat hati dan menyentuh hati nurani seluruh rakyat Malaysia. Saya dan semua Ahli-ahli Dewan Rakyat berharap agar sementara usaha-usaha pencarian pesawat diteruskan, semua waris penumpang dan anak kapal pesawat MAS MH370 sentiasa tabah dan cekal dalam menghadapi ujian yang dilalui dan menerima ketentuan ini. Kita berdoa semoga Allah SWT mencucuri rahmat ke atas roh-roh mereka dan ditempatkan di kalangan orang-orang yang soleh.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebagai memperingati genap setahun insiden kemalangan pesawat MAS MH370 serta menghormati penumpang dan anak-anak kapal dalam tragedi berkenaan, saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat bersama-sama bangun. Bagi yang beragama Islam, diminta menghadiahkan al-Fatihah, manakala bagi yang bukan beragama Islam bertafakur selama satu minit.

[Semua Ahli Dewan bangun membaca al-Fatihah dan bertafakur]

■1010

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, sila duduk.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah keluarga yang kehilangan tempat tinggal akibat banjir di Kelantan pada Disember 2014 dan apakah punca yang telah dikenal pasti yang menyebabkan kemusnahan banyak tempat tinggal akibat bah yang melanda.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya pohon untuk menjawab soalan nombor satu dari Yang Berhormat Ketereh dan soalan nombor 13 dari Yang Berhormat Bintulu yang juga hadir bersama mengenai bencana banjir untuk dibacakan serentak. Ada sedikit persamaan di beberapa tempat.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat bertanya mengenai jumlah keluarga yang kehilangan tempat tinggal akibat banjir serta punca kemusnahan di negeri Kelantan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada maklumat bancian yang diterima sehingga 27 Februari 2015, jumlah keseluruhan mangsa banjir yang kehilangan tempat tinggal akibat rumah musnah di seluruh negeri berjumlah 2,904 keluarga. Sebanyak 1,827 daripadanya adalah dari Kelantan sahaja. Negeri-negeri lain yang merekodkan kemusnahan rumah ialah negeri Pahang - 224 keluarga, Terengganu - 17 keluarga dan Perak - 26 keluarga.

Bagi membantu mangsa-mangsa yang mengalami kemusnahan rumah, kerajaan telah bersetuju untuk membina semula rumah kekal sebagai ihsan bukti keprihatinan kerajaan kepada rakyat yang ditimpa musibah. Program Pembinaan Rumah Kekal ini dilaksanakan melalui Kementerian Kerja Raya. Manakala program pembaikan rumah yang rosak dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Merujuk kepada maklumat, sehingga 27 Februari 2015, sebanyak 6,693 buah rumah layak untuk menerima bantuan di bawah Program Pembaikan Kerosakan Rumah-rumah Mangsa-mangsa banjir berdasarkan siling pembaikan sehingga RM10 ribu satu unit.

Program ini akan dilaksanakan secara bersama dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan iaitu *Construction Industry Development Board (CIDB)*, pihak MARA, Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR), Lembaga Kemajuan Terengganu (KETENGAH), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli di negeri Kelantan, Pahang, Perak dan juga Terengganu. Menurut laporan awal Jabatan Pengairan Malaysia, antara punca berlakunya banjir sehingga menyebabkan kemusnahan banyak rumah pada episod musim tengkujuh tahun 2014/2015 adalah seperti berikut;

Pertama, kejadian hujan lebat yang ekstrem, luar biasa, menyeluruh dan berterusan selama 10 hari iaitu dari 15 Disember sehingga 24 Disember. Mengikut rekod pemantauan JPS, purata hujan tahunan bagi negeri Kelantan sekitar 3,000 milimeter. Walau bagaimanapun, akibat

fenomena tersebut, perubahan iklim sebanyak 30% atau 944 milimeter daripada jumlah hujan tahunan telah turun dalam tempoh 10 hari tersebut di negeri Kelantan. Berdasarkan kepada pemantauan Stesen Telemetry JPS, kebanyakan aras air sungai di negeri Kelantan telah meningkat lebih daripada tahap bahaya.

Kedua, kawasan tanah di kawasan tadahan telah menjadi tepu dan tidak mampu untuk menyerap air hujan yang turun secara berterusan. Air hujan yang turun kemudiannya telah menjadi air larian permukaan dan meningkat isi padu air banjir yang sedia ada. Saya menyebut pada masa yang lepas, walaupun ini tidak termasuk dalam teks tetapi saya ulang sekali lagi bahawa di kawasan tadahan, air menjadi tepu kerana pokok-pokok jarang-jarang ada ataupun tidak ada langsung, menyebabkan air tidak ada ruang untuk singgah dan dia terpaksa berlari terus masuk ke sungai yang sudah pun banjir dan banjir itu bukan sahaja meningkat tetapi meningkat kelajuan air.

Punca air ini, hujan yang lebat yang menyebabkan air turun begini laju ialah daripada sebuah gunung namanya Gunung Gagau. Gunung Gagau ini adalah sebuah gunung yang terletak bertempat di tengah-tengah sempadan iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang. Dia ialah penyumber kepada air yang turun dengan laju ke Terengganu, ke Pahang dan juga ke Kelantan. Jadi saya kena ulang sekali lagi bahawa kawasan tadahan yang sepatutnya ada benda yang dia boleh bertahan sudah tidak ada pokok ataupun jarang-jarang ada pokok. Kawasan *reserve* hutan kita dapati boleh dikata semua negeri ada disimpan tetapi di keliling kawasan *reserve* hutan itu telah pun digunakan untuk tujuan lain menyebabkan air yang laju turun daripada hutan, tidak dapat singgah lagi dan terus masuk ke sungai.

Ketiga, kejadian air pasang ataupun *spring tide* yang berlaku dalam tempoh yang sama. Paras air pasang yang tinggi telah menyebabkan pertembungan air banjir dengan air laut yang memburukkan keadaan. Topografi kawasan yang rendah dan landai serta berdekatan dengan sungai yang berarus deras menyebabkan kemusnahan kepada kediaman.

Bagi kawasan-kawasan lain termasuk kawasan Bintulu, saya ingin maklumkan bahawa untuk mengurangkan beban yang ditanggung oleh musibah banjir yang berlaku, kerajaan memberi pelbagai bantuan. Di antaranya yang pertama ialah bantuan pembaikan rumah kepada mangsa-mangsa yang layak di bawah program pembaikan. Kerosakan rumah-rumah mangsa banjir sehingga kini berjumlah 6,693 buah rumah layak menerima bantuan rumah ini berdasarkan siling pembaikan sehingga RM10 ribu setiap unit. Pembaikan rumah ini akan diselenggarakan oleh Kementerian Luar Bandar bersama dengan jabatan-jabatan yang telah saya sebutkan tadi.

Kedua, Program Pembinaan Semula Rumah seperti yang telah disebutkan tadi yang akan diselenggarakan oleh Kementerian Kerja Raya. Sebanyak 2,094 keluarga layak menerima bantuan ini susulan daripada kemusnahan rumah secara total akibat banjir. Seperti yang telah diumumkan kerajaan, dua model rumah akan didirikan iaitu jenis bertiang di atas tanah dengan kos RM40 ribu sehingga ke RM48 ribu sebuah dengan jumlah kos keseluruhan sebanyak RM174 juta. Bantuan wang ihsan RM500 yang diagihkan kepada semua ketua isi rumah yang terlibat dengan banjir di bawah penyelarasan Majlis Keselamatan Negara, kerajaan telah

memperuntukkan sebanyak RM97,140,000 untuk agihan kepada 194,280 penerima yang terdiri daripada mangsa yang berpindah dan tidak berpindah.

■1020

Bagi penerima yang berpindah ke pusat perpindahan, senarai penerima adalah berdasarkan kepada senarai yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Manakala mangsa yang tidak berpindah ke pusat perpindahan, agihan adalah berdasarkan kepada senarai yang disediakan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dan disahkan oleh Pegawai Daerah selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah.

Sekian jawapan saya, terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih atas segala usaha kerajaan dalam membantu mangsa banjir khususnya di Kelantan terutamanya program-program pasca banjir yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat termasuk tindakan untuk tidak menyertai pilihan raya bagi menumpukan pembentukan suasana kondusif ke arah kerjasama bersama dengan kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat satu soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri. Seperti mana yang disebutkan tadi, bahawa sejumlah kira-kira 2,000 buah rumah yang telah hilang atau rosak teruk akan dibina semula. Sebahagian besar daripadanya adalah dipunyai oleh mangsa yang membina rumah bukan di atas tanah milik mereka sendiri. Sebahagiannya adalah di rizab-rizab sungai, rizab-rizab kereta api dan sebagainya. Saya difahamkan ini menimbulkan kesulitan bagi pihak kerajaan untuk membina rumah-rumah mereka kerana tanah bukan milik mereka.

Jadi saya ingin bertanya apakah usaha yang khusus yang dilakukan oleh kerajaan bagi golongan ini tidak tercicir malah pembinaan rumah-rumah mereka dapat juga dilaksanakan sama ada di tanah yang disediakan oleh kerajaan negeri atau cara-cara lain?

Kedua, ulasan Yang Berhormat Menteri tentang *run-off* dan *retention capacity* akibat daripada kerosakan alam sekitar, apakah bentuk kerjasama terutamanya antara Kerajaan Pusat dengan kerajaan negeri untuk masa-masa akan datang agar alam sekitar dapat dijaga dan diurus dengan lebih baik lagi? Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama, jawatankuasa di peringkat negeri yang ditubuhkan khas – inilah yang kita buat iaitu yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat dari Jeli. Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa Mohamed mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pasca Banjir. Mesej yang telah dihantar oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah siapkan rumah sebelum puasa. Jadi mestilah berunding dengan lebih hebat lagi dengan kerajaan negeri dan kerajaan negeri saya rasa atas rasa kerjasama walaupun kerajaan negeri mungkin tidak dapat bekerjasama dengan rakan-rakannya yang lain, tetapi mereka bekerjasama erat dengan kita. [Disampuk] Semoga ketawamu mendapat taufik dan hidayah daripada Allah supaya mulutmu ternganga terus.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan negeri sedang berusaha untuk mencari jalan supaya Kerajaan Pusat boleh bina rumah ini. Kita tahu bahawa setengah daripada rumah-rumah mereka itu rumah kotak mungkin nilainya RM2,000. Tiba-tiba banjir, dia dapat RM40,000 ke RM48,000. Ada kata-kata di bawah itu kalau dia tahu banjir hendak datang, dia pun pergi buat kotak sama, tentu dia dapat rumah. Ada bahasa-bahasa yang kurang indah.

Akan tetapi ini bahasa-bahasa orang-orang biasa sahaja, bergurau-gurau. Ini kerana dia kata apa yang diberi oleh Kerajaan Pusat dan juga kerajaan negeri— kerajaan negeri juga kutip derma untuk membina rumah. Kita sedang berusaha untuk mendapatkan rumah dan rumah ini boleh disiapkan dalam kurang daripada tiga bulan untuk kita mengejar bulan puasa supaya bila mereka berpuasa, mereka dapat berpuasa dengan tenang dan rumah-rumah yang dibina juga boleh juga memberikan ketenangan kepada mereka sebab ia bertiang dan sudah pasti ini dapat menghadapi banjir dan kalaupun mereka berpindah, ia dalam keadaan rumah masih mantap.

Jadi apa yang akan dibuat itu sedang diusaha dengan giatnya. Kita berdoa supaya kerajaan negeri yang sekarang ini sudah makin baik hubungan dengan mereka dapat menyelesaikan perkara ini. Akan tetapi malangnya, sudah pasti kalau ada orang hendak buat baik dengan kami ini tentulah ada cemburu-cemburunya. Cemburu-cemburunya adalah suara-suara yang telah dikeluarkan tadi. Akan tetapi saya hendak beritahu, cemburu apa pun anda semua, saya mengetahui siapakah di antara Yang Berhormat yang sebenarnya betul-betul tolong dalam kawasan banjir semasa banjir melanda. Kita boleh berbicara di sini tetapi fakta dan kenyataan akan saya simpan sampai ke mati.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Baling yang tolong.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Nombor dua iaitu apakah bentuk kerjasama. Yang Berhormat, tanah hak kerajaan negeri. Oleh kerana tanah hak kerajaan negeri, kita tidak boleh – kalau kerajaan negeri hendak beri kawasan *buffer zone*, *buffer zone* ini tidak boleh bagi. Kemudian kawasan tadahan tidak boleh bagi tetapi telah diberi.

Akan tetapi kuasa Kerajaan Persekutuan ialah melalui cerun, melalui penggunaan tanah yang melebihi 25%, Kerajaan Pusat melalui Kementerian Alam Sekitar boleh mengambil tindakan. Jadi sekarang ini tindakan diambil melalui Kementerian Alam Sekitar bagi tanah yang ditanamkan di cerun yang melebihi 25%. Di kawasan Lojing, di kawasan lain di Kelantan sebagai contohnya, kerajaan negeri tidak mampu untuk berbuat apa-apa lagi kepada penanam-penanam atau pengusaha-pengusaha yang rakus ini yang tanam di cerun-cerun yang cukup luar biasa.

Malah di Gua Musang, cerun-cerun ini mereka ambil dan akhirnya Orang Asli tidak ada pilihan, pergi tanah ke cerun yang lebih cerun lagi yang menyebabkan banjir lumpur berlaku sehingga terdapat dua pos Orang Asli sehingga ke hari ini tidak dapat dimasuk lagi dengan jalan raya dan kita terpaksa buat jalan baru ke dua pos Orang Asli ini kerana cerunnya sudah tidak ada lagi, hancur dan kalau kita hendak bina baru pun ia akan menyebabkan bahaya. Jadi kerjasama Kerajaan Persekutuan ialah mengambil tindakan undang-undang kepada mereka yang menanam di kawasan cerun yang berlebihan 25% ini.

Akhir sekali, Kerajaan Pusat memberi tawaran – ini adalah untuk beberapa tempat yang saya tidak katakan secara umum. Beberapa tempat khusus di Gua Musang kita bagi tawaran untuk menanam pokok dan Kerajaan Pusat melalui Jabatan Hutan akan bekerjasama untuk tanam pokok. Ini kerana kita boleh buat tebatan banjir tetapi sumber air di bukit-bukit ini haruslah dijaga.

Jadi Kerajaan Pusat boleh terlibat secara langsung untuk penanaman semula pokok dan dengan izin Allah, ada satu manusia telah muncul di bumi ini yang boleh menanam pokok– bukan orang Malaysia, orang Thailand ya, yang boleh menanam sejenis pokok yang tingginya 45 meter dalam masa tiga tahun. Jadi, dia ini tidak benarkan pokoknya dijual beli, hanya dibuat untuk kemanusiaan melalui Bangsa-bangsa Bersatu dan kita boleh tanam berjuta pokok dalam masa tiga tahun kita boleh mendapatkan hasil, tetapi yang paling penting, pokok ini mampu menahan air daripada bergerak dengan begitu laju. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan cubaan, dugaan dan sangkaan musibah hidup ini, apakah langkah-langkah yang berkesan untuk mencegah daripada berlakunya penyalahgunaan wang yang diperuntukkan dan juga penyelewengannya? Bolehkah Yang Berhormat terangkan kawasan-kawasan tadahan di mana kurangnya pokok di keempat-empat negeri yang disebutkan? Misalnya di Kelantan, berapa kawasan di mana pokok-pokok itu sudah hilang dan langkah yang selanjutnya?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, duit tidak hilang, tidak dicuri, tidak diseleweng tetapi duit ini akan dibelanjakan dengan sewajarnya. Cuma saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat bahawa, pemikiran yang mudah ya, bahawa kita mungkin dapat keuntungan RM1 bilion dari hutan tetapi bila kita bina pembangunan di bawah sana, kita bina katakan RM5 bilion, tetapi bila banjir berlaku, dengan sekelip mata RM5 bilion ini hilang, hancur. Jadi tidak guna kita dapat RM1 bilion di bukit sana tetapi RM5 bilion sini hancur oleh air yang laju nanti. Ini akan berlaku terus. Kalau fenomena alam berlaku, ia akan berlaku terus tetapi fenomena biasa pun ia akan berlaku.

■1030

Pembangunan di tanah rendah akan hancur sekiranya kita tidak mengawal pokok di atas. Beberapa negeri telah buat yang begini baik. Saya hendak kena sebut secara terbuka ini supaya di perhati oleh rakyat Malaysia di antaranya Sarawak. Sarawak telah mensyaratkan bahawa 1:5 iaitu satu pokok tumbang, lima ganti. Akhirnya rakyat telah memberi sokongan bertubi-tubi kepada Kerajaan Negeri Sarawak. Saya pasti kalau diadakan pilihan raya, dia akan menang luar biasa sebab rakyat sudah mempunyai keyakinan.

Kemudian beberapa negeri lain yang saya pernah berdiri di sempadan di sebuah negeri iaitu di negeri Pahang dan juga di Selangor. Saya berdiri di tengah sempadan itu. Saya melihat sudah ada usaha di jabatan untuk menghentikan aktiviti penanaman sayur ini dan nampaknya sudah berjaya. Bila kawasan ini naik hutan semula, jadi air boleh bergerak perlahan. Bila air bergerak perlahan banjir yang berlaku di sungai itu, banjir itu berjalan dan air ini bergerak

perlahan. Akan tetapi bila di sungai banjir air yang datang tidak ada *break* sudah pasti dia akan menambah banjir dan kerosakan.

Jadi untuk membolehkan banjir ini tidak berlaku kita jangan hanya bagi perhatian kepada kawasan tadahan. Maaf, beri perhatian kepada tebatan banjir. Tebatan banjir tidak selesaikan masalah sebab banjir datang kali ini dia ada dua jenis. Satu, dia datang dengan air dan satu lagi dia datang dengan lumpur. Lumpur ini akan meninggikan mendapan sungai dan sungai itu akan banjir lagi. Jadi buat *banner* sumber hutan ini dahulu, lepas itu buat tebatan. Hutan bukan sahaja untung dari segi banjir tadi tetapi dia untung dari segi pelancongan. Di antara negara yang paling banyak dilawati ialah negara yang paling banyak hutan. Jadi dia akan mendatangkan keuntungan yang berlebihan.

Saya minta kerajaan negeri supaya berbincang dengan Kerajaan Persekutuan, sahabat saya Menteri Besar Selangor berbincang dengan Kerajaan Persekutuan sebab di Selangor ada beberapa tempat yang masih terkawal dan cantik. Saya boleh bawa Yang Berhormat ke tempat-tempat tersebut yang cukup indah tetapi ada tempat yang sudah rosak. Perbaiki tempat ini untuk mengelakkan banjir supaya tidak berlaku. Tempat ini adalah hutan-hutan ditanam semula.

Saya minta Menteri Besar-Menteri Besar semua berbincang dengan Kerajaan Persekutuan bagaimana hendak tanam semula. Kalau kerajaan negeri kata hendak minta tolong Kerajaan Persekutuan, saya ingat ini dialu-alukan permohonan tersebut. Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang Sarawak kena banjir. Tahniahlah dalam masa itu rakyat mahu cakap terima kasih kepada Yang Berhormat Arau, cukup rajin turun padang dan juga bantuan daripada Yang Berhormat Baling sama Yang Berhormat Johor Bahru datang juga Sarawak membantu kita. Jadi, saya punya soalan sini saya mahu beritahu, kita rakyat Sabah hari ini belum lagi dapat berapa terangkan apa bantuan daripada kerajaan. Selain daripada itu bantuan RM500.

Jadi, contoh macam di rumah panjang, bolehkan mereka mendapatkan, membaik pulih lantai. Macam lantai ada yang pakai *plywood*, ada pakai papan nipis. Semua dalam masa banjir papan sudah hilang, *plywood* pun sudah rosak. Jadi adakah boleh dia orang memohon bantuan daripada Kerajaan Persekutuan ataupun dari luar bandar, ini satu.

Kedua, Menteri setuju atau tidak ataupun ada lihat berapa sungai- saya ada bawa sama Menteri pergi lihat dalam masa banjir kilat ini. Ada terlibat dalam banyak lumpur masuk sungai tetapi sampai sekarang sudah berapa tahun, dekat 50 tahun kita tidak pernah mendalami sungai-sungai ini. Jadi adakah kita akan merancang satu...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kamu ini Yang Berhormat Shah Alam, orang cerita serius *you* cerita main-main!

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Dia memang kongkalikung punya dia pau satu dunia punya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Bintulu tidak payah tanya soalan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kita ada satu rancangan untuk menyelesaikan banjir kilat ini. Pertama, mendalamkan sungai-sungai yang ada di seluruh negara kita terutama sekali di Sarawak. Sekian terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya hendak ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Bintulu yang telah memberi beberapa kemudahan kepada saya untuk saya bergerak dengan laju di Sarawak dan juga Sabah semasa banjir berlaku baru-baru ini. Saya hendak ambil kesempatan ini untuk mengucap tahniah sebab ia melibatkan nyawa. Manakala kepada Yang Berhormat Bintulu yang telah menyelamatkan seorang anak yang berumur 13 tahun yang sudah hilang empat hari empat malam. *[Tepuk]*

Ada kurang sedikit di peringkat bawah itu membuat operasi tetapi di hari kami membuat operasi budak ini telah dijumpai. Seorang budak perempuan berumur 13 tahun berada di dalam kelapa sawit dalam keadaan hujan yang begitu lebat turun tetapi budak ini tidak disentuh oleh air hujan, masih kering. Bila saya tanya kepadanya, "*Hujan ini lebat kenapa baju tidak basah?*" Dia kata, "*Mana ada hujan.*" Jadi begitulah hebat, saya ucapkan tahniah. Sudah pasti dalam barisan itu saya di hadapanlah.

Okey, yang keduanya rumah panjang. Yang Berhormat rumah panjang ini termasuk dalam senarai rumah-rumah yang rosak. Tadi rumah-rumah yang musnah kita bagi antara RM40 ribu ke RM48 ribu. Ini termasuklah senarai rumah-rumah yang rosak iaitu di bawah RM10 ribu kita bagi bantuan bagi tiap-tiap unit. Jadi Yang Berhormat boleh mohon terus daripada KKLW, Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal untuk beliau uruskan. Tidak ada masalah, saya akan bagi sokongan sebab saya tahu tiap-tiap rumah panjang yang terlibat di kawasan Bintulu. Kalau orang tanya kenapa Bintulu? Sebab di antaranya ialah kemudahan bergerak cepat itu penting untuk saya sampai dan saya boleh sahkan bahawa mereka layak.

Fasal sungai berlumpur yang ini memang tugas utama kerajaan hendak pastikan supaya sungai yang mendap ini dikorek selalu. Ada sebuah sungai di Malaysia ini yang terpaksa dikorek 24 jam sebab apa? Kalau dia berhenti sekejap, sungai itu akan mendap dan muara sungai akan hilang. Jadi itu akan diteruskan tetapi mendapan besar berlaku di negeri ini kerana negeri ini tidak ada hutan. Ada hutan, cuma tinggal 11.5% hutan sahaja di negeri yang berkenaan menyebabkan sungainya sentiasa berlumpur.

Hendak selamatkan lumpur, korek sungai dan tambah pokok. Penambahan pokok ini kerajaan negeri kemungkinan tidak berapa mampu, Kerajaan Pusat akan menolong. Akan tetapi bagi negeri-negeri lain oleh kerana syarat telah dikenakan tertentu seperti Sarawak 5:1, tebang satu ganti lima. Saya percaya Selangor 5:10 ya? Di Selangor pun ada programnya, jadi semua negeri kalau buat syarat begini tiap-tiap pembalok yang tebang satu balok dia kena tanam balik berapa balok. Sudah pasti hutan ini akan berpusing, berputar dan jadi cantik. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, tidak payahlah tebang-tebang hutan ini kita cari sumber lainlah. Biar hutan begitu sahaja selamatlah air di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebelum saya memanggil soalan kedua untuk dijawab secara lisan ada sedikit pengumuman. Ahli-ahli Yang Berhormat sukacita dimaklumkan bahawa hadir bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini ialah Tuan Yang Terutama Senator Stephen Parry, *President of the Senate Australia [Tepuk]* Manakala kepada Tuan Yang Terutama Senator Stephen Parry Dewan ini mengalu-alukan kehadiran beliau ke Dewan yang mulia ini. Semoga dengan kehadiran Tuan Yang Terutama Senator Stephen Parry ini akan mengukuhkan lagi tali persahabatan dan hubungan antara Parlimen Malaysia dan Parlimen Australia yang telah sedia ada terjalin. Mr. Speaker Sir, *welcome to the Dewan Rakyat of Malaysian Parliament. [Tepuk]*

2. **Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan apakah Kerajaan Persekutuan masih komited untuk melaksanakan *Master Agreement* Penstrukturan Air Negeri Selangor yang hingga kini masih belum selesai.

■1040

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kita di Dewan mulia ini memang sentiasa berasas kepada prinsip kejujuran. Saya mohon untuk menjawab soalan ini sekali dengan pertanyaan lain pada 11 Mac 2015 dan 26 Mac 2015 memandangkan ia menyentuh perkara yang sama iaitu daripada Ahli Yang Berhormat Tanjong Karang dan Ahli Yang Berhormat Bandar Tun Razak.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan Persekutuan sentiasa komited untuk melaksanakan penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Dalam hal ini, Kerajaan Persekutuan telah mengambil segala tindakan yang perlu bagi memudahkan, memudah cara penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Untuk itu, beberapa perjanjian telah ditandatangani seperti berikut:

- (i) memorandum-memorandum persefahaman MoU pada 26 Februari 2014. MoU tersebut telah ditandatangani oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor;
- (ii) *Heads of Agreement* (HoA) pada 1 Ogos 2014. HoA tersebut telah ditandatangani oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor;
- (iii) perjanjian utama atau *master agreement* pada 12 September 2014. Perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor, Pengurusan Aset Air Berhad ataupun PAAB dan Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (PASSB), dan;

- (iv) perjanjian jual beli saham Puncak Niaga Holdings Berhad (PNHB) untuk pembelian ekuiti Puncak Niaga (M) Sdn. Bhd. (PNSB) dan Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) oleh Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd atau nama singkatannya Air Selangor pada 11 November 2015. Perjanjian tersebut ditandatangani oleh PNHB dan Air Selangor.

Melalui perjanjian-perjanjian tersebut, Kerajaan Persekutuan telah memberi persetujuan untuk Kerajaan Selangor mengambil alih perkhidmatan bekalan air daripada syarikat-syarikat konsesi di Selangor iaitu SYABAS, PNSB, Konsortium ABASS dan Syarikat Pengeluaran Air Sungai Selangor (SPLASH). Malah Kerajaan Persekutuan melalui PAAB juga telah menyediakan peruntukan sebanyak RM2 bilion bagi membantu Kerajaan Selangor mengambil alih ekuiti-ekuiti syarikat-syarikat konsesi tersebut.

Dalam hal ini, saya ingin menekankan bahawa Kerajaan Persekutuan telah mengambil inisiatif untuk mengadakan perbincangan sekurang-kurangnya 32 kali dengan pihak Kerajaan Negeri Selangor sejak MoU ditandatangani pada 26 Februari 2014. Perbincangan-perbincangan ini diadakan untuk memuktamadkan dan menguatkuasakan perjanjian-perjanjian yang berkaitan dengan MoU. Sungguhpun perjanjian utama telah ditandatangani pada 12 September 2014 yang masih belum lagi berkuat kuasa kerana terdapat *Condition Precedent* (CP) yang belum dipenuhi.

Oleh itu, kenyataan Ahli Yang Berhormat Gombak bahawa Kerajaan Persekutuan telah melanggar perjanjian utama ialah satu kenyataan yang tidak betul dan mengelirukan orang awam, dengan izin, *the agreement is not yet enforced because the condition precedents are yet to be fulfilled. So the issue of breach does not arise.* Saya ingin menegaskan bahawa pelanggaran sesuatu perjanjian hanyalah boleh berlaku apabila perjanjian tersebut telah pun dikuatkuasakan.

Saya ingin memaklumkan pada Dewan yang mulia ini bahawa CP kepada perjanjian utama belum dapat dipenuhi kerana Kerajaan Negeri Selangor enggan menyelesaikan isu-isu seperti berikut:

- (i) Air Selangor masih belum menyelesaikan urusan pindah milik aset air kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) untuk membolehkan PAAB menyediakan peruntukan berjumlah RM1.68 bilion bagi membantu Air Selangor membiayai kos pengambilan syarikat-syarikat konsesi iaitu Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS), Puncak Niaga dan Konsortium ABASS;
- (ii) Selangor masih belum menyelesaikan urusan pindah milik aset air syarikat-syarikat konsesi ataupun **CCWA** (*Concession Companies with the Asset*) kepada PAAB sebagai balasan kepada pengambilan liabiliti syarikat-syarikat konsesi oleh PAAB yang berjumlah RM7.65 bilion; dan,
- (iii) Air Selangor masih belum memuktamadkan senarai aset miliknya untuk membolehkan lesen individu kemudahan dikeluarkan kepada Air Selangor mengikut kehendak Akta 655.

Memandangkan Kerajaan Negeri Selangor memerlukan tempoh masa yang panjang bagi menyelesaikan isu-isu yang saya telah nyatakan tadi, pihak kepada perjanjian utama telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh *cut-off date* bagi memenuhi CP perjanjian untuk sebanyak tiga kali. Isu tersebut sepatutnya diselesaikan sebelum 11 November 2014 tetapi Kerajaan Negeri Selangor masih gagal untuk menyelesaikan isu-isu tersebut sehingga tamat tempoh lanjutan ketiga pada 9 Mac 2015. Dengan izin, *the ball is in your caught*, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor. *The ball is in your caught, it is not in our caught*.

Sehubungan itu, Kerajaan Persekutuan telah menawarkan untuk melanjutkan *cut-off date* bagi memenuhi CP perjanjian utama. Pelanjutan tempoh ini memerlukan persetujuan bersama semua pihak kepada perjanjian utama ini. Sebaliknya Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor melalui surat kenyataan akhbar pada media pada 9 Mac 2015 telah mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor tidak lagi berhasrat untuk melanjutkan perjanjian utama.

Pihak kita juga mengambil kesempatan ini untuk melaporkan kepada Dewan yang mulia ini kemajuan pelaksanaan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 dan sistem agihannya LRAL2 sehingga 25 Februari 2015, kemajuan fizikal khususnya bagi pembinaan komponen loji rawatan air hanya pada tahap 1.18% berbanding jadual iaitu 3.43%. Saya dimaklumkan bahawa kelewatan ini berlaku kerana Kerajaan Negeri Selangor telah mengarahkan agensi dan pihak berkuasa tempatan menanggungkan pengeluaran segala kelulusan dan permit untuk pembinaan loji tersebut sehingga penstrukturan semula dimuktamadkan. Keputusan Kerajaan Negeri Selangor ini akan menyebabkan LRAL2 tidak dapat disiapkan pada tahun 2017 dan menjejaskan bekalan air kepada rakyat negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Dalam pada itu, pihak kerajaan ingin menegaskan bahawa tindakan Kerajaan Negeri Selangor ini adalah bercanggah dengan MoU dan *Heads of Agreement* yang telah ditandatangani. Pelaksanaan LRAL2 sebenarnya tidak ada kaitan dan tertakluk kepada perjanjian utama ini kerana hal ini telah diputuskan dalam MoU dan HOA. Pada hemat kita, Kerajaan Negeri Selangor adalah yang telah melanggar MoU dan juga *Heads of Agreement*. Oleh itu, saya minta Kerajaan Negeri Selangor untuk menghormati persetujuan yang telah dimeteraikan melalui MoU dan HOA dan tidak lagi bertindak mengarah pihak berkuasa tempatan untuk menanggungkan pengeluaran permit dan kelulusan yang diperlukan untuk kerja-kerja pembinaan LRAL2.

Tindakan ini akan merumitkan lagi kedudukan bekalan air Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya bagi melengkapkan bekalan air sementara menunggu siapnya LRAL2, Kerajaan Persekutuan sebenarnya telah memperuntukkan sebanyak RM990 juta untuk projek-projek mitigasi. Oleh itu, pihak kita ingin menegaskan bahawa Kerajaan Negeri Selangor perlu ada perancangan alternatif untuk menyediakan sumber air yang mencukupi menjelang tahun 2017 berikutan tindakan Kerajaan Negeri Selangor yang telah melewati pelaksanaan LRAL2 ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, sebaik sahaja saya diberikan amanah pada bulan September 2014, saya telah memberikan jaminan bagi pihak

kerajaan negeri bahawa kita mahu meneruskan dan melaksanakan perjanjian utama yang telah pun ditandatangani sebelum itu bagi menjamin bekalan air yang mencukupi dan satu sistem perkhidmatan air yang cukup efisien dan mampan di negeri Selangor. Malangnya Kerajaan Persekutuan yang tidak menghormati *the sanctity of the agreement*. [Tepuk]

Kalau Yang Berhormat Menteri memberikan jawapan dalam Dewan bahawa telah ada 32 kali perbincangan dan mesyuarat, itu tidak bermakna kalau perbincangan itu tidak terikat dengan semangat asal perjanjian itu ditandatangani.

■1050

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, kerajaan negeri telah bersetuju untuk menyerahkan aset-aset air milik syarikat konsesi yang telah dinaik taraf dan ia telah dipersetujui ketika menandatangani perjanjian utama. Malahan spirit itulah yang telah menyebabkan kita bersetuju untuk menandatangani perjanjian. Kerajaan negeri telah pun menyenaraikan aset-aset yang berkenaan dalam Appendix 1, Appendix 2 di mana aset-aset milik syarikat konsesi yang hendak diserahkan. Akan tetapi, malangnya dalam beberapa bulan yang lalu, Kerajaan Persekutuan melalui kementerian datang semula kepada kerajaan negeri memberitahu bahawa bukan setakat aset yang perlu diserahkan, tetapi tanah juga mesti diserahkan. Di mana spirit perjanjian yang telah ditandatangani?

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, kita ada 26,000 kilometer paip yang dimiliki oleh syarikat konsesi. Kita sudah kenal pasti. Sekarang ini, Kerajaan Persekutuan datang balik dia kata bukan setakat paip, tanah yang paip itu lalu pun kena serah kepada dia.

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Boleh Yang Berhormat Gombak duduk dahulu? Sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tolong senyap. Soal ini adalah soal penting. Ahli Yang Berhormat, saya tahu ini adalah sesi soal jawab. Tidak seharusnya dibuat sebagai berbahas. Namun memandangkan ianya perkara yang amat serius terutama sekali bagi rakyat Selangor, tidak apa saya benarkan Ahli Yang Berhormat Gombak, tetapi jangan terlampau panjang sangat. Nanti Yang Berhormat punya juga peluang untuk bahas.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini isu besar Tuan Yang di-Pertua, isu nasional. Di mana Kerajaan Persekutuan melanggar semangat dan prinsip perjanjian.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya dengan Kerajaan Persekutuan, apakah Kerajaan Persekutuan ingin merampas kedaulatan Kerajaan Negeri Selangor? Saya hendak tanya 26,000 kilometer tanah hendak diserahkan kepada kementerian? Jadi saya hendak minta penjelasan, itu yang pertama. Yang keduanya Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: [Menyampuk]

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang Berhormat Pendang, kalau kamu cerdik jadi Menteriilah. Jangan berani menjerit di belakang sahaja. Nak jadi pencacai UMNO, kekal pencacai UMNO.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Hendak buat jalan, kena ambil tanah buat jalanlah.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ya, hendak buat jalan, kena bagi tahu...

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: *That's why, I say you are stupid.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pendang, duduk Yang Berhormat Pendang.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: *That's why, you are so stupid!*

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ya, kalau kamu cerdik, jadi Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membawa Dewan kepada perjanjian yang telah ditandatangani. Perjanjian menyatakan kerajaan negeri akan menyerahkan aset-aset yang dimiliki oleh syarikat konsesi dan kita sudah senarai. Pada ketika itu Kerajaan Persekutuan tandatangan. Dia setuju senarai Appendix 1, Appendix 2. Cuma saya hendak tanya mengapa dalam satu dua bulan ini datang balik dan pinda perjanjian yang telah ditandatangani. Bagaimana kami boleh bersetuju di atas perkara baru yang telah dibawa oleh kementerian. Itu yang pertama.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak minta penjelasan, pada asalnya kerajaan negeri sudah bersetuju dengan PAAB. Kita sudah ada draf perjanjian bagaimana mekanisme pembayaran kepada PAAB dengan menggunakan mekanisme *ring fencing*. Maksudnya setiap sen yang kita terima daripada pengguna, sudah ada jaminan penerima pertama adalah PAAB. Kita sudah beri jaminan kita akan beri pada PAAB. Sudah setuju. Sekarang ini dia kata tidak boleh di mana sekuriti untuk PAAB, dia kata mesti beri tanah di atas aset yang dilalui oleh kemudahan-kemudahan tersebut. Jadi ini menyebabkan kita melihat Kerajaan Persekutuan sengaja untuk melengah-lengahkan perkara yang telah dipersetujui.

Akhirnya saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri, apa sebenarnya Yang Berhormat hendak? Apakah jaminan Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri dan juga rakyat negeri Selangor. Apakah langkah-langkah seterusnya untuk menjamin satu sistem perkhidmatan industri air yang efisien dan mampan bagi menjamin kepentingan pengguna di negeri Selangor.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat MB. Saya ingin katakan bahawa *statement* yang dikeluarkan tadi itu sebenarnya banyak yang mengelirukan. *There are* tiga perjanjian, *precedent* yang perlu. Ada lapan semua, tetapi tinggal tiga yang *outstanding*. Satu ialah mengenai dengan aset-aset berkaitan dengan RM7.6 bilion yang PAAB akan *take over* bagi pihak Kerajaan Negeri Selangor seperti kita buat di negeri-negeri lain.

Kedua, selepas itu dia perlu juga mengemukakan aset untuk RM1.6 bilion daripada RM2 bilion itu kerana itu nilai yang *concession* yang akan ambil alih. Mereka perlu menyenaraikan aset-aset tersebut. Ketiga, mengikut *precedent*, bahawa pihak syarikat baru air Selangor itu yang memerlukan lesen untuk *operate*, mesti menyenaraikan aset-asetnya *financial* model dan kemampuannya untuk menjadi pengurus baru air Selangor. Ini tiga daripada lapan *precedent*.

Masalahnya begini, bagi RM1.6 bilion ini dalam perbincangan-perbincangan dengan pihak Kerajaan Negeri Selangor kita minta senarai aset untuk diberi. Dia senaraikan Bukit Nanas, dia senaraikan Semenyih. Apabila kita *check* dengan Pesuruhjaya Tanah dengan

perlembagaan dan perjanjian-perjanjian, ini adalah milik Kerajaan Pusat. Tidak boleh dipakai. Mereka mahu panggil *constitutional lawyer* hendak *check and* lawan. Kami bilang carilah aset lain kerana ini adalah milik Kerajaan Pusat. Dia kata tanah barangkali kamu punya, tetapi *infra* di atas kami punya. Namun dalam prinsip pengambilan tanah adalah *good title*.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang Berhormat Menteri kalau...

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya habiskan dahulu.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: ...Tanah itu milik Kerajaan Persekutuan, jaminannya baru RM500 juta. Kita ada RM1.5 bilion lagi.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: *Good title ok.* Termasuk juga dalam cerita tadi. Dia katakan paip siapa? *You* kasi saya paip tidak guna kalau *land* seperti juga *rail track*, seperti juga Yang Berhormat kasi siap kabel, kalau bukan tanah di bawah itu dimiliki bersama. Ini logikkah? Siapa mahu buat *business* bagi paip itu? Paip sudah buruk-buruk.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Mana ada syarikat konsesi mendapat tanah, itu tanah pajakan, tanah milik kerajaan negeri.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: *So, this is a real issue.* Sama juga dengan air Selangor. Apabila kita minta dia senaraikan aset, dengan izin *you can be a good* pengurus air di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan dan seterusnya *they insist* mahu senaraikan Semenyih, mahu *insist* juga senaraikan Bukit Nanas. Kami bagi tahu itu bukan tanah *you*, dia mahu *contest*, melewati dan lewat. *Not our fault*, Kerajaan Negeri Selangor yang melewati-lewatkan semuanya ini dia kena *deliver the condition procedure*.

Yang ketiga yang dikatakan tadi apa sebenarnya Kerajaan Pusat mahu. Tiada Kerajaan Pusat mahu. Kerajaan negeri sudah 15 tahun minta air ini, menjadi pengurus air di Selangor seperti negeri-negeri lain. Kita cerita-cerita tetapi mereka pun kuat lawan, akhirnya *the last two years able to find solution*. *Or you want* supaya air mencukupi untuk negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan juga Putrajaya.

■1100

Saya mahu maklumkan saat ini bagi *last year -0.04* tiada margin. *This year if the mitigation* semua itu jalan 3.2 tapi saya beritahu Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua *it's going to be without Langat because delayed* pada tahun 2017 *it will be minus -2.64*. *Who's suffer? More than 500 companies* kita KIV kelulusan. *Margin is 1% and negative* tapi *I'm here to give the offer*. *You want to take over* dengan mantan MB dahulu, *the exco, you want to take over*, kami bilang okey *this time take it, subject to this*. *You want to take over the loan for you RM7.6 billion I give you RM2 billion* untuk beli *damp out*. *And then we sign, we sign* tapi main-main punya. [Ketawa] Main-main punya. 'Lewat-lewat'.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Untuk makluman...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: *We have no other interest.* Saya Menteri berasal dari Sabah ini orang-orang Sabah [Bercakap dialek Sabah]. Ini kamu ini

peranakan orang potong kepalakah dahulu? *[Ketawa] We don't potong kepala now lah. So when we work, we really work. We work sincerely. So, I ask you what actually you want. I have given you everything I have.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini dua-dua tanya, *what you want.*

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya merayu Tuan Yang di-Pertua supaya kepimpinan negeri diketuai oleh Yang Amat Berhormat dari Gombak, *carry on the work of the previous and be the previous exco. They had done the good job to find the deal with us. If not, we live it to the people of Selangor. You will suffer you know because* tidak mencukupi air. *The interest of the rakyat di atas interest politic* PKR semua. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya jarang-jarang buat saranan atau cadangan. Kalau boleh isu yang dibahas tadi itu adalah kompleks. Saya rasa tidak seharusnya kita bincang sewaktu sesi soal jawab. Kalau boleh saya buat saranan dengan ikhlas. Bolehkah Yang Amat Berhormat Menteri Besar baru dan Yang Berhormat Menteri duduk, *trace out all the problem.* Jangan libatkan dahulu pegawai-pegawai. Sila Yang Berhormat Tanjong Karang. Oleh kerana daripada Selangor dan jangan terlampau panjang sangat soalan tambahan itu. Ahli Yang Berhormat, kita berbahas cuma dua soalan. Soalan air, satu air banjir, satu air minum. Baru dua soalan. *[Ketawa]* Sila Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Dia ada satu air lagi yang sudah masuk penjara. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tanjong Karang, sila.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Banyak cakap Tuan Yang di-Pertua, macam inilah. Sana, sana. Tuan Yang di-Pertua sana, bukan sini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, ini biadab ini.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Ini sudah melampau.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini biadab, kurang ajar ini. Macam mana cakap air ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat duduk dahulu. Tengoklah apa yang dia buat.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Tanjong Karang duduk dahulu dan Yang Berhormat yang lain. Ahli Yang Berhormat, sering kali saya mengingatkan sebelum mengeluarkan hujah, timbang baik-baik. Jangan hujah itu mengundang reaksi negatif yang mengecohkan dewan. Tolong dan perkataan-perkataan yang lain tidak elok itu janganlah sentuh seperti bodoh, seperti biadab dan sedemikiannya. Jangan buat Ahli Yang Berhormat. Sudahlah yang itu. Kita kerja dengan serius, dengan baik-baik. Sila Yang Berhormat Tanjong Karang kemukakan soalan tambahan yang penuh berhemah.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Mengenai dengan soal air minum.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *[Ketawa]* Soal airlah ini saya hendak cakap Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan pendapat Tuan Yang di-Pertua bahawa isu air ini amat penting lebih-lebih lagi di negeri Selangor. Bukan sahaja kepentingan rakyat negeri Selangor tapi Selangor ini negeri yang penting dalam Malaysia. Kalau Selangor ini mundur takut Malaysia pun akan jadi mundur.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya...

Seorang Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya cakap betul pun sebelah sini bising.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan, teruskan Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya cakap betul pun belah sini bising. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri adakah Yang Berhormat bersetuju memandangkan air ini penting, maka soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Gombak ini yang baru jadi Menteri Besar tidak sampai enam bulan merupakan satu soalan yang kurang cerdik bila dia tanya di dalam soalan lisan.

Saya hendak tanya sejak Yang Berhormat Menteri Besar ini yang baru jadi Menteri Besar, berapa kali Yang Berhormat Menteri Besar ini datang berunding untuk menyelesaikan masalah rakyat seperti mana yang pernah dibuat oleh mantan Menteri Besar yang lepas kata tadi 32 kali berbincang. Ini waktu siapa. Jadi Yang Berhormat bersetuju ataupun tidak bahawa hari ini negeri Selangor bila menghadapi masalah air, saya hendak dapatkan penjelasan menyebabkan benar ataupun tidak bahawa lebih 700 projek di negeri Selangor yang tidak dapat dimulakan kerana masalah kekurangan air.

Apakah benar bahawa di negeri Selangor hari ini peluang-peluang pelaburan menurun begitu merudum? Seperti contoh tahun 2008 RM11.8 bilion pelaburan negeri Selangor dan sejak 2008 sampai 2014 daripada RM11.8 bilion hanya tinggal RM7 bilion sahaja yang melabur di Selangor. FDI daripada RM9 bilion merudum hingga tinggal RM3.2 bilion. Peluang pekerjaan daripada 30,837 peluang pekerjaan daripada 2008 hari ini turun merudum peluang pekerjaan di Selangor 2014 tinggal 15,000 orang.

Ini soalan airlah. Saya hendak tanya apakah kemeruduman, kejatuhan ekonomi negeri Selangor yang maju dahulu nombor satu sekarang jatuh nombor empat, adakah ia berkaitan rapat dengan masalah air di Selangor.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang kita batal industri udang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri sebelum jawab duduk. Duduk Yang Berhormat. Soalan daripada Yang Berhormat Gombak *simple*. Soalannya sama ada Kerajaan Persekutuan masih komitedkah tidak. Itu sahaja tetapi tiada. Kalau Yang Berhormat hendak jawab juga itu, boleh saya benarkan tetapi jangan perincikan sangat sebab soalan ini komited atau tidak. Saya dengar tadi Yang Berhormat kata komited. Itu sebab saya

kata duduk sama-sama. Tidak payah jawab ini kalau menghabiskan masa. Kalau perlu juga sedikit tidak apa jawablah. Sila.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, sebab apa yang disentuhkan tadi adalah satu kita punya komitmen untuk mencari penyelesaian. Saya mesti tersedia sebenarnya banyak signal tapi tidak ada masa untuk berjumpa sebab pada pendapat kami sedang berjalan dengan baik semua rundingan. Tiba-tiba hari enam *political advisors* memberi laporan bahawa *they are not going to continue*. Akan tetapi saya rasa ruang untuk berbincang pihak Kerajaan Pusat sentiasa di situ. Saya cukup yakin, cukup *wisdom* di dalam kepimpinan negeri Selangor. *Hopefully better than the previous one* tetapi saat ini tidak mencerminkan itu. Terima kasih atas cadangan.

Kemudian dengan status saya telah katakan tadi tahun ini dijangka 2015 *minus below 1%* margin. Tidak ada margin. Kilang-kilang semua banyak yang mahu tutup, ada yang belum tunggu permit untuk minta masuk. Masih ada 500 lebih yang hendak melabur tetapi dengan kerana tidak mencukupi air dan mesej terkini mereka menggugurkan perjanjian. *I think* kasihanlah rakyat dan *business* negeri Selangor, juga Wilayah Persekutuan dan Putrajaya. Ini kedudukan yang teruk sebenarnya seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat Tanjong Karang. Terima kasih. Ada *political acumen* lebih daripada politik sabun kilang orang Sabah, politik sabun ini. Main-main punya politik. *Thank you very much*.

3. Dato' Seri Reezal Merican [Kepala Batas] minta Menteri Kewangan menyatakan kemampuan sistem kewangan/ekonomi negara menangani kemungkinan "pensabotaj ekonomi" (dalam apa sahaja bentuk dan keadaan) pada ketika keadaan ekonomi global semakin "volatile" pada ketika ini.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat Kepala Batas pada 10 Mac 2015 bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat Kelana Jaya pada 25 Mac 2015 kerana kedua-duanya menyentuh isu yang sama.

■1110

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sabotaj ekonomi ialah apa jua amalan untuk melemahkan ekonomi sesebuah negara yang digunakan sebagai taktik untuk mendesak dan menghakis kedudukan sesuatu kerajaan. Ia dilakukan dengan niat untuk merosakkan kestabilan ekonomi negara dengan cubaan spekulasi mata wang, menyorok keperluan asas untuk menaikkan harga, menyeludup minyak dan barang subsidi ke luar negara dan sebagainya. Selain itu, menguar-uarkan kepada rakyat dan pelabur asing dengan angka atau analisis yang kurang tepat dan tidak konsisten serta memutar belit fakta juga boleh dinilai sebagai antara usaha sabotaj ekonomi kerana memberi gambaran tidak baik yang akan menjejaskan sentimen pelaburan dan keyakinan orang ramai.

Namun demikian, ekonomi negara tidak terganggu dengan aktiviti sabotaj ekonomi sebegini kerana kekuatan ekonomi negara disokong dengan asas mikro ekonomi yang teguh dengan tabungan dan rizab yang kukuh, kadar inflasi yang terkawal dan kadar pengangguran yang rendah serta sistem kewangan yang teguh untuk menyokong aktiviti ekonomi. Tambahan pula, pihak penguat kuasa undang-undang dan pelbagai pengawal selia dengan izin *regulator* termasuk agensi kerajaan dan Bank Negara sentiasa peka dan memantau tindakan golongan yang mensabotaj ekonomi negara. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada jawapan Timbalan Menteri. Saya bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Cuma pada pengamatan saya bahawa kedudukan ekonomi terutamanya dari segi *capital market* dan *money market*, selain daripada ditentukan oleh kedudukan kekuatan fundamental, ia juga *driven by sentiment*. Jadi sebab itulah antara perkara yang dilakukan oleh Singapura ataupun *Monetary Authority of Singapore* dalam tempoh seminggu ini mereka mengetatkan tentang soal pelaporan-pelaporan akhbar-akhbar yang menjurus kepada market *misconduct*.

Saya hendak tanya, apakah di Malaysia ini ada pemantauan dibuat oleh Kementerian Kewangan mahupun Bank Negara tentang laporan-laporan *financial newspaper* sama ada di *printed media* ataupun *online portal* yang kadang-kadang mereka ini membuat laporan-laporan dan mereka mewujudkan *artificial sentiment* yang secara tidak langsung juga merupakan sabotaj kepada ekonomi. Ini juga akan membawa keuntungan kepada mereka. Adakah Bank Negara dan *Security Commission* di bawah *Capital Market Services Act* meminta supaya *the newspaper owner* ini melakukan deklarasi ataupun *to declare* ataupun *to furnish* maklumat kepada Bank Negara bagi membuat penentuan tentang *investment position* mereka supaya mereka tidak dilihat untuk memanipulasikan sentimen-sentimen yang mempengaruhi pelabur-pelabur. Terima kasih.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih ke atas soalan tambahan. Satu, dari segi *position* sesebuah syarikat atau individu. Saya ingin memberitahu kepada Dewan Rakyat, sebagai orang yang bermastautin di Malaysia, residen, dari segi pinjaman, individu boleh meminjam sehingga RM10 juta sahaja dari luar negara dan RM10 juta ke atas memerlukan kelulusan Bank Negara. Untuk syarikat adalah sebanyak RM100 juta sebagai *corporate group* dan untuk *investment* sebagai contoh yang dikaitkan dengan *position* sebenarnya. Untuk *investment*, seseorang itu hanya boleh *invest* atau melabur RM1 juta dalam satu kalendar tahun dan kalau meningkat daripada RM1 juta, perlu kelulusan daripada Bank Negara. Untuk syarikat adalah sebanyak RM50 juta. Maka ini jelas menunjukkan dari segi Bank Negara, mereka memantau dari segi aktiviti-aktiviti wang masuk dan juga wang keluar.

Selain itu, dengan adanya penubuhan Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011, kita juga dapat memantau wang yang dikeluarkan terutamanya daripada pengurup-pengurup wang di mana dari tahun 2010 yang dikesan selepas akta ini sebelum dikuatkuasakan adalah sebanyak RM13 bilion. Selepas dikuatkuasakan, kita telah dapat menyenaraikan sehingga RM32 bilion dan

ini semua disenaraikan. Maka saya melihat sebenarnya dari segi akhbar atau sentimen yang menyebabkan boleh dikatakan *some parts of the price drop*. Sebenarnya yang penting adalah supaya orang mengenali fakta-fakta di mana dari segi penyusutan nilai ringgit adalah sebenarnya disebabkan oleh terutamanya kejatuhan harga minyak dunia dan juga kerana ekonomi Amerika Syarikat yang semakin baik. Maka laporan-laporan yang dikeluarkan oleh media, kadang-kadang mereka membuat *sensationalization* untuk memastikan mungkin dari segi akhbar mereka dapat dijual dengan lebih laris. Akan tetapi sehingga sekarang, kita tidak sebenarnya memantau kerana kita memberi kebebasan. Akan tetapi jika terdapat fakta yang salah, saya yakin pihak-pihak yang berkenaan akan mengambil tindakan susulan. Sekian, terima kasih.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai sebuah negara yang terbuka, dengan izin *small open economy*, ekonomi negara amat mudah terjejas dengan prestasi ekonomi luar negara. Jadi kita lihat hampir semua kelembapan ekonomi atau krisis dari tahun 1986, tahun 1997, tahun 2001 yang pernah melanda negara ini adalah berpunca daripada kejutan-kejutan luar negara. Kita lihat krisis-krisis *geo politic* dan kewangan yang menggugat contohnya harga minyak dan sebagainya, kita akan kena. Kalau dulu setiap sepuluh tahun, kini telah jadi dua atau tiga tahun.

Soalan saya, sejauh manakah kekuatan ekonomi dalam negara khususnya mampu menjadi *buffer* dengan izin ataupun penyerap kepada kejutan-kejutan luar negara ini. Terima kasih.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan. Sebenarnya kejutan-kejutan ini juga kita perlu lihat dari segi sama ada terdapat juga spekulasi terhadap ringgit. Ini juga boleh membawa kesan terutamanya kepada ekonomi negara. Untuk memastikan ringgit tidak sebenarnya terdedah kepada serangan spekulasi, Bank Negara Malaysia telah melakukan pemantauan harian terhadap pasaran mata wang bagi memastikan pergerakan pasaran mata wang adalah teratur. Selain itu, bank-bank di Malaysia adalah dilarang daripada membenarkan seseorang individu mahupun syarikat korporat daripada mengambil kedudukan menjual singkat ringgit Malaysia kerana ia tidak dibenarkan berdasarkan Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing.

Selain itu dari segi ekonomi, ekonomi negara kita masih lagi di tahap yang kukuh dengan mencatatkan pertumbuhan yang mampan sebanyak 6% pada tahun 2014 berbanding dengan 4.7% pada tahun 2013. Pertumbuhan ekonomi yang baik ini adalah hasil daripada pelbagai inisiatif yang diambil untuk mempelbagaikan ekonomi negara kita serta meningkatkan daya tahan dan daya saing negara. Pertumbuhan ekonomi ini dipacu oleh permintaan domestik dan asas-asas ekonomi kekal kukuh seperti kadar pengangguran yang rendah, sistem kewangan yang teguh dan rizab antarabangsa yang tinggi. Tahap rizab antarabangsa kini jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan tahun 1997. Pada tahun 1997, rizab kita adalah sebanyak RM59.1 bilion tetapi pada 27 Februari 2015, ia adalah sebanyak RM386 bilion. Maka ini adalah asas-asas kita untuk memastikan dari segi kita dapat *cushion* kejutan-kejutan ekonomi. Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada memperingati mangsa-mangsa MH370. Saya pun ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan takziah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, abangnya telah kembali ke Rahmatullah. So bagi pihak DAP, kami hendak ucapkan takziah kepada beliau. Soalan saya nombor 4 Tuan Yang di-Pertua.

4. **Tuan Lim Guan Eng [Bagan]** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan sebab kadar elektrik tidak diturunkan sebanyak 35 peratus selaras dengan kenaikan keuntungan Tenaga Nasional Berhad sebanyak 35 peratus dan bukannya kadar 4 peratus untuk 4 bulan sahaja pada Mac hingga akhir Jun.

Menteri Tenaga Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berkuat kuasa pada 1 Mac 2015 sehingga 30 Jun 2015, kerajaan telah memutuskan supaya penjimatan melalui mekanisme *Imbalance Cost Pass Through (ICPT)* dengan izin diterjemahkan dalam bentuk pengurangan bil elektrik TNB sebanyak RM2.25 satu kilowatt jam untuk pengguna-pengguna di Semenanjung.

■1120

Keputusan ini diambil berdasarkan semakan kos di bawah mekanisme ICPT di mana sebarang pengurangan atau peningkatan kos bahan api dan lain-lain kos penjanaan bekalan elektrik dilepaskan kepada pengguna. Namun begitu, keputusan mengurangkan bil elektrik bagi tempoh empat bulan ini tidak melibatkan sebarang semakan ke atas *best tariff* dengan izin, termasuk keuntungan tahunan yang diperolehi oleh TNB. Ini kerana semakan semula tarif elektrik yang melibatkan keuntungan TNB hanya akan dilaksanakan pada 1 Januari 2018 berasaskan kepada kerangka *Incentive Based Regulation (IBR)* dengan izin iaitu semakan semula tarif asas TNB setiap tiga tahun.

Pada masa tersebut, keuntungan TNB akan dinilai semula berpandukan kepada kewajaran kadar keuntungan untuk tempoh tiga tahun yang akan datang. Bagi tempoh semasa itu bermula Januari 2014 sehingga Disember 2017 TNB dianggarkan akan memperoleh keuntungan pada kadar *weighted average cost of capital (WACC)* dengan izin sebanyak 7.5%.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia, berdasarkan kepada Laporan Kewangan Kumpulan TNB bagi suku pertama tahun kewangan 2015 iaitu September sampai November 2014, TNB telah mencatatkan keuntungan bersh selepas cukai sebanyak RM2.3 bilion. Laporan ini merangkumi aktiviti lain TNB yang tidak dikawal selia oleh Suruhanjaya Tenaga seperti pelabuan di dalam *Liberty Power Plant* dengan izin di Pakistan, Shuaibah di Arab Saudi dan sebagainya. Laporan kewangan ini menunjukkan peningkatan keuntungan selepas cukai sebanyak 35% berbanding dengan RM1.73 bilion bagi tempoh yang sama bagi tahun kewangan 2014. Peningkatan keuntungan yang *significant* adalah daripada kecekapan operasi TNB, pertumbuhan dalam bilangan pengguna dan semakan semula kadar tarif mulai 1 Januari 2014.

Dalam pada itu, pihak TNB telah meningkatkan perbelanjaan modal sebanyak 73.2% daripada RM1.45 bilion pada suku pertama tahun kewangan 2014 kepada RM2.51 bilion pada suku pertama tahun kewangan 2015. Perbelanjaan modal meliputi penyelenggaraan dan penambahbaikan sistem bagi memastikan sistem yang cekap, selamat dan terjamin. Pelaburan dalam penambahbaikan sistem ini dibuktikan dalam Indeks Purata Pengagihan Gangguan Sistem ataupun SAIDI yang paling rendah dicatatkan iaitu 56.65 minit satu pelanggan bagi tahun 2014.

Selain itu, pihak TNB juga memperuntukkan sebanyak RM4.4 bilion bagi pembinaan stesen jana kuasa baru dengan jumlah kapasiti sebanyak 3,700 megawatt bagi menampung keperluan kapasiti bekalan elektrik pada masa hadapan. Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri tentang keuntungan TNB yang melonjak sebanyak 35%. Dua perkara yang saya ingin tarik perhatian. Satu ialah dari segi mutu perkhidmatan. Tadi Yang Berhormat Menteri telah sebutkan bahawa SAIDI telah dikurangkan. Bolehkah saya merujuk kepada keadaan di Pulau Pinang kerana kebelakangan ini ada beberapa aduan tentang keadaan SAIDI dan juga di seluruh negara.

Kedua ialah tentang peningkatan *profit* sebanyak 35%. Seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri, *quarter* pada akhir 30 November 2014 tetapi keuntungan bersih masih boleh naik 35% kepada RM2.35 bilion. Sekiranya manfaat daripada penurunan harga minyak dapat dinikmati pada awal tahun ini saya rasa keuntungan akan naik lebih tinggi lagi. Oleh itu, mengapa kah kadar tarif hanya kurang sebanyak 4% sahaja, tidak dalam kadar yang lebih besar? Kalau boleh yang kita minta ialah bukan mencerminkan kadar penurunan harga minyak antarabangsa tetapi mencerminkan kadar kenaikan keuntungan bersih. Saya rasa ini akan memastikan bahawa apabila TNB untung kerana ia dimiliki oleh 28 juta rakyat Malaysia. Ia dapat dinikmati secara bersama oleh 28 juta dan bukanlah oleh TNB sahaja. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat Bagan atas apa yang disentuhkan. Akan tetapi saya telah jelaskan tadi bahawa semakan kepada *best tariff* dilakukan sekali dalam tiga tahun menemui prinsip yang kita sebut *Incentive Based Regulation*. Ini yang telah kita *adopted* bagi negara kita. Jadi, kenaikan dan penurunan *fuel mix* pula walaupun arang batu ataupun LNG kita *handle* itu melalui *Imbalance Cost Pass Through* iaitu kita *pass* kepada *consumer* dan tidak *pass* kepada TNB sebenarnya.

Namun, apa yang disentuh tadi kita ambil perhatian. *Due date* untuk *Incentive Based Regulation* adalah pada November tahun 2017 dan nanti keuntungan TNB sepanjang tiga tahun itu diambil kira apabila menentukan *best tariff* yang diberi bukan kepada mereka. Tadi saya beri tambahan, dari segi pelaburan dua negara misalnya bagi tahun yang baru selesai, saya kira RM600 *million* itu dari luar negara, bukan semestinya daripada luar negara dan aktiviti *business* yang tidak berkaitan yang dikawal oleh Suruhanjaya Tenaga.

Dari segi SAIDI sukacita saya menekankan, tadi saya katakan sememangnya pencapaian mereka cukup bagus sampaikan KPI Menteri tahun ini dia keluarkan kerana pencapaian tahun yang lalu *up to February*, 43.61 *minute* sahaja, di bawah 50 pada tahun yang lalu dan bukan lagi KPI Menteri berbanding dengan KPI Menteri untuk negeri Sabah. Negeri Sabah punya SAIDI *is a 212.3 minute per customer per year*, untuk setakat ini. Tahun lalu ia mencatat hampir 700 kerana ada *black out* pada bulan Januari 2014.

Pulau Pinang setakat ini, *annualized* pada saat ini 50.5 *minute per customer per year* iaitu *well below around the national average* tetapi kita akan terus monitor. Saya telah beritahu TNB dengan izin, *that sometime it is not the length of time but the many times you know*, yang *few minutes... invalid* lagi *so we can really measure it in term of* berapa panjang. Jadi, bagi negeri Sabah dan Semenanjung saya kata ini yang kementerian mahu tahu, berapa kali *also* penting kerana dia mengatakan terganggu, kemudian dia balik dan ada yang mengadu, ada *appliance* yang rosak, pihak TNB dan SESB telah monitor semua ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin ucapkan berbilang-bilang terima kasih pada pihak kerajaan di atas pengurangan tarif elektrik di Semenanjung Malaysia sebanyak 2.25 sen per kilowatt berkuat kuasa 1 Mac.

Soalan saya ialah adakah pihak TNB bercadang untuk menurunkan kadar tarif elektrik dan bukan hanya sebanyak 4% jika harga minyak dunia kekal di paras rendah? Saya juga ingin mengetahui bagaimana perkiraan pihak TNB khususnya dari segi kenaikan serta pengurangan tarif terutama sekali dalam memastikan ianya dalam keadaan rasional dalam situasi semasa. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat. Saya telah sentuhkan tadi bahawa dari segi *best tariff* ia hanya akan disemak pada 2017. Dari segi semakan, pihak Kerajaan Persekutuan telah pun memaklumkan bahawa tidak ada kenaikan bagi tahun ini. *So, you can't expect* dengan izin, *either* kekal atau penurunan tertakluk kepada kos-kos *fuel mix* kita.

Pada saat ini berasaskan kepada tahun yang lalu, LNG memang ada naik sejumlah 10%, paip gas tidak ada kenaikan dan *coal* pula menurun kira-kira 16%. Jadi, di pihak ini kita akan kaji setiap enam bulan dan *next survey is in June* dan nanti kita lihat apakah penurunan ini dari segi input *mix* ketara dan perlu disemak dari segi pengurangan ataupun seterusnya. Jadi, begitu cara kita dalam perkara ini. *Best rate stage* tetapi *rate* diubah mengikut ICPT kita, *Imbalance Cost Pass Through* berasaskan kepada penurunan atau pun kenaikan kos-kos *fuel mix*. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pertanyaan-pertanyaan bagi Jawapan Lisan berakhir.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

■1130

USUL**JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN**

11.32 pg.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu”.

Saya ingin menambah, jangan ada aktiviti mencukur rambut di jalan masuk ke Dewan ini.

[Dewan riuh]

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato' Noriah binti Kasnon]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Tanjong Karang, sebelum berhujah. Sila duduk Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa-masa yang lalu apabila usul seperti ini dibentangkan, ia mengambil masa oleh sebab gangguan-gangguan daripada Ahli Yang Berhormat yang lain. Jadi pada tahun ini, tahun 2015, saya ingin memberi saranan kepada Ahli Yang Berhormat yang lain. Saya sendiri buat resolusi saya untuk tahun 2015 saya akan bekerja dengan lebih cemerlang lagi, lebih cekap lagi.

Jadi antaranya ialah pengurusan perbahasan dalam Dewan Rakyat. Jadi saya telah beritahu kepada timbalan-timbalan saya, pada tahun 2015 mesti kita tegas sedikit dari tahun-

tahun sudah. Jadi Ahli Yang Berhormat Tanjong Karang, kalau tidak ingin diganggu dan membuang masa dan kawan-kawan lain yang ingin berbahas pada sewaktu penghabisan mesyuarat kita kadang-kadang ada Ahli-ahli Yang Berhormat cuma dapat bercakap dua tiga minit sahaja kerana masa tidak mengizinkan terutama yang duduk di belakang.

Jadi saya dapat tahu bahawa ramai mereka ini yang *prepare speech* mereka sehari-hari tetapi tidak dapat bercakap. Jadi bagi yang duduk di depan ini, tolonglah bersimpati kepada rakan-rakan yang duduk di belakang yang juga mahu suara mereka didengar, pendapat mereka diberi perhatian. Bersikap jangan *selfish*.

Jadi Yang Berhormat Tanjong Karang, mulakan usul dengan berhemah. Jangan berhujah yang menjemput reaksi negatif daripada teman-teman lain yang pastinya akan menimbulkan kekecohan, yang pastinya akan menghabiskan masa, yang pastinya akan tidak memberi peluang kepada rakan-rakan yang di belakang untuk berhujah.

Jadi sekarang ini atas ingatan tersebut kepada semua Ahli Yang Berhormat, sila Yang Berhormat Tanjong Karang bantangkan Usul Menjunjung Kasih.

11.34 pg.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, salam perpaduan dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberikan ingatan supaya saya dapat meringkaskan ucapan, tetapi kalau sudah hendak sampuk, saya tidak boleh hendak elak, Tuan Yang di-Pertua. Kebebasan bersuara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan bahawa satu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya.

Ampun Tuanku, patik, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia dalam persidangan Parlimen memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen yang Ketiga Belas, semalam.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya bersyukur kepada Allah SWT kerana diberikan peluang untuk membawakan usul bagi menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Diraja setelah lima penggal berada di Dewan yang mulia ini. Semalam sesi pembukaan untuk Penggal Ketiga Parlimen Ketiga Belas telah berjalan lancar dan berjalan dengan begitu sempurna, mendapat siaran langsung daripada media tempatan dan juga melalui internet yang tersebar ke seluruh dunia.

Dalam majlis pembukaan semalam, saya kira ia akan lebih sempurna dan lebih gemilang sekiranya kita Ahli-ahli Dewan Rakyat yang mulia ini hadir dengan memakai baju istiadat kerana pembukaan Parlimen merupakan satu acara rasmi kerajaan yang dirasmikan dengan penuh adat istiadat. Oleh sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa pihak kerajaan melalui Parlimen memang ada memberikan peruntukan kalau tidak silap saya RM1,000 untuk kita sebagai Ahli-ahli Dewan Rakyat untuk membuat pakaian istiadat.

Jadi semalam kita lihat sebelah sini putih sahaja walaupun adalah dua tiga orang nampak pakaian gelap. Sebelah sana gelap semua kecuali saya tengok semalam dan terima kasihlah Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Parit Buntar, Yang Berhormat Kota Bharu, saya tengok mereka memakai pakaian istiadat.

Jadi saya hendak cadangkan Tuan Yang di-Pertua, supaya dalam sesi pembukaan Parlimen yang akan datang hendaklah diwajibkan semua Ahli Parlimen memakai pakaian istiadat ini kerana kalau kita sebagai Ahli Parlimen tidak boleh menghormati dan menghargai kemuliaan Dewan ini, siapakah lagi yang akan menjaga kemuliaan ini? Kalau kita pakai pakaian istiadat ini, saya percaya ia nampak lagi cantik dan orang nampak memang benar-benar kita sendiri menghormati peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada pembukaan Penggal Kedua Parlimen Ketiga Belas tahun lepas pada 11 Mac 2014, sahabat saya Yang Berhormat Johor Bahru telah pun menyampaikan ucapan Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya masih ingat sewaktu Yang Berhormat Johor Bahru membawa usul tersebut, pihak pembangkang telah memboikot sidang ekoran keputusan mahkamah memberikan hukuman penjara lima tahun kepada Ketua Pembangkang dan keputusan yang bakal diterima oleh Mendiang Karpal Singh di bawah Akta Hasutan.

Hari ini saya hendak ambil kesempatan hendak mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada pihak pembangkang yang hari ini nampak sudah mula buka mata dan mula cerdik sedikit, tidak kaitkan dengan isu-isu mahkamah, memboikot Dewan dan hari ini nampaknya mereka datang. Ini menunjukkan bahawa sudah ada kemajuan kepada pihak pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, semalam Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah pun bertitah supaya semua pihak perlu memahami akan pemisahan kuasa di antara badan eksekutif, legislatif dan kehakiman sebagai sebuah negara demokrasi berparlimen. Kita berpegang kepada prinsip-prinsip keluhuran berperlembagaan dan kedaulatan undang-undang.

Malangnya, hari ini kita lihat ada pihak-pihak tertentu terutamanya pihak pembangkang, demi kerana politik mereka sanggup menghasut rakyat dan telah pun melemparkan berbagai-bagai tuduhan sehinggakan boleh mencemarkan sistem kehakiman negara kita hanya semata-mata untuk menjaga kepentingan peribadi seseorang.

Bagi pihak pembangkang, jika kes mahkamah yang menyebelahi mereka, mereka akan mengatakan mahkamah itu adil. Sebaliknya, jika mereka dapati keputusan mahkamah ini tidak

menyebelahi mereka, mereka akan mencari jalan untuk mencemarkan nama baik institusi kehakiman di negara kita.

■1140

Saya ingin mengingatkan kepada semua bahawa mahkamah ataupun institusi kehakiman negara kita ini ialah sebuah institusi yang bebas dan pihak institusi kehakiman kita lihat telah pun menjalankan tugas dengan begitu baik sekali. Dalam beberapa kes, kita ada mendapati pihak mahkamah tidak menyebelahi kepada pihak Kerajaan Barisan Nasional. Sebagai contoh, dalam kes-kes petisyen pilihan raya, mahkamah telah pun menolak permohonan petisyen daripada Barisan Nasional mengenai keputusan pilihan raya di Parlimen Bachok, Parlimen Batu, Parlimen Lembah Pantai yang mana semua keputusan ini menyebelahi kepada pihak pembangkang.

Mahkamah juga pernah membuat keputusan yang berpihak kepada pemimpin pembangkang seperti membebaskan Ahli Parlimen Batu daripada tahanan reman. Naib Presiden PAS juga telah pun menang saman fitnah terhadap NST sebanyak RM350,000. Ketua Pembangkang juga pernah memenangi saman terhadap seorang *blogger* yang didakwa *blogger* pro UMNO sebanyak RM800,000 dan Ahli Parlimen Wangsa Maju juga telah menang kes di Mahkamah Persekutuan apabila Mahkamah Persekutuan menolak saman FELDA yang telah dikemukakan oleh pihak FELDA.

Kita juga dikejutkan apabila Mahkamah Rayuan memberikan ganti rugi lebih daripada RM4.5 juta kepada lima orang bekas tahanan ISA. Yang Berhormat Gelang Patah juga pernah memenangi kes menyaman pihak media dalam kes saman beliau. Ini jelas menunjukkan bahawa banyak kes yang diputuskan oleh pihak mahkamah memberikan keadilan kepada semua pihak dan bukan sahaja kepada pihak Kerajaan Barisan Nasional.

Kita juga masih ingat dalam kes Liwat I yang mana tujuh orang hakim telah mendengarkan kes tersebut. Daripada tujuh orang hakim kes yang mendengar kes tersebut, kita ingat lima orang hakim mengatakan Ketua Pembangkang bersalah, akan tetapi dua orang hakim mengatakan Ketua Pembangkang tidak bersalah daripada segi teknikal dan akhirnya Ketua Pembangkang dibebaskan dalam kes Liwat I. Pada ketika itu tidak ada isu yang boleh mencemarkan institusi kehakiman. Kita juga sebagai pihak kerajaan menerima segala keputusan yang dibuat oleh pihak kehakiman.

Akan tetapi hari ini kita lihat apabila keputusan kes Liwat II ini diputuskan oleh pihak mahkamah, ia menjadi satu isu yang cukup besar sehinggakan melibatkan rakyat, hasutan kepada rakyat dan apa yang lebih menyedihkan kita lagi institusi-institusi kehakiman telah diserang habis-habisan. Saya melihat beberapa ucapan yang dibuat oleh pihak-pihak pembangkang mengenai isu kes Liwat II ini memang boleh dianggap sebagai ucapan-ucapan yang patut diambil tindakan kerana menghina mahkamah seperti Yang Berhormat Subang yang juga merupakan salah seorang peguam kepada Ketua Pembangkang. Beliau kerap kali dalam ucapan-ucapan beliau mengatakan bahawa kes Liwat II ini merupakan konspirasi politik.

Yang Berhormat Pandan juga dalam ucapannya pernah menyatakan bahawa empat matlamat Ketua Pembangkang dipenjarakan oleh UMNO dan Barisan Nasional. Ini menunjukkan seolah-olah Ketua Pembangkang ini ditahan kerana konspirasi daripada UMNO dan juga BN. Yang Berhormat Gombak juga dalam satu perjumpaan menyatakan bahawa ini merupakan satu kezaliman dan juga satu konspirasi politik. Malah Yang Berhormat Lembah Pantai pula sentiasa mengatakan bahawa Ketua Pembangkang ini merupakan tahanan politik.

Ini membuktikan bahawa pihak pembangkang tidak menghormati institusi kehakiman dan menghina hakim kerana keputusan mahkamah ini tidak berpihak kepada mereka. Saya menggesa supaya pihak yang berwajib seperti Peguam Negara mestilah mengambil tindakan yang tegas untuk mendakwa mereka ini di bawah kesalahan menghina mahkamah sekiranya tindakan tidak diambil. Maka saya bimbang pada masa hadapan institusi kehakiman terus dicemarkan. Bayangkan kalau dalam negara kita ini institusi kehakiman tidak dihormati, maka sudah tentulah negara kita ini tidak akan berada di dalam aman. Kalau kita sentiasa menghina hakim-hakim kita, bagaimana hakim-hakim kita boleh dilihat dapat menjalankan tugas dengan lebih adil lagi.

Tuan Yang di-Pertua, yang peliknya dengan pihak pembangkang ini pula apabila mereka mempunyai kepentingan politik kepada mereka, mereka sanggup pula mempergunakan hakim sebagai contoh kita masih ingat sewaktu kita hendak memilih jawatan Yang di-Pertua di Dewan Rakyat ini, seorang bekas hakim telah dicalonkan oleh pihak-pihak pembangkang walaupun kita sedia maklum kalau undi dibuat di dalam Dewan yang mulia ini, sudah tentulah calon daripada pihak pembangkang tidak boleh menang kerana kita mempunyai suara majoriti, 177 berbanding dengan pembangkang hanya 89 orang sahaja. Akan tetapi inilah satu contoh bagaimana mereka boleh memperdaya bukan sahaja rakyat biasa tetapi bekas hakim pun mereka boleh perdayakan kerana tentulah kata-kata, janji-janji manis yang mereka berikan kepada bekas hakim tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menegaskan bahawa Ketua Pembangkang dipenjarakan pada hari ini bukan sebab beliau ialah Ketua Umum ataupun Ketua Pembangkang. Beliau dipenjarakan atas kes moral dan peribadi beliau sendiri. Di mana kes di antara seorang majikan dan pekerja yang dilantik oleh beliau sendiri. Kes liwat ini bukannya cerita tentang politik tetapi sebenarnya cerita tentang manusia dari perspektif badan kehakiman. Ia adalah penting untuk mendengar fakta daripada kedua-dua belah pihak.

Di dalam menegakkan keadilan, undang-undang tidak mengira pangkat dan darjat kerana kita diberikan hak yang sama daripada segi undang-undang dengan izin, '*Nobody is above the law*'. Undang-undang berkaitan Dewan ini bukan sahaja ada di negara kita tetapi banyak juga dilaksanakan di negara-negara lain. Di negara kita ini, rakyat yang didakwa di bawah seksyen 377B ini bukanlah perkara yang baru dan bukan hanya melibatkan seorang seperti Ketua Pembangkang sahaja. Mengikut perangkaan Jabatan Peguam Negara, mereka yang telah didakwa di bawah seksyen 377B dalam tempoh lima tahun sebanyak 171 kes telah pun didakwa. Di bawah seksyen 377C pula, seramai 160 orang telah pun didakwa.

Kalau kita campurkan kes-kes yang melibatkan seksyen 377B dan seksyen 377C ini yang merupakan kes liwat ini, dalam tempoh lima tahun ada lebih kurang 660 orang telah pun didakwa di dalam negara kita. Ini membuktikan bahawa Ketua Pembangkang ini bukanlah orang yang pertama didakwa mengenai kes liwat di bawah seksyen 377B ini. Soalnya, mengapa apabila Ketua Pembangkang didakwa menjadi satu isu nasional sehingga melibatkan rakyat dan sehingga boleh mengambil tindakan sehingga boleh mencemarkan sistem kehakiman di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya undang-undang mengenai DNA ini perlu dikaji. Ini kerana hari ini kita sedia maklum bahawa tertuduh tidak boleh dipaksa untuk mengemukakan DNA mereka. Selalunya kalau kes-kes seksual seperti ini, kita selalunya bergantung kepada **synthesis** evidence. Saya hendak mencadangkan supaya undang-undang ini dipinda di mana pihak-pihak tertuduh yang terlibat dituduh di bawah kes-kes seksual ini termasuk kes liwat supaya diwajibkan untuk mengemukakan sampel-sampel DNA. Kalau ini kita boleh buat, maka saya percaya kes-kes seperti ini boleh diselesaikan dengan segera kerana ia dapat dibuktikan dengan lebih cepat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, hujah konspirasi politik bukan penghujahan yang kukuh di mahkamah. Di mahkamah segala-galanya adalah berdasarkan kepada prinsip hujah, bukti dan fakta perundangan. Ini bukannya satu perbalahan di antara Barisan Nasional dan juga pakatan pembangkang. Isu ini adalah isu perundangan yang melibatkan pengadu, mangsa dan pemangsa. Kita perlu percaya kepada prinsip perundangan di mana seseorang itu tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah berdasarkan fakta dan prinsip perundangan.

Sekiranya kita mahu melihat daripada segi aspek politik sebagai contoh, kita lihat bahawa orang politik yang pertama sekali yang menuduh Ketua Pembangkang ini terlibat dalam liwat ialah mendiang Karpal Singh di dalam Dewan yang mulia ini. Timbalan Presiden PAS pada hari ini juga telah pun memberikan satu gelaran 'Al Juburi' kepada Ketua Pembangkang.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

■1150

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini menunjukkan bahawa...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Mencilah boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat menyebut berkaitan dengan kebebasan Sistem Kehakiman dan tidak boleh pihak tertentu untuk mencampuri urusan Sistem Kehakiman. Merujuk kepada isu yang disebut oleh Yang Berhormat tadi berhubung dengan kes yang melibatkan Ketua Pembangkang.

Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat, kenyataan daripada Ahli Parlimen Gelang Patah. Dia menyebut bahawa jika Pakatan Rakyat menang pilihan raya, dia akan bebaskan Ketua Pembangkang. Adakah [*Gangguan sistem pembesar suara*]... dengan jelas menunjukkan bahawa memang ada usaha untuk campur tangan walaupun sebelum ini dia sebut

bahawa mesti ada kebebasan sistem kehakiman, jangan ada campur tangan. Akan tetapi bila disebut begitu, dia dengan sendiri menunjukkan bahawa mereka akan campur tangan jika mereka menang dalam pilihan raya. Sedangkan untuk tahap sekarang ini hanya Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sahaja yang mempunyai kuasa budi bicara beliau untuk membebaskan tahanan di penjara. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Lenggong bahawa pihak pembangkang ini, dia "*Cakap tak serupa bikin*". Sewaktu dia menjadi pembangkang, dia menuduh kita macam-macam. Ini belum lagi jadi kerajaan, mereka sudah cuba menunjukkan kuasa seperti mana di bawah tajuk perbahasan saya ini ialah *separation of power*. Kalau itu kenyataan Ketua Pembangkang, menunjukkan apabila pembangkang- *nauzubillah, insya-Allah* jadi mereka tidak akan boleh jadi kerajaan.

Ini menunjukkan bahawa kalau mereka berkuasa, mereka boleh buat apa saja yang mereka hendak buat, mereka tidak akan menghormati undang-undang. Jadi oleh kerana itulah Tuan Yang di-Pertua, bahawa hari ini kita lihat rakyat sudah mula sedar dah dan mereka sudah nampak bahawa apa yang diperjuangkan oleh pihak pembangkang ini, mereka hanya untuk kepentingan politik semata-mata.

Kita lihat saja macam kes liwat ini. Saya tengok hari itu dia heboh buat bakar lilin di depan penjara Sungai Buloh tetapi sekarang ini saya difahamkan sudah mula kurang kerana orang yang bakar lilin pun sudah faham dah. Mereka pun tidak mahu jadi seperti lilin. Membakar diri mereka sendiri untuk menjaga kepentingan orang lain. Ini menunjukkan baru-baru ini ada demonstrasi pada hari Sabtu lepas, 7 hari bulan. Kalau ikut *blog* daripada pembangkang kata seramai 10,000 orang. Akan tetapi kita tengok tidak sampai pun 10,000 orang. 3,000 orang pun entah sampai ataupun tidak.

Akan tetapi dalam hal ini saya hendak ucapkan tahniah kepada Ahli Parlimen Bagan kerana Ahli Parlimen Bagan ini nampak lebih pandang ke depan. Ini kerana beliau telah pun mengarahkan semua wakil rakyat di Pulau Pinang jangan terlibat turut serta dalam perhimpunan pada 7 hari bulan. Ini menunjukkan DAP lebih cerdik daripada PKR di dalam mengatasi isu-isu ini. Jadi kita harap bahawa rakyat di luar sana akan boleh sedar bahawa isu Ketua Pembangkang ini hanya isu politik semata-mata, hanya hendak meraih simpati kepada rakyat dan cuba hendak memburuk-burukkan sistem pentadbiran negara dan juga institusi kehakiman di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kes liwat ini sudah habis diputuskan oleh mahkamah. Tadi saya sebut pasal lain pun dia melompat. Saya bukan tuju kepada itu. Saya kata air di Sungai Buloh ini tidak cukup. Akan tetapi nampak mereka ini tidak boleh terima, begitu sensitif. Apabila kes mahkamah ini telah selesai, kita tahu bahawa ada lagi satu peluang kepada Ketua Pembangkang untuk dibebaskan mengikut perlembagaan negara kita. Hari ini kita sedia maklum bahawa pihak Ketua Pembangkang telah pun membuat rayuan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Oleh kerana rayuan ini telah pun dihantar kepada Seri Paduka Baginda

Yang di-Pertuan Agong, maka mengikut perlembagaan, Yang Berhormat Permatang Pauh ini masih lagi merupakan Ahli Parlimen dan juga masih lagi Ketua Pembangkang.

Walau bagaimanapun, kita serahkan kepada kebijaksanaan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mempertimbangkan petisyen rayuan yang telah pun dihantar. Kalau ikut ucapan-ucapan yang disampaikan oleh Presiden Parti Keadilan Rakyat ini yang merupakan isteri kepada Ketua Pembangkang, katanya bahawa petisyen yang dihantar bukan bermakna Ketua Pembangkang bersalah tetapi petisyen terhadap ketidakadilan yang berlaku terhadap Ketua Pembangkang. Jadi saya hendak nyatakan sama ada petisyen tersebut memenuhi ciri-ciri dan syarat-syarat seperti yang ditetapkan dalam perlembagaan, terpulanglah kepada kebijaksanaan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk membuat keputusan.

Namun demikian, saya percaya rayuan ini ada agenda yang tersirat. Agenda yang tersirat saya katakan bahawa tidak mustahil sekiranya rayuan pengampunan ini ditolak, maka mereka akan menyerang pula institusi raja-raja di dalam negara kita. Inilah cara mereka. Kita melihat satu persatu institusi-institusi kerajaan yang di dalam negara kita yang menjadi mangsa kepada mereka sekiranya mengambil tindakan terhadap mereka.

Kita tengok bagaimana mereka pernah menyerang institusi Polis Diraja Malaysia, mereka menyerang SPRM juga dan dalam pilihan raya yang lepas, mereka serang juga suruhanjaya pilihan raya (SPR), mereka menyerang habis-habisan, mereka sanggup buat demonstrasi 'Blackout 505'. Ini supaya memberikan gambaran kepada rakyat bahawa apa juga institusi yang ada dalam negara kita ini, institusi yang tidak adil semata-mata hendak mengejar kepentingan politik mereka dan menghasut rakyat supaya benci kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Baru-baru ini seperti yang saya nyatakan tadi bahawa institusi kehakiman pula menjadi mangsa apabila membuat keputusan tidak menyebelahi kepada mereka. Jadi saya bimbang isu yang tersirat ini nanti, mereka akan pergunakan untuk menyerang integriti dan juga kebebasan Institusi Diraja yang ada pada hari ini.

Saya juga berpendapat bahawa rayuan ini dibuat ialah mungkin mereka sendiri tidak ada kesepakatan lagi, tidak tahu lagi siapa yang hendak jadi Ketua Pembangkang. Ada dengar PKR pun hendak, PAS pun mungkin hendak, DAP pun berkehendak tetapi kalau ikut sistem demokrasi, DAP lah yang patut jadi Ketua Pembangkang kerana mereka mempunyai wakil yang lebih di dalam Pakatan Rakyat. Akan tetapi DAP ini jenis cerdik. Mereka tidak kejar jawatan, mereka ini kejar kuasa. Mereka bagi PKR ataupun PAS yang akan jadi Ketua Pembangkang tetapi mereka yang lebih berkuasa menguasai di dalam Pakatan Rakyat.

Hari ini kita lihat sudah mula ada kesedaran sudah, tengok PAS pun sudah mula ada kesedaran bagaimana DAP ini boleh memperkudakan Pakatan Rakyat dan hari ini kita tidak tahu siapa yang akan berucap untuk mewakili Ketua Pembangkang. Daripada maklumat yang kita dengar, katanya Yang Berhormat Lembah Pantai hendak bercakap bagi pihak Ketua Pembangkang. Jadi, kita pun tidak faham bagaimana seorang Ahli Parlimen boleh bercakap bagi pihak Ahli Parlimen yang lain. Ini menunjukkan bahawa oleh kerana di dalam Pakatan Rakyat sekarang ini sedang bergolak, mereka pun tidak dapat kata sepakat dan juga kelam-kabut,

kerana itu dia membuat rayuan ini kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Jadi mungkin ada ruang bagi mereka untuk berbincang siapa yang bakal menjadi Ketua Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyokong penuh atas keputusan yang dibuat oleh Ketua Pengarah Penjara yang menolak permohonan supaya Ketua Pembangkang hadir di Sidang Parlimen. Saya percaya bahawa tindakan yang telah dibuat oleh Ketua Pengarah Penjara ini adalah mengikut Akta Penjara. Kita ada Akta Penjara. Saya sudah tengok dah Akta Penjara ini bahawa tindakan yang diambil ialah mengikut peraturan ini ialah kuasa budi bicara daripada akta ketua pengarah melainkan ada kuasa-kuasa yang ketua pengarah tidak boleh elak seperti untuk membawa pesalah ataupun banduan menghadiri mahkamah.

■1200

Itu tidak boleh elak kerana telah pun termaktub di dalam Akta Penjara. Kalau ada banduan sakit atau tidak sihat, dapat surat daripada doktor, kena bawa ke hospital luar dari penjara, maka Ketua Pengarah Penjara tidak boleh menghalang. Ini kerana ia ada termaktub di dalam Akta Penjara. Akan tetapi hari ini, sesiapa juga yang masuk di dalam penjara, mereka menjadi banduan.

Jadi, istilah atau definisi banduan ini jelas diberikan tafsiran di bawah Akta Penjara, bahawa yang telah pun disabitkan dengan kesalahan oleh mahkamah ataupun yang kena tahanan reman. Orang yang ditahan dan dikurung di dalam penjara, mereka merupakan banduan. Apabila mereka merupakan banduan, sudah tentulah mereka ini akan tertakluk di bawah Akta Penjara dan juga Peraturan Akta Penjara. Jadi, tidak ada sebab mengapa ada pihak yang mengatakan tidak adil, tidak memberi peluang kepada Ketua Pembangkang untuk hadir ke Parlimen ini.

Kita sedia maklum, kalau kata pembangkang— bila dia datang ke dalam Parlimen, dia akan tertakluk kepada peraturan-peraturan penjara dan tertakluk kepada Akta Penjara. Akan tetapi kalau hadir dalam Dewan Rakyat ini ialah satu tempat imuniti, *nobody* – kita inilah yang kata *above the law*. Kita boleh bercakap apa sahaja. Tindakan kita, kita boleh buat di mana pihak berkuasa polis pun sepatutnya tidak boleh masuk di dalam Dewan untuk mengambil tindakan kepada kita. Jadi ertinya, kalau kita datang ke Dewan, dia akan menggunakan kuasa dan juga imuniti beliau sebagai Ahli Parlimen dan sebagai yang sepatutnya. Seorang banduan mestilah tertakluk kepada peraturan-peraturan dan juga undang-undang yang telah ditetapkan oleh penjara.

Secara logiknya Tuan Yang di-Pertua, kalau Ketua Pembangkang ini dibenarkan datang untuk hadir ke Parlimen, kerana beliau masih lagi Ahli Parlimen. Ini bermakna, beliau juga akan berhak juga untuk diberikan kebenaran untuk balik ke Permatang Pauh. Ini kerana sebagai Ahli Parlimen yang sah lagi, bukan sahaja dari penjara datang ke Parlimen. Beliau juga berhak untuk balik ke kawasan untuk melihat kawasan kerana beliau masih lagi merupakan Ahli Parlimen Permatang Pauh.

Jadi, hari ini kita lihat pihak pembangkang cuba memutar belitkan isu ini. Saya tengok dekat depan Parlimen, Yang Berhormat Baling kata tadi botak. Ini semuanya ialah satu-satu tindakan untuk menghasut rakyat supaya mereka mengambil tindakan-tindakan yang agresif untuk seolah-olah bahawa apa yang dibuat oleh pihak kerajaan termasuklah tindakan Ketua Pengarah Penjara tidak membenarkan Ketua Pembangkang datang ke Parlimen ini merupakan satu kezaliman kepada Ketua Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama, saya juga melihat ada lagi satu badan iaitu Majlis Peguam. Majlis Peguam ini kita lihat sudah tersasar jauh. Mereka tidak lagi bebas, sebaliknya mereka sudah menjadi parti politik kepada pembangkang. Mereka telah pun memberikan beberapa kenyataan yang tidak sepatutnya dikeluarkan daripada pemimpin-pemimpin Majlis Peguam. Seperti kenyataan yang dibuat oleh bekas Presiden *Bar Council* yang telah pun mengatakan bahawa tindakan memenjarakan Ketua Pembangkang ini adalah satu tindakan yang salah. Ini dibuat oleh bekas Presiden *Bar Council*.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya terpanggil dengan *statement* iaitu Majlis Peguam. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Tanjong Karang. Apakah Yang Berhormat melihat bahawa Majlis Peguam ini memang sudah tidak relevan langsung dalam institusi pada hari ini. Iaitu mereka sudah tidak lagi profesional, berdiri atas landasan sebagai menegakkan keadilan.

Akan tetapi apabila ada berlaku apa-apa isu yang melibatkan pimpinan mana-mana pembangkang, Majlis Peguam akan menyuarakan seolah-olah mereka ini menjadi suara lidah pembangkang. Jadi, apakah Yang Berhormat Tanjong Karang mungkin ingin mencadangkan kepada kerajaan, sudah tiba masanya untuk kita melihat relevansinya Majlis Peguam ini? Ini kerana pada saya, Majlis Peguam ini adalah satu-satunya majlis yang boleh menjadi badan yang profesional yang membincangkan isu-isu untuk kepentingan peguam-peguam dan juga institusi negara kita.

Akan tetapi mereka telah memihak kepada pihak yang lain dan di sebaliknya termasuk juga terlibat dalam mana-mana demonstrasi jalanan. Ini pada saya merupakan satu pelanggaran undang-undang dan kebebasan yang diberikan oleh pemerintah kepada Majlis Peguam. Apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya Majlis Peguam ini mungkin *direvamp* ataupun diubahsuai dan mereka tidak lagi bebas membuat sesuka hati mereka. Oleh sebab seolah-olah mereka bukan lagi mewakili Majlis Peguam tetapi mewakili suara-suara pembangkang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Kinabatangan. Seperti yang saya nyatakan tadi bahawa Majlis Peguam ini sudah pun tersasar jauh. Mereka bukan lagi perjuangkan kebajikan peguam tetapi telah pun menjadi jurucakap kepada parti pembangkang. Oleh sebab itulah kita minta supaya pihak-pihak tertentu, terutamanya Peguam Negara, mesti kena tegas kepada mana-mana pemimpin.

Bukan sahaja pemimpin-pemimpin parti politik yang telah mengeluarkan kenyataan menghina mahkamah tetapi pemimpin *Bar Council* sendiri yang kita lihat telah membuatkan

kenyataan yang boleh dianggap sebagai menghina mahkamah. Kalau kita biarkan mereka ini bermaharajalela, bagaimana orang lain akan menghormati institusi kehakiman kita.

Peliknya, peguam ini akhirnya tugas mereka pergi ke mahkamah. Kalau dalam Majlis Peguam pun sudah tidak percaya dan mempertikaikan kewibawaan institusi kehakiman, apa guna mereka menjadi peguam? Apakah mereka hendak menjalankan tugas sebagai peguam pun mereka hendak jadi, hakim pun mereka hendak jadi. Jadi, sebab itulah sudah sampai masanya tindakan-tindakan yang akan saya cadangkan selepas ini harus dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Kita lihat bahawa tindakan Majlis Peguam bukan sahaja mereka membuat kenyataan mengenai institusi kehakiman, suara selari dengan pihak pembangkang, malah mereka sendiri kita lihat tidak menghormati satu resolusi atau satu ketetapan yang mereka sendiri buat. Saya beri contoh, di mana kita tahu bahawa ketetapan-ketetapan Majlis Peguam sebelum ini telah menyatakan bahawa mana-mana Hakim Kanan yang bersara tidak boleh bertindak sebagai peguam di mahkamah.

Akan tetapi oleh sebab pro sangat kepada Ketua Pembangkang ini, kita lihat bekas seorang Hakim Mahkamah Persekutuan boleh pula menjadi peguam bela. Kita amat kesal, tidak ada apa-apa protes atau apa-apa kenyataan yang dibuat. Kalau *Bar Council* memilih peguam ini sendiri, tidak boleh menghormati ketetapan yang mereka buat sendiri...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: ...Menunjukkan Majlis Peguam ini satu badan yang tidak perlu kita hormati juga.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Mencilah sedikit, ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik apabila Yang Berhormat Tanjong Karang bercakap mengenai Majlis Peguam. Dahulu kita pernah bercakap dalam Dewan ini. Apakah kerajaan boleh fikirkan atau kita cadangkan supaya kita wujudkan satu badan yang lain, juga yang boleh mewakili dan sebagaimana Majlis Peguam ini. Supaya peguam-peguam kita mempunyai pilihan. Ini kerana pada hari ini, mereka tidak ada pilihan, terpaksa menganggotai Majlis Peguam. Kadang-kadang kita tahu bahawa kebanyakan daripada keputusan dan pendirian *Bar Council* ini tidak pun mewakili majoriti ahlinya. Malah, ada di kalangan ahlinya yang mengkritik sendiri, *Bar Council* tidak dilayan oleh kepimpinan *Bar Council*.

■1210

Apakah bersetuju kalau kita cadangkan kepada kerajaan untuk wujudkan satu lagi badan lain supaya menjadi pilihan kepada peguam-peguam ini dan tidak hanya menganggotai satu badan yang kita tahu bahawa kebanyakan pendirian mereka lebih berpihak kepada tokoh tertentu atas kepentingan tertentu tidak berasaskan kepada profesionalisme mereka. Minta pandangan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Lenggong kerana sebagaimana yang kita sedia maklum sebelum ini ada satu rang undang-undang yang telah dibentang di dalam

Dewan yang mulia ini. Rang undang-undang ini dulu dinamakan iaitu Rang Undang-undang Akademi Undang-undang Malaysia 2002.

Tujuan rang undang-undang itu adalah untuk menubuhkan satu akademi bagi menggalakkan kecemerlangan guaman, memajukan standard akademik yang tinggi serta menggalakkan interaksi sosial dan juga perbincangan dengan mereka yang berminat dengan undang-undang. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Lenggong kita sudah ada sudah rang undang-undang ini. Sudah dibentangkan. Akan tetapi malangnya apabila desakan yang diterima daripada Majlis Peguam mereka hantar memorandum yang mengatakan bahawa kalau wujudnya Akademi Undang-undang Malaysia ini bercanggah dengan *Legal Profession Act*.

Kita kena ingat *Legal Profession Act* ini juga kita yang buat, Parlimen yang buat. Maka akhirnya kerajaan tunduk dengan desakan daripada *Bar Council*. Bacaan pertama telah dibuat tetapi malangnya kita telah tarik mengikut Peraturan 62, peraturan Majlis Mesyuarat di Dewan Rakyat ini, maka pihak Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada ketika itu telah menarik rang undang-undang ini. Maka hari ini saya hendak tegaskan, saya hanya hendak cadangkan supaya kerajaan membawa semula Rang Undang-undang Akademi Undang-undang Malaysia 2002 supaya kita dapat melaksanakan dengan lebih adil daripada segi menjaga kebajikan undang-undang dan juga semua mereka yang terlibat dengan profesion guaman.

Ini kerana kita sedia maklum bahawa kalau *Bar Council* hanya mereka yang ada, yang *so called to the Bar*. Artinya yang *only* hanya *practicing lawyer*. Akan tetapi di luar sana ramai pegawai undang-undang, periksa undang-undang yang ada kelulusan undang-undang. Mereka pun pakar dari segi undang-undang. Bila sebut undang-undang bukan mestinya undang-undang jenayah *civil law*, *litigation law*, *military* macam-macam *law* ada. Jadi bagi peluang mereka juga untuk bersama-sama dengan *practicing lawyer*. Jadi kerana itulah rasional untuk kerajaan pada tahun 2002 memperkenalkan Rang Undang-undang Akademi Undang-undang Malaysia 2002 ini telah dibawa ke Dewan ini dan akhirnya kita tunduk dan mengalah kepada *Bar Council*.

Jadi saya hendak minta lagi, hendak tekankan lagi sekali bawa kembali rang undang-undang kali ini kita jangan tunduk, jangan takut dengan *Bar Council* ini. Siapa *Bar Council* ini? Dia mereka wujudnya kerana *Legal Profession Act* yang kita buat dan hari ini kita lihat bahawa di dalam *Bar Council* terdiri daripada pelbagai kaum, pelbagai orang Melayu, Cina, India semua ada sebagai *lawyer*. Ada pelbagai agama pula yang mahu menjadi ahli *Bar Council*. Tetapi kita kena lihat sejak akhir-akhir ini *Bar Council* bukan sahaja mereka menjadi jurucakap kepada pihak pembangkang, tetapi mereka juga hari ini tidak menjaga sensitiviti kepada ahli-ahli dianya yang lain. Terutamanya peguam-peguam yang beragama Islam.

Saya hendak ambil contoh kita lihat, tindakan *Bar Council*. Kalau tindakan *Bar Council* antaranya macam isu kalimah Allah melalui peguam dengan mengambil pendirian menyokong tuntutan pihak Titar Archbishop Kuala Lumpur yang mendesak Kristian dibenarkan mengguna pakai kalimah Allah. Tuntutan yang sama telah dibuat oleh badan untuk benda yang sama dan juga disokong pula oleh pakatan-pakatan pembangkang yang lain. DAP pun dia sokong, PKR

pun sokong, PAS pun dia sokong melalui kalimah Allah. Ini sebagai contoh. Sepatutnya seperti *Bar Council* tidak perlu terlibat perkara-perkara seperti ini.

Jika kita lihat bagaimana mereka *Bar Council* juga memberikan sokongan kepada tuntutan-tuntutan Comango yang kita sedia maklum. Di mana Comango di antara tuntutananya merancang kebebasan untuk murtad dan menukar agama termasuk oleh orang Islam, kebebasan orientasi seksual termasuk antara sesama jantina, pemalsuan semua Enakmen Syariah yang didakwa kononnya melanggar hak asasi individu. Kemudian juga menuntut supaya pemalsuan seksyen 37, Kanun Keseksaan. Ini sepatutnya kes-kes yang seperti ini tidak perlu melibatkan Majlis Peguam.

Ini kerana kita tahu, di dalam ahli Majlis Persatuan Peguam Malaysia ini ramai bukannya terdiri daripada satu-satu kaum ataupun agama. Jadi ia patut mengamalkan dasar yang adil untuk kepentingan semua ahli kita. Kerana itulah kerana sebab itu saya setuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan, *Bar Council* telah jadi jurucakap kepada pembangkang kemudian tidak menjaga sensitiviti ahli-ahlinya. Maka hari ini saya hendak cadangkan supaya *Legal Profession Act* tahun 1976 mesti dikaji balik. Mesti dikaji balik dan dibuat beberapa pindaan. Antara pindaan yang saya hendak cadang ini Seksyen 50 Akta Profesion Undang-Undang 1976 di mana seksyen 50 akta ini kita kena pinda kerana Sistem Undi Pos yang diamalkan oleh pihak *Bar Council* hari ini memang tidak boleh terpakai lagi.

Kita tahu bahawa ahli peguam yang berdaftar lebih 15,000 tetapi yang ditanggung undi lebih kurang 2,000 tak sampai 17%. Jadi bagaimana mereka boleh mendakwa mereka mahu...

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Tanjong Karang, boleh saya pohon untuk mencelah?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Mereka mewakili suara daripada ahli-ahli *Bar Council*.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Tanjong Karang terima kasih. Yang Berhormat Tanjong Karang saya tertarik dengan perbahasan Yang Berhormat Tanjong Karang berkenaan dengan *Bar Council*. Jadi soalan saya pada Yang Berhormat Tanjong Karang adakah ini tidak – boleh tidak kita membuat satu konklusi *conclusion* dengan izin bahawa sebenarnya *Bar Council* ini sekarang ini bertopengkan suara-suara politik, parti-parti politik. Sebab kalau kita tengok daripada asal usul kewujudan *Bar Council*, mereka kena lebih memperjuangkan ahli-ahli yang membayar yuran di dalam *Bar Council*.

Mereka banyak lagi hari ini kita tengok isu-isu peguam-peguam yang menjadi peguam di luar sana banyak lagi isu-isu yang belum dapat diselesaikan. Jadi seolah-olah *Bar Council* ini tidak memperjuangkan isu ahli tetapi sibuk hendak memperjuangkan isu politik. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Tanjong Karang, kalau betul dia hendak berpolitik bertandinglah pilihan raya barulah kita boleh selesai masalah. Cakap dalam Dewan jangan pula gunakan *Bar Council* ini sebagai topeng untuk memperjuangkan isu-isu yang politik tetapi sebenarnya mereka perlu memperjuangkan isu-isu mereka yang menjadi ahli kepada *Bar Council* ini iaitu peguam-peguam yang berada di luar sana. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Itu sebab saya nyatakan tadi bahawa *Bar Council* ini sudah tersasar jauh daripada matlamatnya kerana sudah ada partisan, sudah ada politik. Oleh kerana itu kalau kita lihat kalau saya tidak silap Ahli Parlimen Subang, beliau pernah saman *Bar Council* kalau tidak silap sebab Yang Berhormat Subang ada kerana beliau boleh mengesahkan.

Beliau pernah saman *Bar Council* kerana Yang Berhormat Subang hendak jadi Jawatankuasa *Bar Council* tetapi telah ditolak oleh Jawatankuasa *Bar Council*. Kemudian, Yang Berhormat Subang tidak puas hati dia saman *Bar Council*, dia persoalkan mengapa dia tidak boleh menjadi Jawatankuasa *Bar Council*.

Mahkamah memutuskan bahawa *Bar Council* ini mesti bebas tidak ahli partisan dia ahli politik, Yang Berhormat Subang ahli politik kalau masuk jadi *committee Bar Council* dia akan jadikan *Bar Council* ini sebagai parti politik. Nampaknya keputusan hakim tidak silap saya, hakim masa itu pun Sri Ram kalau tidak silap hakim dia. Hari ini tidak diendahkan oleh *Bar Council*. Dia tolak Yang Berhormat Subang jadi *committee Bar Council*, tetapi hari ini dia bertindak lebih teruk daripada Yang Berhormat Subang. Jadi bermakna mereka bertindak sudah lari daripada landasannya. Itu sebab saya katakan tadi sedangkan mereka ini tidak mewakili seluruhnya daripada ahli-ahli peguam yang berdaftar di bawah *Bar Council*.

Jadi oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ulang balik tadi. Salah satu yang menyebabkan kita lihat undi, undi pos ini banyak berlaku penyelewengan. Cara mengundi pun *Bar Council* tidak betul. Itu pula hendak mengajar SPR macam mana hendak menjalankan pilihan raya di dalam negara kita. Buat Bersih, komen SPR sedangkan undi pos yang dibuat oleh SPR pun tidak betul, banyak penyelewengan.

■1220

Kemudian, orang yang kira undi itu pula terdiri daripada Bar Council. Oleh itu kita hendak cadang, kalaulah betul hendak buat pemilihan yang bersih di dalam Bar Council kita kena pinda seksyen 50 ini, supaya orang yang mengira undi itu kena cari orang luar, bukannya dipilih oleh Bar Council. Ini yang dikatakan pada saksi ke lutut semua ini. Dia pilih, dia kira Bar Council dia mestilah ada *favouritism* dia yang mana pro Bar Council menang, yang mana suara lantang sikit akan ini ha...

Seorang Ahli: Pro pembangkang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang mana pro pembangkang menang. Yang mana pro Barisan Nasional kalah. Ini undi. Undi pun sudah tidak betul. Kira pun sudah tidak betul. Jadi kita hendak cadang supaya mengira undi tidak boleh lagi. Jadi daripada tiga orang peguam yang dilantik oleh Bar Council, sebaliknya mestilah dilantik oleh Peguam Negara. Peguam Negara yang lantik orang yang kira undi ini supaya kira undi ini lebih adil lagi. Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya mendapat aduan di kalangan rakan-rakan peguam, ini yang menyebabkan mereka rasa

bosan, rasa terasing sehingga tidak– mana-mana ada AGM, Bar Council ini ramai yang tidak datang, tidak yang berkehendak menghadirkan diri sebab mereka rasa sudah ada blok-blok tertentu. Di mana siapa-siapa yang *in favour* dengan Bar Council maka itulah yang menang. Mana yang tidak, tetap kalah. Akan tetapi mereka menyuarakan ketidakadilan, sedangkan mereka sendiri kroni di dalam. Jadi saya setuju dan meminta Yang Berhormat Tanjong Karang supaya mungkin melaksanakan satu program baru ataupun satu entiti baru supaya Bar Council betul-betul telus.

Mereka bekerja untuk kepentingan rakyat kita, negara kita, memastikan *justice* untuk semua orang, bukan mereka mengadu domba, tetapi mereka juga yang membuat salah, tetapi menuding jari ke arah orang lain. Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih. Itu sebab saya kata tadi, kerajaan ada dua pilihan. Satu, kembalikan balik, bawa balik rang undang-undang Akademi Undang-undang Malaysia 2002, bawa balik ke dalam Dewan ini kita buat satu akademi yang baru. Atau pilihan yang kedua, saya kata pinda balik *legal profession* ini yang supaya ahli-ahli peguam yang berdaftar ini dia rasa lebih berlaku adil di dalam Bar Council. Saya sudah kata tadi, mengundi. Cara mengundi pun tidak betul, meletakkan soal demokrasi. Kemudian jawatankuasa pula. Jawatankuasa urusan pemilihan ini Yang Berhormat Kinabatangan, mereka ini pilih sendiri, yang terdiri daripada kakitangan Bar Council. Ini untuk – dia akan pilih kroni-kroni dia. Oleh sebab itu kita hendak cadangkan bahawa mesti dia pinda akta ini supaya dilantik sebagai satu badan bebas seperti SPR lah, Suruhanjaya Pilihan Raya lantik badan bebas untuk mengendalikan pemilihan Bar Council

Ini idea boleh dilaksanakan oleh Peguam Negara untuk kita mengendalikan proses pemilihan ini. Begitu juga kita hendak cadangkan juga supaya *annual practicing cert* ini, kali ini dikeluarkan oleh Bar Council maka kita hendak cadangkan supaya diberikan kuasa kepada Peguam Negara ataupun kepada Lembaga Kelayakan yang telah pun wujud. Jangan beri kepada Bar Council, biar Lembaga Kelayakan ini buat, ia menilai dan juga boleh diberikan kuasa kepada Peguam Negara.

Biar Bar Council ini menjalankan aktiviti-aktiviti mereka untuk menegakkan profesion guaman itu sendiri. Undi saya kata, undi pos kita hendak cadang. Tidak perlu pos. Boleh undi di mana-mana mahkamah. *Lawyer* daripada Perlis, Johor tidak payah datang Kuala Lumpur. Buat undi, di mahkamah dengan disaksikan oleh para pegawai yang dilantik, pegawai bebaslah maksudnya. Kalau pegawai itu dilantik oleh Bar Council itu sendiri mana ada kebebasannya.

Inilah yang saya hendak mempertikaikan kerana Bar Council ini dia cakap tidak serupa bikin kerana mereka telah terpengaruh dengan perjuangan pembangkang. Oleh sebab pembangkang perangai pun sama. Dia, "*Cakap tidak serupa bikin*". Dia belum memerintah dia cakap lain, bila memerintah dia cakap lain. Janji dengan rakyat dia cakap lain. Kerja yang dia tahu menghasut rakyat. Hari ini kita lihat pihak Bar Council telah pun terperangkap dengan cara dan perjuangan pihak pembangkang.

Begitu juga saya hendak cadangkan supaya kuota untuk menghadiri mesyuarat Bar Council mesti ditentukan. Hari ini kalau kita lihat sejak 10 tahun dahulu hampir lebih kurang 13% sahaja yang hadir. Tidak sampai 2,000, yang ada 15,000. Jadi akta mesti diubah supaya ada kuorum. Kita mesyuarat pun ada kuorum. Dalam Dewan yang mulia ini pun ada kuorum. Kalau kuorum tidak cukup kita tidak boleh bermesyuarat. Jadi kerana itu kuorum mesti diwujudkan. Kalau hendak mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya mesti ada 50% ahli-ahli itu hadir, barulah mesyuarat itu boleh dijalankan ataupun saya kata tadi sekurang-kurangnya undi yang diperoleh daripada ahli-ahli ini mestilah lebih 51%, bukannya undi daripada 17% ahli-ahli Bar Council untuk memilih jawatankuasanya.

Jadi kerana itulah hari ini kita lihat Bar Council telah tersasar daripada tujuan penubuhannya dan menjadi alat pembangkang, maka saya hendak tegaskan sekali lagi bahawa kerajaan tidak boleh memandang remeh kepada tindak tanduk Bar Council. Apa juga kita buat, Akta Hasutan kita belum lagi bincang, dia sudah buat demonstrasi. Jadi kerja Bar Council ini ialah sudah jadi macam Pakatan Rakyat. Kerjanya sudah mula menganjurkan demonstrasi-demonstrasi jalanan. Cakap soal demokrasi, mereka tidak mengamalkan demokrasi. Cakap soal pemilihan yang bersih, ini Ambiga dulu cakap Bersih, Bersih ini. Dia pun tidak bersih kan? Jadi SPR pun tidak bersih untuk – Majlis Peguam pun tidak bersih dia hendak tunjuk pandai.

Jadi sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, kita harap kerajaan kena memandang serius dan mengambil kira cadangan-cadangan yang telah pun saya nyatakan sebentar tadi. Ya, Menteri hendak tanya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Boleh tanya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya hendak tanya bukan hendak campur tangan, hendak tanya. Terdapat beberapa buah negara dunia sekarang ini, berdasarkan kepada perkembangan penduduk dan jumlah peguam-peguam yang ramai, mereka menubuhkan beberapa buah Majlis Peguam. Macam sekarang ini di Malaysia, Majlis Peguam terpaksa memberi perkhidmatan kepada peguam yang begitu ramai. Ini kalau dicampur dengan yang keluar universiti ini lagi ramai. Apakah mungkin kita mengikut negara-negara maju iaitu menubuhkan beberapa buah Majlis Peguam.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Menteri. Ya, sebab itu saya kata tadi bahawa di negara kita pun kita sudah cuba buat. Saya kata hendak tubuhkan akademi undang-undang dekat Malaysia. Akan tetapi itulah masalah kita, bila didesak sikit oleh Bar Council kita mengalah, kita takut. Jadi sebab itu lama-lama Bar Council dia naik muka. Ini kalau orang kata kaduk naik junjung ini. Dia kata dia hendak takut apa? Apa sahaja kerajaan buat kerajaan mereka akan bantah, mereka adakan demonstrasi dan kerajaan akan menjadi takut dengan Bar Council.

Ada beberapa undang-undang pun saya tengok yang ada yang telah pun dimasukkan di dalam Parlimen. Saya tengok JPM pun akhirnya tarik balik undang-undang tersebut. Ada dua tiga

undang-undang yang sepatutnya kita bahas dan sudah jadi bacaan kali pertama tetapi apabila jumpa Bar Council, Bar Council kata tidak betul dan tidak setuju akhirnya kita tunduk.

Siapa sebenarnya yang berkuasa ini? Bar Councilkah ataupun kerajaan. Sepatutnya kita yang berkuasa, kita boleh dengar pendapat mereka, tetapi kita tidak semestinya tunduk sehinggakan bil bacaan pertama, sudah dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini pun kita sanggup tarik balik, semata-mata kita takut ataupun kita bimbang atas tindakan Bar Council.

Seperti mana saya katakan tadi, apa hebatnya Bar Council? Pilih jawatankuasa pun tidak betul, demokrasi pun tidak ada maka tubuhnya Bar Council ini di bawah *legal profession* ini kita yang buat, Parlimen yang buat. Maka apa salahnya hari ini kita pinda balik, *legal profession* ini untuk kita menyusun supaya peranan mereka ini tidak tersasar daripada yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak ambil kesempatan di sini hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai isu 1MDB. Isu 1MDB ini kita lihat sudah jadi satu isu yang cukup hebat. Bercakap, berceramah sehingga boleh menjejaskan ekonomi negara kita, tuduh dan berbagai-bagai.

■1230

Oleh sebab itu, tindakan dan keputusan yang telah dibuat oleh pihak kerajaan amat tepat sekali supaya Ketua Audit Negara hendaklah audit akaun 1MDB. Saya nak cadangkan lagi kalau boleh supaya ia nampak lebih *transparent* lagi supaya nampak lebih adil, supaya tidak ada nanti orang kata Ketua Audit Negara pula nanti bersekongkol pula dengan 1MDB.

Saya nak cadang supaya Jabatan Audit Negara melantik juruaudit antarabangsa. Lantiklah seorang dua orang untuk turun bersama-sama membuat audit supaya ia lebih adil lagi. Kemudian dalam masa yang sama, kita juga bersetuju seperti mana yang diputuskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya PAC – mana Pengerusi PAC?

Beberapa Ahli: Di London.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Kita tahu dalam PAC ini pembangkang pun ada. Pembangkang ada, tak apalah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *Gentleman*.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: *Gentleman*, masuk. Walaupun saya tengok kenyataan Pengerusi PAC, dia kata dia masuk fasal isu KLIA2. Bila dia masuk dulu mungkin agak sukar untuk melaksanakan arahan-arahan PAC, itu isu lain. Isu hari ini isu 1MDB ini. Audit PAC. Ini dalam PAC kalau tak silap saya Yang Berhormat Petaling Jaya Utara pun ada. Yang Berhormat Petaling Jaya Utara pun ahli dalam PAC.

Beberapa Ahli: Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu ada.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Jadi janganlah melalak di luar. Yang Berhormat Simpang Renggam pun sama, janganlah melalak di luar, buat tuduhan-tuduhan. Jadi oleh sebab itu memang patut tindakan yang diambil oleh Perdana Menteri, saman Yang Berhormat Petaling Jaya Utara ini. Kita harap bila saman ini membuktikan bahawa keberanian Perdana Menteri untuk tidak melindungi apa-apa. Esok dalam mahkamah tanya. Semua boleh

disoal tetapi dengan syarat kena masuk kandang saksi lah. Janganlah jadi macam Ketua Pembangkang takut masuk kandang saksi. Bila tak masuk kandang saksi macam mana...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ini dah lebih lah, jangan lebih-lebih lah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Apa?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Kita pun tak nak ganggu *you* cakap. Akan tetapi janganlah lebih-lebih. Apa ini Speaker? [*Dewan riuh*] Jangan tuduh-tuduh macam itu. Dah lah tak bagi peluang untuk datang sidang, lepas itu lebih-lebih pula. Saya tekun dengar, saya tak nak ganggu dia. Lepas ini kita ada peluang juga nak balas. Akan tetapi jangan lebih-lebih fitnah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Fitnah?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Sudahlah jangan cakap lebih lah.

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Duduk, duduk. Apa Yang Berhormat Kapar ini? Mabuk kah? Yang Berhormat Kapar...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Itu ayat, siapa yang mabuk? Apa mabuk, mabuk ini?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tak apa lah fitnah...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Apa mabuk-mabuk ini?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Apa lah fitnah?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ayat itu jaga sedikit.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey. Tarik balik.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ayat itu jaga sikit.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Apa yang fitnah?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *You* yang cakap mabuk. Ayat itu tarik.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tarik apa? Yang kata fitnah itu apa?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ada mabuk-mabuk...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya tengah bercakap dengan benda yang betul...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *You* mabuk kah?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya bercakap yang betul, tiba-tiba kata saya fitnah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Cakap betul apa?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Kita bukan macam pembangkang buat fitnah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Cakap betul apa? Memang fitnah dari tadi.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Apa fitnah?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Memang fitnah pun. [*Dewan riuh*]

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak ada apa kita nak cakap fitnah. Kita bukan macam pembangkang cakap fitnah. Nak ulang luar Parlimen pun boleh. Apa yang fitnah yang saya cakap? Kita hanya bercakap kepada fakta. Kepada fakta. Bila sentuh tentang Ketua Pembangkang saja melompat. Fasal apa? Ini pun fakta. Ini peguam. Peguam apa ini? Memang betul Ketua Pembangkang mana berani duduk dalam kandang saksi sebab itu dia tidak boleh di *cross-examined*. Tak boleh. Ini kenyataan. Fitnah apa?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Itu hak dia. *You lawyer* kan? *You* tahu kan. Tak payah cakap benda-benda yang tak patut lah.

Seorang Ahli: Apa *you, you* ini?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Sebab itu saya kata, sebab itu saya cadang. Saya cadang bila kes ini esok pergi mahkamah, memanglah sebagai plaintif, dia ada tiga pilihan. Saya tahu dia boleh berdiam diri, dia boleh duduk di kandang tertuduh, dia boleh bagi pilih kepada kandang saksi. Saya nak cadang, kalau kes 1MDB ini esok pergi ke mahkamah, masuk kandang saksi. Janganlah duduk kandang tertuduh. Dia tak boleh soal balas. Jadi supaya ia lebih adil perbicaraan itu.

Saya minta bila kes ini telah pun dimulakan saman, jangan tariklah. Kita mintalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tak usah tarik kes ini. Jangan nanti *last minute* selesai luar mahkamah ini macam kes Yang Berhormat Lembah Pantai dengan bekas Menteri Wilayah dahulu, telah selesai di luar mahkamah. Jadi, apakah gunakan saman-saman ini untuk sementara sahaja? Jadi akhirnya kita dituduh, "*Oh! Oleh sebab habis kes mahkamah ini kerana hendak menutup mulut?*" Itu pun dari Yang Berhormat Petaling Jaya Utara dah buat *statement*. Saya ada baca. Sebab dia disaman supaya tutup mulut. Supaya bila kes pergi mahkamah dah tak boleh nak bercakap dekat luar.

Jadi akhirnya apa tindakan yang kita buat, walaupun niat kita baik, akhirnya akan dilihat perkara yang menjadi tak baik. Jadi kerana itu saya harap pergi ke mahkamah ini, bila keberanian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menyaman Yang Berhormat Petaling Jaya Utara ini ke mahkamah menunjukkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berani untuk menghadapi realiti. Bersedia untuk disoal di dalam mahkamah nanti.

Kita juga harap supaya PAC apabila membuat siasatan ini mesti juga telus. Ini ramai Ahli-ahli PAC jangan sembunyi. Jabatan Audit Negara pun tak usah sembunyi dan seperti mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri katakan, "*Barang siapa yang terlibat kalau ada berlaku penyelewengan mestilah didakwa di muka pengadilan.*" Tidak kira siapa pun supaya kita juga sebagai Barisan Nasional, kita juga tidak mahu kalau betul apa yang didakwa ini berlaku di dalam 1MDB.

Jadi tindakan tegas mesti diambil dan juga saya bersetuju dengan saranan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Kalau ada apa-apa yang berlaku, *no bailout*. Tak payah *bailout*. Jangan gunakan lagi wang rakyat kalau betul-betul ada berlaku penyelewengan. Akan tetapi kalau kita lihat benda yang didakwa itu tidak betul dan ini semua urusan perniagaan apa salah kalau kita memberikan sokongan kepada 1MDB.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga nak pergi kepada isu pekerjaan di mana kita sedia maklum bahawa kerajaan telah pun merancang pelbagai projek. Menjelang tahun 2020, kita ada pelbagai program yang telah dibuat dan semuanya ini kita boleh laksanakan kalau kita mendapat kerjasama daripada semua pihak. Saya ada ambil satu contoh – apa yang berlaku tadi di dalam perbincangan kita di negeri Selangor.

Kerjasama di antara pihak Kerajaan Persekutuan dengan pihak kerajaan negeri ini mesti diwujudkan. Kalau pihak kerajaan negeri nak tunjuk kuasa, tentulah kita tidak boleh ada kerjasama yang baik. Yang Berhormat Gombak selaku Menteri Besar, beliau pernah membuat kenyataan akan bersedia memberikan kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan. Kita nak mengucapkan terima kasihlah kepada Kerajaan Negeri Kelantan, masalah banjir. Mereka sanggup bekerjasama dan kita ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga sebagai pemimpin UMNO, Yang Berhormat Baling dan semua, kita turun selesaikan masalah membantu mangsa-mangsa banjir.

Padahal Kelantan ini kita tahu ialah PAS. Speaker tak apa, sebab dia Pahang. Kita Pahang, kita pun hantar katil, Selangor pun hantar katil, tilam itu sebab sama-sama Barisan Nasional tetapi ini...

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini PAS, pembangkang. Kalau kita sebagai pemimpin, asyik berpolitik maka yang menjadi mangsa ialah rakyat. Kalau katalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita lebih berpolitik, pentingkan politik. Ha! Ini banjir biar. Hendak tengok apa kerajaan negeri boleh buat? Kemampuan yang dia buat. Saya rasa banyak masalah tak boleh selesai. Akan tetapi bila kepentingan rakyat, kita kena ketepikan kepentingan politik. Samalah juga di negeri Selangor ini.

Menteri Besar Selangor Yang Berhormat Gombak baru enam bulan, tak sampai enam bulan jadi Menteri Besar dah nak tunjuk cerdik. Dah nak tunjuk pandai. Sebenarnya dia bukan pandai pun. Nak tunjuk pandai, dia memandai-mandai. Kalau dia cerdik lepas ini dia tak tanya soalan ini dalam Dewan seperti mana yang Tan Sri Speaker cadang tadi. Sebagai Menteri Besar dia boleh terus berbincang dengan Menteri yang berkenaan seperti yang dibuat oleh mantan Menteri Besar daripada Ahli Yang Berhormat Bandar Tun Razak, masalah air di negeri Selangor.

Tadi pun Menteri ada kata 15 tahun masalah air ini. Oleh sebab itu waktu kita memerintah dulu, kita dah nampak. Tahun 2014 ini merupakan kritikal. Masalah kritikal air di Selangor. Tinggal 2% sahaja. Oleh sebab itu kita buat satu loji yang besar. Kita beli air dari Pahang. Air daripada loji dah siap. Tinggal lagi Loji Langat 2 ini kita tak boleh nak buat sebab tanah ini kuasa kerajaan negeri.

■1240

Akan tetapi oleh sebab mereka lebih mementingkan politik, maka Loji Langat 2 sampai sekarang – tadi baru beritahu, baru 1%. Sampai tahun 2017 ini Selangor bagaimana untuk menghadapi masalah air? Rakyat akan menderita. Bayangkan, bagaimana orang yang duduk

dekat lif. Sudahlah Negeri Selangor ini kita lihat pengurusan lif tidak dibuat dengan baik. Ada satu kawasan saya pergi di beberapa tempat kawasan-kawasan perumahan PPR terutamanya, sampai ada satu blok itu lif pun tidak ada, 12 tingkat, bayangkan. Rakyat kena naik tangga kerana lif tidak ada.

Jadi apa yang saya nyatakan ialah bahawa di dalam kita hendak menentukan kebajikan rakyat, maka kita kena ketepikan politik. Saya cukup resah. Saya tahu di dalam Dewan Undangan Negeri Selangor, usul yang dibawa oleh ADUN Bukit...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Selangor bangun.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Rakan, Yang Berhormat Kuala Selangor bangun.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya tertarik dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang tentang isu air di Selangor. Saya mohon pandangan Yang Berhormat Tanjong Karang mengenai tindakan Kerajaan Negeri Selangor membatalkan perjanjian penstrukturan air dengan Kerajaan Persekutuan yang mana perjanjian tersebut adalah bagi muktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air. Saya melihat dengan tindakan tersebut, ia amat mendukacitakan kerana ia boleh dianggap sebagai satu tindakan menderhaka kepada Titah Tuanku Sultan Selangor dan saya khuatir rakyat Selangor khususnya di Kuala Selangor dan Negeri Selangor keseluruhannya akan hidup menderita kerana isu air ini telah menjadi isu sejak tahun 2008.

Jadi yang kedua, saya juga hendak minta pandangan Yang Berhormat Tanjong Karang, adakah dengan pembatalan ini akan menyebabkan isu penyatuan air ini akan membebankan rakyat Negeri Selangor sehinggakan rakyat Negeri Selangor akan terus menderita sampai bila-bila? Terima kasih.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Kita orang Selangor, kita tidak ada lebih pentingkan politik. Setuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya tidak pastilah, boleh jadi Yang Berhormat Kuala Selangor nyatakan tadi bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pun pernah mungkin bertitah pasal air...

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Tanjong Karang. Yang Berhormat Tanjong Karang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tasek Gelugor bangun.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Tentang air juga, hendak minta tanya pandangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa pandangan Yang Berhormat Tanjong Karang berkenaan dengan isu air pula di Pulau Pinang ini? Ini kerana di Pulau Pinang ini, Negeri Pulau Pinang mendapat bekalan sumber air ini daripada Sungai Muda dari Negeri Kedah, tetapi

Pulau Pinang telah pun mengenakan dua kali surcaj pada tahun 2011, kemudian dinaikkan pula lagi 100% surcaj itu baru-baru ini. Ada pula ura-ura katanya kerajaan negeri akan naikkan pula bil air. Jadi semua kenaikan ini memang begitu membebankan, sedangkan Negeri Pulau Pinang mengambil air dari Negeri Kedah. Jadi, wajarkah Kerajaan Negeri Kedah dan juga Kerajaan Persekutuan menyemak semula cadangan-cadangan yang telah dibuat oleh Negeri Pulau Pinang kerana ia betul-betul membebankan rakyat di negeri tersebut. Terima kasih.

Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Mersing.

Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]: Semua sedia maklum bahawa Yang Berhormat Bandar Tun Razak, mantan Menteri Besar adalah sahabat karib kepada Yang Berhormat Gombak daripada dahulu sampai sekarang. Saya hendak tanya Yang Berhormat Tanjong Karang, apakah benar bahawa oleh sebab masalah dua tokoh besar ini, gajah dengan gajah, akhirnya kancil iaitu rakyat Negeri Selangor... *[Disampuk]* Kancil atau pelanduk, sama sahaja. Menjadi mangsa kepada percaturan politik seolah-olah Yang Berhormat Gombak hendak menjadi hero lebih daripada Yang Berhormat Bandar Tun Razak. Apa pandangan Yang Berhormat Tanjong Karang?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih rakan dari Mersing, dari Tasek Gelugor dan juga dari Kuala Selangor. Jadi, banyak isu air ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, pertama saya hendak sentuh pasal Yang Berhormat Kuala Selangor punya pandangan tadi. Menteri Besar, sewaktu dia mengangkat sumpah dahulu, dia pernah nyatakan, kalau saya tidak silap, hendak menyelesaikan banyak isu yang tertangguh ini. Akan tetapi soalan Yang Berhormat Kuala Selangor ini sama ada dia menderhaka atau tidak kepada Titah Tuanku Sultan ini, kita lihat Menteri Besar Selangor ini dia bukannya dengar sangat apa cakap Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor ini. Bayangkan, Ketua Pembangkang ini gelaran Datuk telah pun dilucutkan oleh Sultan Selangor, tetapi Yang Berhormat Gombak masih lagi lantik sebagai Penasihat Ekonomi Negeri Selangor. Sudah masuk penjara pun lantik juga lagi, kekalkan lagi sebagai Penasihat Ekonomi. Seolah-olah anak Selangor ini tidak ada yang cerdik, tidak ada yang boleh merancang. Apakah dengan melantik Ketua Pembangkang menjadi Penasihat Ekonomi ini menjamin pembangunan ekonomi di Negeri Selangor?

Oleh sebab itu kita lihat isu air ini sudah jadi isu politik seperti mana Yang Berhormat Mersing kata tadi. Masing-masing hendak tunjuk kuasa dan kita tahu salah satu sebab mengapa Yang Berhormat Bandar Tun Razak dipecat jadi Menteri Besar kerana Yang Berhormat Bandar Tun Razak menandatangani MoU isu air dengan Kerajaan Persekutuan. Di Dewan Undangan Negeri, usul telah pun diluluskan. Kalau tidak silap saya usul dibawa oleh ADUN dari Bukit Tunku yang supaya hendak mengkaji balik, tidak bersetuju dengan MoU yang telah ditandatangani.

Akhirnya hari ini, Menteri Besar Selangor yang baru ini, dia mungkin tertekan dan mungkin dia juga kalau teruskan air ini dia mungkin juga akan dipecat. Mungkin juga akan dipecat sebagai Menteri Besar kerana kita tahulah dia jadi Menteri Besar pun atas linangan air

mata orang lain. Nama dia tidak ada, tiba-tiba jadi Menteri Besar. Sepatutnya jadi Menteri Besar itu yang ahli Pilihan Raya Kecil Kajang itu. Kalau Yang Berhormat Gombak jadi Menteri Besar, tidak payahlah adakan Pilihan Raya Kecil Kajang. Ini sebagai contoh.

Akan tetapi hari ini kita lihat, ini kerana politik. Oleh sebab politik, hari ini saya tidak tahu, tadi kita dengar telah pun dibatalkan. Apa akan jadi Negeri Selangor ini?

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: *[Bangun]*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Air tinggal 2%. Bukan sahaja macam mana Yang Berhormat Kuala Selangor kata tadi, catuan air akan berlaku. Tahun ini rakyat Negeri Selangor bernasib baik kerana hujan lebat telah pun berlaku sebelum ini. Kita bimbang, tadi Menteri kata tahun 2017 pun belum tentu lagi Loji Langat 2 ini siap. Bayangkan ada tiga atau empat tahun lagi, apa akan berlaku air di Selangor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Tinggi bangun.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Sekejap, saya hendak habiskan pasal Selangor.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Pendek sahaja.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak, saya sedikit lagi. Apa yang lebih penting lagi ialah daripada segi ekonomi Negeri Selangor, seperti yang saya katakan tadi. Negeri Selangor ini negeri yang maju. Punca kemajuan di negara kita, maritim portnya ialah di Negeri Selangor. Dahulu Negeri Selangor ini nombor satu ekonomi. Hari ini Negeri Selangor sudah jatuh nombor empat daripada segi prestasi pelabur-pelabur datang. Bawah lagi dari Sarawak, nombor empat. Mula-mula tahun 2013 okey, jatuh nombor dua. Ini tahun 2014 jatuh sampai nombor empat. Peluang-peluang pekerjaan menurun. Dari tahun 2008 sewaktu mereka mula-mula memerintah di Negeri Selangor, ada peluang pekerjaan lebih 30,000 peluang-peluang pekerjaan. Mereka memerintah baru sampai lebih kurang enam tahun, tujuh tahun, tahun 2008 sampai sekarang tahun 2014, daripada 30,000 peluang pekerjaan di Negeri Selangor merudum jatuh kepada 15,000.

Ini mereka pula nanti bila perkara ini berlaku, mereka akan kempen. Dia kempen pergi jumpa anak-anak muda, masuk universiti, lihat pengangguran berlaku di negara kita, pengangguran berlaku di Negeri Selangor. Tidak ada pekerjaan, anak-anak muda tidak ada pekerjaan, graduan tidak ada pekerjaan. Bagaimanakah hendak ada pekerjaan? Akan tetapi apabila pengangguran itu berlaku, mereka tidak kata salah Kerajaan Negeri Selangor, dia kata ini salah Kerajaan Persekutuan. Tanam lagi perasaan benci kepada Kerajaan Persekutuan padahal yang menyebabkan punca pengangguran ini ialah daripada kerajaan negeri. Saya katakan tadi daripada 30,000 peluang pekerjaan merudum hanya tinggal 15,000 peluang pekerjaan.

Begitu juga tadi yang dinyatakan oleh sahabat saya dari Tasek Gelugor tadi. Yang Berhormat Tasek Gelugor tadi kata penyumbang kepada kenaikan kos hidup rakyat. Hari ini kita lihat mereka buat demonstrasi. Yang Berhormat Pandan lagilah, harga minyak naik buat

demonstrasi. “*Tengok, sebab harga minyak naiklah maka harga barang-barang naik.*” Buat lagi demonstrasi, menghasut rakyat.

■1250

Akan tetapi, yang peliknya kalau betullah ini merupakan pejuang kepada rakyat, apabila harga minyak turun, tiga kali turun, walaupun baru-baru ini sudah naik sedikit RM0.25 sen, walaupun naik RM0.25 sen, masih lagi rendah. Kalau dibandingkan daripada harga minyak yang asal sebelum ini. Masih lagi rendah. Akan tetapi, sepanjang harga minyak ini diturunkan, rendah tetapi harga barang-barang tidak naik. Jadi ini membuktikan bahawa kenaikan harga barang-barang ini tiada kaitan secara langsung dengan harga minyak. Akan tetapi, patutnya mereka kena perjuangkan supaya peniaga-peniaga jangan naikkan harga. Akan tetapi, hari ini kita jangan lupa, penyumbang – salah satu penyumbang menyebabkan kos menyusahkan rakyat ini ialah kerajaan negeri.

Tadi Yang Berhormat Tasik Gelugor kata di Pulau Pinang air dinaikkan. Ini menyusahkan rakyat. Bila cukai air ini, tarif air ini dinaikkan, melibatkan peniaga-peniaga, tentulah peniaga-peniaga mahu tidak mahu kena naikkan harga barang. Akan tetapi ini mereka tetap mengatakan kalau rakyat susah, kenaikan kos barang-barang ini ialah salah Kerajaan Persekutuan. Di negeri Selangor, saya ambil contoh pasar tani. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, sahabat kita beria-ia buat pasar tani, hendak tubuhkan pasar tani, hendak menghapuskan dan mengurangkan kadar kenaikan harga barang. Akan tetapi, apa yang berlaku di Shah Alam? Di Shah Alam, kira pasar tani yang terbesar. Kalau tiap-tiap hari Sabtu, tidak silap saya ataupun hari Ahad, di Stadium Shah Alam pergi tengok. Satu hari dekat lima hingga enam ribu orang datang. Saya telah bertanya.

Dulu, sewa tapak pasar tani ini, lebih kurang RM240 setahun, sebulan lebih kurang RM20 yang dikenakan oleh Majlis Perbandaran Shah Alam ataupun oleh Bandaraya Shah Alam. Akan tetapi hari ini, sewa tapak pasar tani ini naik daripada RM200 setahun sampai RM1,200. Artinya daripada RM20 sebulan, naik sampai RM70 sebulan. Berapa kali ganda? Berapa kali ganda? RM20 naik ke RM70.

Seorang ahli: *[Berakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tidak jujur itu.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Cukai-cukai, cukai pintu naik, mana ada cukai yang semua cukai tetapi cukai pintu naik, cukai lesen jualan, lesen perniagaan naik sampai 400%. Yang turun, Menteri Besar sahaja, yang telah diturunkan. Yang mana Menteri Besar macam Bandar Tun Razak memperjuangkan untuk rakyat, buat perjanjian air, yang itu diturunkan. Oleh kerana apa?

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Akhirnya, tetapi apa kempen mereka tiap-tiap malam. Kempen ini semua salah Kerajaan Persekutuan. Yang Berhormat Pandan kata ini sebab harga minyak naik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Seorang ahli: *[Berakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kapar.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Kapar kata, semualah, kata salahkan kita. Akan tetapi jangan lupa, tanggungjawab urusan Kerajaan Persekutuan juga boleh menyumbangkan kepada kos kenaikan harga barang-barang. Jadi sebab itu, kita harap...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kota Tinggi bangun. Yang Berhormat Kota Tinggi.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Pendek sahaja, boleh?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ha, okey Yang Berhormat Kota Tinggi.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Timbalan Yang Di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya hendak bertanya sedikit kepada Yang Berhormat Tanjong Karang mengenai tindakan dan keputusan yang pada pandangan saya amat salah, di mana kita *reverse* balik keputusan air ini kerana air ini akan menjadi satu masalah besar atau mengganggu gugat kesejahteraan rakyat, juga pembangunan ekonomi, industri dan mungkin akan menghilangkan pekerjaan.

Setuju atau tidak Yang Berhormat Tanjong Karang, keputusan salah ini sebenarnya adalah satu bebanan kepada negara dan akan menyebabkan terjejas teruk ekonomi pada masa depan dan bercanggah dengan usaha kita dan saranan Titah Tuanku Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong untuk menyejahterakan rakyat kerana ia akan menyebabkan keyakinan pelabur kurang dan terjejas pendapatan ekonomi. Ini secara langsung akan menjadi satu bebanan yang begitu besar yang akan merosakkan pembangunan di seluruh di negeri-negeri lain.

Jadi adakah Yang Berhormat Tanjong Karang setuju dengan pandangan ini? Terima kasih.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Dia akan terjejas perkara ini nanti, bukan sahaja di negeri Selangor, termasuk juga Wilayah Persekutuan. Jadi bayangkan kalau Selangor, ekonomi pelabur, seperti yang saya kata tadi, para pelabur sudah lari. Tadi Menteri pun cakap, ada syarikat-syarikat yang mula hendak gulung tikar. Saya pernah dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa, berjumpa dengan pengusaha-pengusaha ataupun tauke-tauke kilang-kilang ini. Mereka mengeluh, mereka terpaksa membelanjakan peruntukan yang lebih, belanja yang lebih apabila air tidak ada, terpaksa memberhentikan pekerja-pekerja dan ada juga memberitahu mereka mungkin akan berpindah ke negara lain. Jadi kalau Selangor, wilayah yang merupakan port kita di sini, sudah

mula pelabur-pelabur hilang keyakinan kerana masalah air, sudah tentu ia akan memberikan kesan kepada pembangunan ekonomi di negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Tanjong Karang dua perkara daripada pengalaman negeri Perak. Satu, kalau negeri Selangor sendiri diberikan peluang untuk mentadbir bekalan air, seperti di negeri Perak di bawah Pakatan Rakyat, kita mentadbir air tanpa campur tangan Kerajaan Persekutuan, kita tadbir dengan baik, setiap tahun ada kelebihan keuntungan RM100 juta.

Kedua, tadi dikatakan ada kenaikan sewa di Selangor. Di negeri Perak, di bawah Barisan Nasional baru-baru ini, fi tahunan iklan naik sampai 66 kali, 6,600% daripada RM200 lebih boleh naik sampai ribu-ribu, sampai berpuluh ribu setiap tahun. Adakah ini pentadbiran yang lebih baik daripada Pakatan Rakyat? Kalau boleh jawab.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Yang Berhormat daripada Beruas. Saya baca surat khabar, dalam *blog*, saya tidak tahu betul atau tidak betul, kata Yang Berhormat pelabur yang paling besar di Kelantan.

Seorang ahli: *[Berakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ya.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya tidak tahulah. Itu saya baca dari surat khabar, Yang Berhormat jangan marah. Saya tidak tahu itu betul atau tidak betul. Jadi kata yang Seputeh banjir itu sebab syarikat, katanya syarikat Yang Berhormat. Itu saya tidak tahu betul atau tidak betul, pelabur yang terbesar di Kelantan, punca banjir katanya. Itu saya tidak tahu.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Bangun]*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Duduklah, jangan marah. Saya baca surat khabar.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Ini satu perkara dalam mahkamah. *News Straits Times* akan bayar saya kerana membuat tohmahan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey, *good, good*.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Jadi yang Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani pun dia yang percaya semua penipuan *blog-blog* UMNO kata saya tuan punya Old Town Kopitiam. Tengok ini semua pembohongan. Oleh sebab itu kerajaan Barisan Nasional tidak boleh tadbir kerana mereka berlandaskan pembohongan untuk membuat keputusan. Itu masalah Barisan Nasional.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Sekarang saya hendak tanya, berilah Kerajaan Selangor satu peluang untuk mentadbir air dengan baik dan mereka boleh. Seperti yang telah ditunjukkan di Perak, kita boleh tadbir air tanpa campur tangan Kerajaan Persekutuan. Akan tetapi baru-baru ini kerajaan negeri Barisan Nasional sudah pun memberikan kuasa kepada Yang Berhormat Sepang untuk masuk mentadbir tetapi orang Perak kerugian.

Maksud saya ini, adakah Yang Berhormat Tanjong Karang setuju kalau kita beri peluang kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk mentadbir air. Kemudian kalau bandingkan dengan pentadbiran Barisan Nasional, kita janji, memang di Perak ini dulu kita janji semua fi dan cukai tidak naik di bawah pentadbiran Pakatan Rakyat. Kalau di Selangor ada naik sedikit pun kalau dibandingkan dengan Barisan Nasional, lagi teruk Barisan Nasional. Bagi jawapan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey. Terima kasih. Pertama sekali terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat masih percaya mahkamah lagi, sebab bawa kes itu ke mahkamah. Terima kasih. Jadi oleh itu, janganlah bantai hakim-hakim ini. Yang Berhormat mesti percaya dengan mahkamah, sokong keputusan mahkamah itu adalah keputusan yang betul. Itu pun kalau Yang Berhormat menang. Takut Yang Berhormat kalah esok, Yang Berhormat demonstrasi pula. Yang Berhormat buat demonstrasi pula kata keputusan mahkamah kita tidak betul. Cakap terima kasih pun marah? Saya ucapkan terima kasih pada Yang Berhormat. Okey, Yang Berhormat jangan jawab lagi.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tuan Yang Di-Pertua, hanya saya hendak nyatakan bahawa dalam kes-kes politik sahaja, dikatakan ada campur tangan. Macam kes krisis Perak dahulu, pun mahkamah tidak ikut keputusan mahkamah sendiri, *precedent*. Bagaimanakah seseorang Ketua Menteri ataupun Menteri Besar boleh dilantik, mesti di dalam dewan. Keputusan kes Ketua Menteri pertama Sarawak dahulu, mahkamah sudah putus. Akan tetapi di Perak tidak ikut. Maksud kita ini, kita bantah ialah kes-kes yang ada unsur-unsur politik dikatakan ada campur tangan, bukan kes orang-orang biasa. Ini bayaran yang sedikit untuk fitnah semua itu tidak akan menggugat kuasa Barisan Nasional mentadbir negara. Jadi, mesti bezakan apa yang kita tidak puas hati tentang kehakiman itu.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Betul lah. Saya sudah cakap tadi pun. Tidak semua kes-kes politik ini menyebelahi Barisan Nasional. Petisyen pilihan raya, Yang Berhormat Lembah Pantai tengok, dia menang dia punya petisyen pilihan raya. Ada juga yang menang. Yang Berhormat Bachok ada menang.

Jadi tidak bolehlah bila kes-kes politik menyebelahi pembangkang, bila pembangkang kata campur tangan itu tidak adil. Itu termasuk saya. Jadi kita kena percaya, penghujahan mahkamah, dia ada fakta dan sebagainya. Kalau tidak puas hati, pergi kepada mahkamah. Mahkamah kita pun ada sistem, sampai Mahkamah Persekutuan. Cukuplah Mahkamah Persekutuan. Janganlah bila Mahkamah Persekutuan sudah buat keputusan, pergi jumpa dengan Kedutaan Amerika pula. Hendak pergi merayu kepada kedutaan, petisyen kepada kedutaan Amerika. Apa kena mengena kedutaan Amerika dengan pentadbiran undang-undang di Malaysia? Itu sebagai contoh.

Jadi apa juga lah, *everybody* sama, tidak ada yang lebih dari segi undang-undang. Saya hendak berbalik kepada soalan tadi Yang Berhormat....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang, panjang lagi?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak, saya hendak *last* dah. Hendak tutup. Ada lagi poin hendak cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kalau panjang kita sambung jam...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak, sedikit sahaja, saya hendak cakap tentang benda yang tadi. Sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sudah pukul 1.00 Yang Berhormat. Kita sambung 2.30 petang. Ya. Baiklah Yang Berhormat, kita tangguhkan mesyuarat kita sehingga jam 2.30 petang.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.01 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya jemput Yang Berhormat Tanjong Karang untuk menyambung perbincangan.

2.32 ptg.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak habiskan isu air ini dengan Yang Berhormat Beruas bangkitkan tadi bahawa sebenarnya perjanjian penstrukturan air di antara Selangor dengan Kerajaan Persekutuan ini memang matlamatnya ialah untuk menyerahkan urusan air ini kepada kerajaan negeri. Itu matlamatnya tetapi sudah tentulah ada beberapa syarat kerana hari ini air di Selangor ini ada empat syarikat konsesi.

Jadi, oleh sebab itu banyak *term* itu yang patut diselesaikan secara baik dan saya hendak jelaskan lagi bahawa air ini amat penting. Isu air ini jangan dipolitikkan kerana kesannya akan memberi mudarat kepada rakyat, kepada ekonomi dan menyebabkan terutamanya di negeri Selangor akan menyebabkan ekonomi di peringkat persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berbalik kepada isu pendidikan. Kita rasa bertuah tinggal di dalam negara kita kerana kalau kita lihat sejarah pembangunan pendidikan negara kita, sewaktu kita mula-mula merdeka dahulu, kita sedar lebih 90% kebanyakan rakyat Malaysia ketika itu adalah buta huruf. Kerajaan memperkenalkan kelas dewasa untuk memberikan dasar-dasar 3M dan hari ini dengan dasar-dasar yang dibuat, dengan memberi peluang kepada semua rakyat mendapat pendidikan. Hari ini kita lihat ramai yang anak nelayan, petani, anak orang miskin, hari ini berjaya di dalam bidang pendidikan menjadi profesional dan pencapaian yang cukup cemerlang yang datangnya daripada keluarga yang miskin.

Hari ini kita lihat bahawa Malaysia sedang menjadi hab pendidikan. Ini kerana dasar yang dibuat oleh kerajaan daripada mula merdeka, kita tahu daripada satu universiti iaitu Universiti Malaya, itu pun berada di Singapura dan hari ini kita lihat IPTA sahaja kalau tidak silap saya ada dekat 24 buah, kita ada hampir 20 buah. Kemudian IPTS lagi tumbuh macam cendawan, beratus dan hari ini kita lihat ramai pelajar asing berada di negara kita untuk mereka melanjutkan pelajaran.

Untuk masa hadapan, saya hendak lihat bahawa Kementerian Pendidikan telah pun ada perancangan Pelan Pembangunan Pendidikan dan salah satu perkara yang saya hendak tekankan di sini ialah Program Pembelajaran Ulul Albab. Ini saya masih ingat, dahulu daripada mula daripada Maktab Rendah Sains Mara dan sekarang ini saya telah pun mula di Kementerian Pendidikan. Jadi saya hendak ucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas usaha yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan untuk melahirkan modal insan yang seimbang untuk mendapat kejayaan di dunia dan juga di akhirat.

Kita tahu bahawa modal insan yang kita hendak lahirkan di bawah Ulul Albab ini di antaranya ialah untuk melahirkan insan yang menghafaz 30 juzuk al-Quran, profesional yang mempunyai asas agama yang mantap. Ertinya bayangkan satu hari nanti profesional-profesional ataupun teknokrat ini, mereka bukan sahaja pakar dengan ilmu-ilmu duniawi ini tetapi mereka juga merupakan seorang tokoh agama ataupun ulama. Jadi kita hendak lahirkan profesional ulama ini.

Jadi kita harap dasar ini benar-benar dapat melahirkan generasi yang seimbang. Kita tengok sekarang ini macam dalam PAS ini pun, sekarang kita tengok ada PAS ulama, ada PAS profesional walaupun matlamatnya Islam. Akan tetapi hari ini kita hendak tengok yang betul-betul, orang yang memahami dasar agama dan juga ilmu-ilmu duniawi. Dalam masa yang sama saya juga mengharapkan supaya usaha yang baru dimulakan oleh Kementerian Pendidikan ini dengan memberikan latihan-latihan kemahiran kepada kelas-kelas tahfiz kerana kita dapati ada di antara kelas-kelas tahfiz yang ada di dalam negara kita ini, mereka tidak memberikan tumpuan kepada bidang akademik. Hanya semata-mata hafazan al-Quran dan akhirnya kita dapati mereka seorang yang hafiz tetapi mungkin ada atau kekurangan akademik.

Jadi, usaha yang baru dimulakan ini dan saya berharap akan dapat dipertingkatkan di mana institusi-institusi kemahiran seperti kolej komuniti, GIATMARA. Memasuki dan bekerjasama dengan kelas-kelas tahfiz ini maka pelajar-pelajar tahfiz ini sekurang-kurangnya apabila mereka esok berjaya di dalam bidang agama, mereka juga akan juga ada ilmu-ilmu kemahiran yang akan dapat membantu menyara kehidupan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, isu hari ini yang juga hangat diperkatakan ialah isu denggi. Kalau mengikut perangkaan yang dikeluarkan, kes denggi pada tahun ini adalah yang paling serius pernah dicatatkan. Kita tahu langkah-langkah pencegahan denggi ini bukannya perkara yang mudah kerana tidak cukup kita mengenakan undang-undang ataupun menaikkan lagi hukuman sedangkan rakyat di bawah tidak memberikan kerjasama kerana untuk membanteras denggi ini,

rakyat mestilah memberikan kerjasama dan masyarakat mesti ada kesedaran betapa bahayanya denggi yang sedang melanda di dalam negara kita.

Kalau ikut perangkaan pada antara 15 hingga 21 Oktober 2015, sejumlah 2,959 kes telah dicatatkan dan 2,959 kes ini kalau kita lihat, merupakan satu kes yang cukup tinggi dan ia merupakan kes yang berganda dalam masa yang lepas kalau dibandingkan dengan tahun yang lepas. Dalam banyak kes ini berlaku di negeri Selangor iaitu 50% dan kita lihat tahun 2014 bahawa ada 7,000 kes tetapi hari ini 21,000 kes.

Kematian tahun 2014, baru 25 orang, sekarang ini sudah 54 orang. Dengan itu saya hendak ucapkan tahniah kepada Kerajaan Persekutuan yang telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet untuk memerangi denggi yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Kalau saya tidak silap, jawatankuasa ini juga telah pun diberikan peruntukan RM27 juta untuk disalurkan kepada PBT-PBT di seluruh negara ini khususnya di negeri Selangor untuk memerangi denggi.

■1440

Pelancaran di peringkat negeri Selangor telah pun diadakan pada tahun lepas yang dilancarkan sendiri oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Dalam majlis tersebut, saya masih ingat Yang Berhormat Menteri Kesihatan pun turut serta. Akan tetapi malangnya waktu pelancaran di peringkat persekutuan yang diadakan di Padang Jawa di Shah Alam, saya sendiri yang hadir dalam program tersebut, saya dapati tidak ada wakil daripada kerajaan negeri. Seolah-olah kerajaan negeri ini tidak ambil berat masalah denggi yang melanda di negeri Selangor.

Sehinggakan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri turun untuk membantu membasmi denggi di Selangor. Akan tetapi tidak dapat kerjasama dan tidak adapun wakil daripada pihak-pihak kerajaan negeri. Sedangkan kita lihat bahawa sepatutnya pihak kerajaan negeri melalui PBT kena lebih aktif untuk memerangi denggi.

Ini satu contoh bagaimana pada masa itu di negeri Selangor sibuk dengan krisis Menteri Besar, krisis pemilihan Menteri Besar. Lebih kepada politik dan akhirnya, masalah-masalah rakyat yang melanda ketika itu, denggi yang baru bermula pada masa itu tidak diberikan perhatian. Akhirnya, hari ini Selangor menjadi negeri nombor satu penagih dadah ini. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencadangkan supaya satu undang-undang diperkenalkan di mana, di mana-mana kawasan-kawasan yang sudah dikenal pasti merupakan kawasan wabak denggi, maka kawasan itu hendaklah diwartakan sebagai kawasan hitam ataupun sebagai kawasan darurat denggi.

Di mana apabila kawasan itu diwartakan, maka penguat kuasa undang-undang mestilah lebih tumpukan kepada kawasan-kawasan yang telah diwartakan. Semua penduduk di dalam kawasan yang telah diwartakan, menjadi kewajipan kepada mereka untuk menyertai bersama-sama apa juga program-program yang ditentukan, yang dirancang oleh pihak kerajaan.

Sebagai contoh, kalau kata ditentukan untuk membuat gotong-royong membersihkan kawasan, maka semua penduduk di kawasan itu mesti terlibat dan wajib terlibat. Kalau mana

tidak ikut, boleh merupakan satu kesalahan. Kalau penduduk ini boleh jadi kakitangan kerajaan, kakitangan swasta, kakitangan makan gaji, maka majikan mereka ataupun pihak kerajaan kena bagi cuti, cuti tanpa rekod kepada mereka untuk menjayakan program-program menangani denggi yang disusun oleh pihak kerajaan di dalam kawasan yang diwartakan sebagai kawasan darurat.

Jadi, kalau setakat kita hanya menaikkan hukuman-hukuman tetapi tidak ada satu undang-undang untuk melibatkan masyarakat secara keseluruhannya, saya bimbang masalah denggi ini akan berlarutan. Ia boleh mengancam daripada segi keselamatan rakyat, terutamanya daripada rakyat yang berada di Lembah Klang di negeri Selangor, yang saya kata tadi peningkatannya cukup mendadak, hampir dekat 100% masalah denggi timbul di negeri Selangor. Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh mengenai Dasar Gaji Minimum yang juga ada disentuh semasa Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kita sedia maklum bahawa Dasar Gaji minimum telah pun kita laksanakan. Juga kita ucapkan tahniah juga kepada Jabatan Tenaga Kerja yang telah saya tengok telah pun mengambil beberapa tindakan kepada mana-mana majikan yang tidak melaksanakan Dasar Gaji Minimum.

Walau bagaimanapun, saya hendak tegaskan bahawa daripada maklumat dan juga laporan-laporan yang kita peroleh daripada warga industri, mereka lihat masih banyak majikan-majikan yang tidak melaksanakan Dasar Gaji Minimum. Saya difahamkan termasuk GLC pun. GLC pun tidak melaksanakan Dasar Gaji yang Minimum. Jadi, kesannya hari ini kita lihat bahawa pekerja-pekerja tempatan, mereka rasa macam dianaktirikan oleh pihak majikan kerana pekerja-pekerja asing yang mereka bawa daripada luar dijaga dengan baik. Dibagi gaji lebih daripada pekerja-pekerja tempatan. Kemudian disediakan lagi tempat tinggal dan saya bimbang akhirnya kita berjaya membangunkan negara kita dalam bidang industri. Kita membawa berjuta-juta pekerja-pekerja asing tetapi akhirnya pekerja-pekerja tempatan akan terpinggir. Ini kerana mereka rasa kalau mereka bekerja pun, mereka seolah-olah jadi *second class citizen* pulaknya.

Jadi, jangan sampai jadi kata pepatah Melayu, "*Kera di hutan kita susukan, anak di pangkuan mati kelaparan*". Jadi, kita harap kerajaan kena tegas untuk melaksanakan dasar ini dan kita juga dengan kebebasan berserikat. Kita tidak mahu mana-mana ada warganegara, terutamanya pekerja-pekerja industri ini yang tubuh persatuan yang memperjuangkan hak-hak pekerja. Akhirnya, pemimpin-pemimpin persatuan ini diambil tindakan dan ada yang sampai buang kerja.

Kemudian beberapa tindakan yang- kalau pihak pemimpin-pemimpin persatuan ini cuba mempertahankan hak-hak mereka sampai ke Mahkamah Persekutuan kah, sampai ke Mahkamah Perusahaan kah. Bayangkan mereka ini ialah rakyat marhaen, pemimpin pekerja, hendak lawan dengan majikan. Tentulah majikan ada kelebihan kerana mereka ada kemampuan untuk ambil *lawyer* dan sebagainya. Hari ini juga saya hendak tahu daripada Kementerian Sumber Manusia, berapa banyak kes-kes yang sepatutnya didengar di Mahkamah Perusahaan ini masih lagi tertangguh.

Saya dimaklumkan secara tidak rasmi banyak kes yang masih lagi tertanggung. Jadi, ini menyebabkan pekerja-pekerja tempatan merasakan seolah-olah tidak ada pembelaan kepada mereka. Jadi, walau dalam kita hendak membangunkan ekonomi dan juga industri di dalam negara kita, hendak menuju negara maju tahun 2020 tetapi kebajikan dan kepentingan pekerja-pekerja tempatan hendaklah kita pertingkatkan. Supaya jangan negara maju tetapi rakyat tempatan hanya melihat pembangunan lalu di depan mata.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada semua rakan-rakan pembangkang yang memberikan pandangan-pandangan di dalam ucapan saya. Untuk mengakhiri ucapan saya, dengan ini saya cadangkan untuk Usul Menjunjung Kasih kepada Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Tenom.

2.48 ptg.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan juga salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, berkat hari yang mulia ini saya memohon menyokong Usul Menjunjung Kasih kepada Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Parlimen Tanjung Karang.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi junjungan kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu`Tasimu Billahi Muhimbbudin Tuanku Alhaj Abdul Halim Ma`adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah kerana sudi berangkat menyampaikan titah ucapan di Istiadat Pembukaan, Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga, Parlimen Ketiga belas pada 9 Mac yang baru lalu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi terus menyuarakan suara hati rakyat, izinkan saya mengimbuai pembukaan Malaysia. Pada 16 September 1963 yang merupakan detik bersejarah gagasan bagi menguatkan lagi kerjasama dalam bidang ekonomi dan politik dengan memastikan kepentingan hak dan kedudukan bumiputera. Semenjak terbentuknya Malaysia pada tahun 1963, Sabah selain daripada Sarawak bersama dengan Semenanjung Malaysia telah berkongsi suka duka serta menempuhi pelbagai cabaran yang menduga keharmonian dan juga kemuafakatan rakyatnya.

Saya ingin memetik kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam ucapan bajet pada tahun 2014, Tuan Yang di-Pertua. Bahawa pada 16 hari bulan September 1963 pula termaktub peristiwa bersejarah penggabungan Sabah dan Sarawak bagi membentuk Malaysia.

■1450

Terbukti jelas kebersamaan dan juga kebersatuan ini telah membawa berjuta rahmat kepada Malaysia. Namun hakikatnya Semenanjung dan Sabah saling berkait, *inter-related*, dengan izin serta saling menyumbang *complimentary* Tuan Yang di-Pertua. Kini tiba masanya rakyat Sabah bukan sahaja dapat melihat tetapi juga dapat merasai dan menikmati

pembangunan yang lebih pesat lagi dalam pelbagai bidang seperti sosial, ekonomi dan juga pendidikan.

Sudah tiba masanya pendekatan yang lebih dinamik dan progresif diambil bagi memaju dan membangunkan rakyat negeri Sabah. Sehubungan dengan itu, kerjasama dari pemasyhuran Malaysia 16 September 1963 yang lalu sewajarnya dinilai dan disemak Tuan Yang di-Pertua bagi memastikan rakyat Sabah mendapat manfaat yang optimum. Soal ini penting kerana penyertaan Sabah dan juga Sarawak di samping yang dimaktubkan dalam Rang Undang-undang Malaysia iaitu Akta Malaysia 1963. Selain diperakui oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) melalui laporan Suruhanjaya Cobbold dan Perjanjian Malaysia, syarat-syarat penyertaan dan peraturan perlembagaan Sabah telah mengikat negeri ini untuk bersama-sama berada dalam Persekutuan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pembentukan berasaskan kepada pertimbangan politik, ekonomi dan sosial telah berjaya membina keluarga besar Malaysia yang berteraskan perkongsian warisan budaya yang kaya serta berada dalam satu unit politik yang sama. Setiap rakyat di negeri Sabah merasakan mereka sebahagian keluarga besar Malaysia walaupun kami dipisahkan daripada Laut China Selatan.

Kini, setelah 52 tahun berada di dalam Persekutuan Malaysia, Sabah yang dahulunya mundur telah mengalami satu proses evolusi pembangunan yang juga kemajuan yang pesat. Pembangunan yang dilaksanakan secara bertahap-tahap tetapi pantas itulah telah menjadikan kedua-dua negeri ini lebih progresif dan dinamik. Masyarakat di Sabah menjadi lebih progresif menerusi pendidikan bermutu dan peluang pekerjaan yang meluas. Sesungguhnya semangat perpaduan yang masih kukuh dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum amat membanggakan. Menjadi kepentingan untuk mengekalkan perpaduan yang sedia ada.

Pada 25 Februari 2014 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak menyatakan bahawa rancangan Rekonsiliasi Nasional akan dilaksanakan. Pelaksanaan pelan ini adalah untuk mewujudkan satu penyatuan nasional dengan rujukan kepada ketiga-tiga entiti iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak dengan memberikan penekanan kepada nilai keupayaan warga, maka saya amat berharap agar pelaksanaan rancangan Rekonsiliasi Nasional ini dapat dipercepatkan pelaksanaannya bagi mengikis cubaan sesetengah pihak yang ingin melaga-lagakan rakyat Malaysia sesama mereka sendiri.

Saya berharap menerusi Rekonsiliasi Nasional, Kerajaan Persekutuan hendaklah sentiasa memberikan komitmen sepenuhnya bagi memastikan Sabah mencapai status negeri maju. Menerusi bantuan Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri Sabah akan berjaya merangka pelbagai strategi pembangunan bagi membangunkan Negeri di Bawah Bayu ini. Bukan sahaja di luar bandar tetapi juga dalam bandar malah peruntukan Rancangan Malaysia Kesebelas nanti diberikan satu peruntukan yang cukup besar bagi membangunkan negeri Sabah.

Apa yang telah dititahkan dalam ucapan Tuanku Agong memberi asas yang kukuh dalam meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan terus menjadi agenda penting dalam Kerajaan Pusat. Saya tidak nafikan ekonomi Sabah terus berkembang maju iaitu tumbuh 5% pada tahun

2014 yang lalu. Kita berterima kasih atas perkembangan sihat itu yang ditunjangi oleh perjalanan aktiviti-aktiviti ekonomi daripada pelaksanaan Projek Koridor Pembangunan Sabah (SDC) yang mana koridor pembangunan ini terbukti berupaya menarik lebih banyak pelabur asing ke negeri Sabah.

Kalau kita lihat di Sabah, SDC yang berjaya merubah wajah negeri ini menjadi lebih terserlah dalam arus pembangunan nasional, projek pembangunan koridor ini berupaya menarik pelaburan sebanyak RM105 bilion dalam tempoh 18 tahun pelaksanaannya. Projek berimpak tinggi di bawah SDC bukan sahaja mampu menjana pertumbuhan ekonomi Sabah tetapi berupaya mengurangkan kadar kemiskinan secara konsisten. Sekali gus dapat mengurangkan jurang perbezaan di antara bandar dan luar bandar secara menyeluruh.

Namun Tuan Yang di-Pertua, masih memerlukan sokongan padu daripada Kerajaan Persekutuan. Saya juga melihat pelan pembangunan SDC yang dirangka mampu menjadikan Sabah sebagai pintu gerbang utama Rantau Asia Tenggara. Bagi tujuan perdagangan, pelaburan dan pelancongan Sabah akan menjadi negeri yang kaya dengan peluang pekerjaan yang dapat menjamin kualiti hidup yang lebih bermutu. Oleh itu, sebagai wakil rakyat daripada Sabah, Tuan Yang di-Pertua, kita mahu rakyat Sabah hidup dalam suasana harmoni dan sejahtera dengan kualiti hidup yang tinggi serta kepelbagaian budaya, warisan dan juga alam sekitar.

Atas sebab itu, sekali lagi saya mengesyorkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas nanti jua dapat memfokuskan kepada beberapa bidang utama seperti pelancongan, minyak sawit, pertanian, minyak dan gas, tenaga, pendidikan, pembuatan dan logistik. Saya berharap projek SDC yang dikategorikan di bawah Kawasan Pembangunan Strategik (SDA) akan terus berupaya menjana pekerjaan dan pendapatan untuk warga Sabah dan membantu pertumbuhan ekonomi negeri.

Tuan Yang di-Pertua, pada hakikatnya perpaduan rakyat dan kestabilan politik di negeri Sabah menjadi faktor penting untuk menarik pelaburan serta membolehkan perniagaan berkembang pesat. Kini Sabah yang telah dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kita, Datuk Seri Panglima Musa Haji Ahmad akan terus komited mempertingkatkan kemajuan ekonomi dan juga kemakmuran sosial dan kesejahteraan rakyat.

Bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, tidak semua pihak senang hati dengan kemakmuran yang dicapai dan dinikmati oleh Sabah selama ini. Banyak perkara yang telah dipolitikkan walaupun ia tidak benar. Ada yang sanggup melakukan apa sahaja untuk menggugat kedaulatan negeri ini. Kita harus sama-sama mempertahankan solidariti rakyat dan memastikan Malaysia sentiasa berada dalam keadaan aman dan harmoni. Langkah rekonsiliasi memerlukan rasa tanggungjawab yang sepenuhnya dari semua dengan mengetepikan semua perbezaan serta komited dan sayangkan negara.

Apatah lagi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah bertitah supaya sayangi tanah tumpah darah ini, hormati dan berbaik sangkalah antara kita demi keharmonian dan juga kesejahteraan bersama. Namun apa yang menyedihkan, masih terdapat pihak tertentu bersifat

ekstrem yang mahu membawa Sabah selain Sarawak untuk keluar daripada Malaysia. Pasti ada tangan-tangan ghaib di luar sana yang turut mempengaruhi golongan-golongan terbabit.

Jadi saya pohon kepada pihak keselamatan untuk mendapatkan bantuan Polis Antarabangsa INTERPOL, bagi mengesan jurucakap kumpulan Sabah Sarawak Keluar Malaysia (SSKM), Doris Jones ini yang boleh saya katakan, yang boleh kita ibaratkan sebagai petualang negara. Saya difahamkan setakat ini seramai 14 individu ditahan masing-masing di Tuaran dan Lahad Datu selepas dipercayai dengan aktiviti SSKM ini. Atas sebab itulah keputusan mengekalkan dan mengukuhkan Akta Hasutan 1948 memperlihatkan kepekaan dan keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengutamakan keteguhan dan *survival* masa depan hubungan etnik dan sistem persekutuan di Malaysia mempunyai asas yang kukuh.

Keputusan meminda akta itu yang memasukkan dua peruntukan khas dengan tujuan untuk melindungi agama Islam dan agama lain serta mengambil tindakan terhadap pihak yang menghasut agar Sabah mahupun Sarawak keluar daripada Malaysia bersesuaian dengan perkembangan sosiopolitik semasa. Kini kita menyaksikan bagaimana dengan mudahnya setengah-setengah pihak melalui pelbagai platform termasuk melalui media sosial memperlekehkan agama, bahasa, budaya, malah sistem beraja di negara kita ini. Malah seperti mana yang awal saya katakan tadi, ada pihak-pihak tertentu menghasut rakyat agar Sabah dan Sarawak keluar dari Malaysia.

Inilah cara terbaik untuk menangani setengah-setengah pihak yang menimbulkan ketegangan dan juga kekacauan melalui kenyataan dan tindakan emotif dan provokatif adalah melalui undang-undang yang tegas. Kita tidak boleh mengabaikan masa depan negara hanya untuk memuaskan hati pengkritik dan juga pejuang hak asasi manusia termasuklah pertubuhan bukan kerajaan, NGO dalam negara ini, yang menanggung bahana risiko adalah rakyat di negara ini dan bukannya aktivis daripada Barat.

■1500

Jika berlaku sesuatu yang tidak diinginkan di negara ini. Mereka yang waras tentu sedar akan justifikasi mengapa akta berkenaan perlu dikekalkan. Ini kerana ia bukan sahaja melindungi agama Islam daripada dihina dan diperlekehkan tetapi juga agama-agama lain. Dalam sebuah masyarakat majmuk pelbagai agama, budaya dan kepercayaan kita tidak boleh biarkan mana-mana individu cuba mengocakkan keharmonian, kesejahteraan dan juga kedamaian negara. Oleh sebab itu saya Tuan Yang di-Pertua, ingin mencadangkan supaya *wasatiyyah* atau kesederhanaan ini boleh dijadikan panduan dalam proses melaksanakan rekosilasi ini. *Wasatiyyah* adalah pegangan yang membolehkan kita tidak hilang apa yang sudah diwarisi malah boleh dipertemukan dengan fitrah untuk saling kenal mengenali dengan lebih baik.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong jua dalam titahnya menyatakan merasa bangganya terhadap Malaysia yang mengamalkan pendekatan *wasatiyyah* yang gah, setanding dengan negara-negara lain di dunia ini. Saya sebagai wakil rakyat Sabah pastinya tidak akan berkompromi terhadap isu-isu ini. Apa pun pohon kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Pusat supaya terus memberi komitmen dan jaminan bahawa isu ini tidak akan dibiarkan begitu

sahaja. Kita mahu Kerajaan Pusat terus berikrar untuk tiada kuasa luar atau anasir dalaman yang boleh mengganggu gugat kemerdekaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku dalam Titah Ucapan Baginda telah menyentuh berhubung dengan kejayaan kerajaan memastikan ekonomi negara terus berkembang dalam persekitaran ekonomi global yang tidak menentu dan juga mencabar. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan yang telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan penstrukturan semula Bajet 2015.

Bagi memastikan negara terus mencapai pertumbuhan ekonomi yang kukuh, langkah penstrukturan dan pengubahsuaian Bajet 2015 adalah langkah dan tindakan wajar kerajaan kepada sasaran defisit bajet 3.2% daripada KDNK berbanding 3.0% dalam Bajet 2015. Namun defisit bajet ini adalah lebih rendah berbanding 35% pada tahun 2014. Berdasarkan strategi baru ini negara dijangka mampu untuk mencapai pertumbuhan KDNK atau keluaran dalam negara kasar antara 4.5% hingga 5.5% pada tahun 2015 ini.

Berikutan keadaan ekonomi semasa termasuklah kejatuhan komoditi minyak dunia. Malahan Bank Dunia dan IMF juga mengunjurkan pertumbuhan ekonomi dunia tahun 2015 pada kadar 3.4% dan 3.9% juga telah mengkaji semula kadar tersebut dan meletakkan kadar baru iaitu di antara 3% hingga 3.8%. Biar pun peratus pertumbuhan ekonomi telah diturunkan, perlu difahami bahawa ianya masih tidak meletakkan Malaysia dalam keadaan krisis ekonomi. Bahkan Bank Dunia juga telah meletakkan angka 4.7% untuk KDNK Malaysia iaitu pada satu kadar pertumbuhan yang stabil dan juga selamat. Saya berharap menerusi tindakan kerajaan ini yang telah mengemukakan tiga strategi iaitu memastikan pertumbuhan ekonomi yang seimbang, inklusif dan juga mampan dapat meneruskan reformasi dan pengukuhan fiskal dan menyediakan bantuan kepada rakyat termasuklah peniaga dan membina semula infrastruktur yang terjejas akibat banjir.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap kerajaan akan terus memperhebatkan juga eksport barangan dan perkhidmatan menerusi promosi perkhidmatan gantian import bagi kurang bergantung kepada sumber luar dengan meningkatkan eksport dan mengurangkan import negara serta menubuhkan Majlis Eksport Nasional. Persoalannya Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah Majlis Eksport Nasional ini nanti mampu untuk meningkatkan eksport negara? Apakah langkah-langkah kerajaan bagi meningkatkan pelaburan swasta dan sumbangan sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) negara kepada pertumbuhan ekonomi negara kita.

Menyedari akan keadaan ekonomi semasa yang mencabar saya melihat Kerajaan Malaysia telah mengatur dan mengambil langkah proaktif untuk berhadapan dengan iklim ekonomi dunia ini. Dengan memperkenalkan cukai barangan dan perkhidmatan GST serta melaksanakan kadar apungan terkawal harga minyak yang memberi sokongan kepada nilai ringgit.

Oleh itu berhubung dengan reformasi dan pengukuhan fiskal saya berharap kepada pihak kerajaan akan mengambil langkah-langkah untuk meneruskan pembaharuan dan pengukuhan fiskal antaranya dengan meluaskan asas percukaian. Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan GST adalah wajar bagi meningkatkan lagi asas pendapatan negara yang

melihat kerajaan juga menyasarkan penjimatan RM400 juta dengan mengoptimumkan perbelanjaan bekalan dan juga perkhidmatan kerajaan.

Saya sebenarnya tidak hairan mengapa GST ini ditentang. Ini kerana selama ini ada banyak syarikat yang sesuka hati mengenakan cukai berganda tanpa disedari oleh pengguna. Sedangkan GST adalah suatu sistem cukai terhadap barangan dan perkhidmatan sahaja. Pengguna harus faham bahawa GST tidak dikenakan ke atas barang-barang makanan asas, pengangkutan awam, tol, pembelian dan penyewaan rumah kediaman, perkhidmatan kesihatan dan pendidikan, pengeluaran pasport dan juga lesen. Ini semua untuk kebaikan kita dalam proses jangka panjang. Malahan GST dijangka dapat meningkatkan aliran pendapatan negara dan menerusi pendapatan kerajaan yang bertambah ini pula dapat digunakan untuk perbelanjaan pembangunan dan juga kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan kredibiliti Majlis Peguam Malaysia, Bar Council sebagaimana yang telah disentuhkan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang pada pagi tadi. Seperti yang kita maklum tujuan badan ini ditubuhkan adalah untuk mendukung kedaulatan undang-undang dan perjuangan keadilan. Serta untuk melindungi kepentingan profesion undang-undang dan kepentingan orang ramai.

Majlis Peguam Malaysia sepatutnya mempunyai kredibiliti dan integriti kerana dianggotai oleh mereka yang arif dan pengamal undang-undang. Namun sejak kebelakangan ini Tuan Yang di-Pertua, kredibiliti Majlis Peguam sebagai sebuah badan berkecuali telah dipersoalkan kerana bukan sahaja lebih bercakap soal politik. Akan tetapi juga menjalankan aktiviti berbaur politik, bercorak pembangkang dan anti *establishment*. Malah Majlis Peguam tanpa segan silu jelas memihak kepada pembangkang bagaikan sebuah parti politik pembangkang.

Presiden Majlis Peguam pun turut mengeluarkan kenyataan yang tidak disenangi oleh Badan Guaman Malaysia. Kini terdapat lebih daripada 16,000 ahli Badan Guaman tetapi hanya 2,000 hingga 3,000 sahaja atau 7% daripada Badan Guaman yang mengundi melalui undian pos yang memulangkan undi pos. Ini membuktikan secara tersirat 13,000 peguam sudah tidak mempunyai kepercayaan kepada Majlis Peguam.

Tiba masanya Tuan Yang di-Pertua, Ahli Badan Peguam menunjukkan protes dengan undi bagi memartabatkan semula Majlis Peguam. Namun ada Ahli Badan Peguam yang menyuarakan bahawa tiada ketelusan dalam pengundian ini malah pada tahun 2007 isu ketelusan sistem pengundian sudah sampai ke mahkamah. Majlis Peguam dilihat terlalu kuat kerana peranan Lembaga Tatatertib peguam-peguam bagaikan kehakiman Majlis Peguam. Antara Disember tahun 2013 hingga Disember tahun 2014 seramai 213 orang peguam telah diambil tindakan tetapi sebahagian keputusannya boleh dipersoalkan dari sudut kredibilitinya.

Maka tiba masanya pihak berkuasa mencairkan kuasa mutlak Majlis Peguam ini dengan menubuhkan Badan Peguam Alternatif. Sehubungan dengan itu saya ingin mencadangkan agar Akta Profesion Undang-undang 1976 dikaji semula bagi membolehkan sebuah badan yang khusus dalam menjaga kebajikan peguam kerana itu fungsi sebenar Majlis Peguam bukan lebih banyak membuang masa berpolitik, memecah belahkan ahli-ahli dalam Badan Peguam. Ada

Ahli Badan Peguam yang kecewa dengan Majlis Peguam yang menggunakan dana daripada yuran yang dibayar daripada 13,000 orang ahli untuk ke luar negara dan mencaci dan bercakap buruk tentang negara kita. Malah yang lebih menyedihkan Majlis Peguam turut menyokong demonstrasi rusuhan seperti Bersih 3.0 pada tahun 2013 dan mengutuk polis menggunakan kekerasan. Majlis Peguam perlu mendapat kredibilitinya demi memartabatkan dan mendaulatkan undang-undang di negara ini demi kepentingan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Baginda Tuanku ada menyentuh soal semangat sukarelawan. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada rakyat Malaysia yang mempunyai semangat begini. Semangat sukarelawan dan *volunteerism* dengan izin. Ini sebenarnya lahir daripada sifat penyayang dan belas kasihan, rasa tanggungjawab untuk melakukan sesuatu yang bermakna untuk orang lain, rasa belas kasihan melihat kesusahan orang lain.

■1510

Sifat ini tidak datang sendiri tetapi boleh dipupuk sehingga menjadi sebahagian daripada hidup kita. Saya berani katakan semangat sukarelawan ini dapat meningkatkan jati diri, meningkatkan keyakinan diri, mencambahkan nilai-nilai kemasyarakatan di hati anggota masyarakat dan mewujudkan hubungan ikhlas sesama manusia.

Di negara kita juga terdapat banyak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang bergerak atas nama sukarelawan. Saya bagi contoh, badan Persatuan Pengakap sebagai contoh antara NGO yang banyak berada di barisan hadapan bagi membantu mangsa-mangsa banjir besar yang berlaku di beberapa buah negeri di Pantai Timur. Moga lebih ramai lagi menceburkan diri dalam bidang sukarelawan. Ini adalah kerana ia suatu sifat yang mulia. Ada yang sanggup pergi keluar negara meninggalkan keluarga tercinta demi membantu orang lain yang dalam kesusahan. Saya ingin mengambil kata-kata seorang tokoh politik dunia, Sir Winston Churchill pernah berkata, "*We make a living by what we get but we make a life by what we give*", dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, apabila menyebut soal banjir yang berlaku di dalam negara kita baru-baru ini, ia suatu yang di luar jangkaan pada kali ini. Tempat seperti kawasan saya juga tidak terkecuali dalam soal ini. Soalnya sekarang Tuan Yang di-Pertua ialah SOP (*standard operating procedure*) dalam menangani pengurusan banjir perlu kita lihat semula. Kerajaan perlu menambah baik SOP pengurusan banjir berdasarkan keadaan iklim yang sentiasa berubah untuk dijadikan garis panduan jika berdepan musibah itu pada masa depan. Model SOP pengurusan banjir perlu sentiasa ditambah baik berikutan keadaan iklim yang tidak dapat dijangka dan cepat berubah.

Berdasarkan kepada pengalaman banjir seperti di kawasan saya Tuan Yang di-Pertua, model SOP juga boleh mengambil aspek pengurusan bantuan perubatan dan rawatan sebagai langkah-langkah menghadapi banjir di luar jangka. Keperluan bekalan asas termasuk stok perubatan perlu ditambah dua kali ganda menjelang musim tengkujuh, sebagai contohnya. Stok bekalan makanan dan air juga perlu diberi keutamaan apabila berlakunya banjir yang kita hadapi

pada tahun yang sudah. Begitu juga dengan penyediaan kemudahan-kemudahan asas yang lain seperti khemah.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat di negara Belanda atau Holland di mana Holland adalah antara negara yang berada di bawah paras laut dan amat mudah menerima ancaman banjir jika aras paras laut tinggi. Selepas pada tahun 1953 Tuan Yang di-Pertua, yang mana negara ini telah mengalami banjir yang besar yang mana melibatkan lebih 2,000 nyawa telah terkorban. Maka selepas itu, mereka memikirkan perlu ada satu sistem untuk menangani masalah-masalah ini yang mana mereka telah mewujudkan satu sistem yang dikenali sebagai *Water Management Systems* yang saya kira adalah antara sistem yang terbaik di dunia.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, hendak beri jalan?

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Sekejap Yang Berhormat Gerik. Saya habiskan dahulu. Apabila berlaku, mereka telah memperkemaskan lagi *Water Management Systems* ini dengan mewujudkan satu projek lagi yang dikenali sebagai *Room for the River* yang mana projek ini menelan belanja yang begitu mahal. Saya yakin, kita boleh melihat model-model pengurusan banjir bukan sahaja di Holland ini tetapi di negara-negara yang sering mengalami masalah malapetaka seperti Filipina, Indonesia, Jepun, Korea dan juga Amerika Syarikat serta bekerjasama dengan Bahagian Pengurusan Bencana Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi merangka model pengurusan bencana yang lebih baik untuk masa depan. Ya, Yang Berhormat Gerik.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Tenom, berkaitan dengan banjir yang telah berlaku dalam negara kita. Bersetujukah Yang Berhormat Tenom, kita mengalami banjir yang cukup memudaratkan tetapi kita nampak sikap rakyat, NGO dan seluruh rakyat Malaysia ini cukup pemurah. Pelbagai derma dan bantuan diberikan di pusat-pusat banjir. Akan tetapi apa yang kita nampak pengurusan untuk mengagih-agihkan kepada pihak yang menjadi mangsa, kita nampak lambat sehinggakan kadang-kadang kita tengok seolah-olah pusat pengagihan banjir tadi menjadi *supermarket* baru tetapi orang yang patut dapat tidak dapat.

Lambat diagihkan. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Tenom berkaitan dengan ini dan apakah langkah-langkah yang patut kerajaan perbetulkan masa hadapan, bukan soal banjir sahaja? Ini kita akan menghadapi masalah bencana kemarau yang kemungkinan akan berlaku macam itu juga. Minta pandangan Yang Berhormat Tenom.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Ada juga antara badan-badan NGO yang kita lihat semasa berlakunya banjir menghantar bantuan tetapi bantuan yang dihantar itu tidak dapat digunakan oleh mangsa-mangsa banjir. Begitu juga apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Gerik.

Saya percaya, amat penting seperti mana awalnya saya nyatakan tadi bahawa kerajaan perlu melihat semula SOP yang sedia ada untuk ditambah baik supaya tidak ada kita melihat bila berlakunya bencana alam ataupun bencana banjir pada masa akan datang, mengakibatkan ada

antara bantuan-bantuan itu tidak sampai dan ada bantuan tidak dapat digunakan. Jadi saya berharap pihak kerajaan sentiasa peka dan sentiasa melihat bahawa keperluan apabila berlakunya satu-satu *disaster* ataupun bencana perlu diperkemaskan demi membantu masyarakat ataupun rakyat yang mengalami banjir.

Saya juga Tuan Yang di-Pertua berharap status Majlis Keselamatan Negara (MKN) dinilai semula dalam soal ini. Adakah satu keperluan atau satu kewajaran sebagai sebuah agensi atau jabatan tertentu dibentuk untuk pengurusan bencana di negara ini perlu diadakan? Ini termasuklah soal-soal agihan seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Gerik tadi, agihan bantuan kepada isi keluarga mangsa banjir, pemulihan kemudahan sosial, pembinaan rumah baharu dan pembaikan rumah yang rosak...

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Tenom, boleh saya mencelah?

Datuk Raime Unggi [Tenom]: ...Serta mengambil kira ekonomi mangsa-mangsa banjir. Ya, Yang Berhormat Pengerang.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat, bukankah Yang Berhormat rasa daripada kejadian bencana banjir yang berlaku, sudah tiba MKN itu diwujudkan satu fokus hanya kepada isu keselamatan dari luar tetapi isu bencana ini dilihat diwujudkan sebuah agensi khas yang mungkin dipanggil contohnya 'Agensi Malapetaka' ataupun *natural disaster* dan sebagainya? Sebab kadang-kadang bila MKN itu berkonflikkan kepada semua isu, nanti fokus itu tidak ada yang menyebabkan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Gerik dan juga yang disebut oleh Yang Berhormat tadi berlaku bila keadaan begitu mengejut. Jadi saya pohon respons daripada Yang Berhormat sama ada perlu atau tidak MKN dikaji semula dan dipisahkan fokusnya kepada aspek-aspek keselamatan dan aspek banjir ini diwujudkan sebuah agensi khas? Terima kasih.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Saya amat setuju. Ini yang ingin saya nyatakan.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Tenom. Terima kasih Yang Berhormat Tenom. Saya ingin bertanya apa pendapat Yang Berhormat Tenom tentang pengalaman menghadapi banjir di Malaysia ini yang telah bertahun-tahun lamanya dan yang terkini adalah banjir besar yang telah menyebabkan boleh dikatakan macam tsunami juga kalau kita lihat keadaan begitu? Apakah kerajaan patut untuk wujudkan satu kementerian yang khusus sebenarnya untuk menghadapi ujian ini dan mewujudkan satu tatacara pengurusan standard iaitu aset dan sistem yang lebih baik untuk menghadapi bencana ini? Apa pendapat Yang Berhormat Tenom?

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Apa pun Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa Majlis Keselamatan Negara (MKN) ini kurang berkesan. Bak kata pepatah, '*Sudah Terhantuk Baru Tengadah*'.

■1520

Apabila hujan, baru cari payang. Oleh sebab itu saya menyarankan kepada pihak kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, SOP yang saya nyatakan tadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak berkesan untuk menangani banjir ataupun menangani keselamatan?

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Lemah untuk memberi bantuan kepada mangsa-mangsa banjir, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya berharap SOP yang sedia ada perlu ditambah nilai atau *direvamp* semula bagi mengambil kira setiap aspek. Malah, saya mengesyorkan adanya audit agihan banjir secara tetap bagi mengelak berlaku penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan juga ketirisan serta ketidakadilan agihan kepada mangsa-mangsa ataupun bantuan-bantuan banjir.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat...

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Ya Yang Berhormat Lenggong. Banjir ya?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masih lagi berkaitan dengan isu banjir. Saya tertarik apa yang disebut oleh rakan-rakan tadi yang menyentuh berkaitan dengan Majlis Keselamatan Negara. Kita faham tanggungjawab Majlis Keselamatan Negara cukup besar dan mencakupi pelbagai bidang. Satu daripadanya ialah menyelaras berkaitan bencana banjir ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara penting dalam isu banjir ialah jawatankuasa banjir di peringkat daerah yang dipengerusikan oleh pegawai daerah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jawatankuasa Bencana Alam.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tak kiralah bencana alamkah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jawatankuasa Banjir tidak ada Yang Berhormat. Jawatankuasa Bencana.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Jawatankuasa Bencana dan serata bencana. Contoh di Kelantan, tentu isunya antara kuasa federal dan kuasa negeri bertindih di situ, tidak boleh hendak - agensi Kerajaan Persekutuan tidak boleh mengarahkan negeri dan begitu juga sebaliknya. Saya hendak cadangkan di sini, Jawatankuasa Bencana di peringkat daerah ini betul-betul diberi kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, bayangkan, MKN di kawasan saya, samalah sekali dengan Gerik, pegawai MKN seorang dia hanya berjawatan N17. Bagaimana pegawai yang mempunyai standard ini dia hendak beri arahan kepada pegawai yang lebih besar? Oleh sebab itu saya lihat bahawa antara isu besar yang berlaku baru-baru ini ialah kerana kuasa, kerana agihan tanggungjawab ini ia tidak berkesan menyebabkan banyak isu tidak boleh selesai.

Satu, saya bagi contoh. Hari ini masih lagi ramai tidak terima wang RM500. Kenapa? Kenapa MKN dia guna pakai data daripada Jabatan Kemajuan Masyarakat? JKM dia hanya mendaftar yang terlibat dan duduk di pusat penempatan. Kalau tidak duduk di pusat penempatan, dia tidak termasuk dalam senarai. Sebenarnya yang tidak duduk di pusat penempatan ini,

kadang-kadang dia lebih menjimatkan wang kerajaan. Kalau dia mangsa banjir, ada rumah mak dia, kenapa dia nak duduk pusat penempatan, dia duduk rumah mak dia. Akan tetapi rumah dia musnah juga. Yang ini tidak dikategori.

Oleh sebab itu saya hendak cadangkan, bersetuju tidak Jawatankuasa Bencana Daerah ini betul-betul diberi peranan dan tanggungjawab, beri kuasa kepada pegawai daerah apabila tiba waktu bencana, dia boleh arah jentera kerajaan, dia boleh arah tentera, dia boleh itu dan sebagainya. Kalau tidak nanti tidak boleh hendak bergerak. Ini yang menjadi isunya yang menyebabkan banyak perkara – misalnya, pegawai daerah tidak ada *power* hendak arahkan supaya sekolah dibuka untuk dibuat penempatan. Bukan bidang dia. Kalau di Kelantan misalnya. Perkara-perkara kecil ini walaupun kecil, saya fikir bukan hanya perlu dirombak, tetapi mesti dilihat secara menyeluruh.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Ya Yang Berhormat Lenggong, panjang lebar Yang Berhormat Lenggong. Pajang lebar daripada ucapan saya. [*Ketawa*] Hebat Yang Berhormat Lenggong, hebat.

Apa pun Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan MKN, memang ada kebenarannya apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Lenggong. Seheinggakan dinyatakan pegawai MKN cuma mempunyai taraf 17 sahaja, tidak ada kuasa. Kadang-kadang timbul pula persoalan, Tuan Yang di-Pertua, yang betul-betul kena banjir tidak berpindah tidak boleh dapat wang ihsan. Ini terjadi. Di kawasan saya Yang Berhormat Lenggong, pun sama juga. Banyak tempat-tempat, rumah-rumah ataupun mangsa-mangsa banjir yang tidak berpindah tetapi dilanda banjir sehingga hari ini belum mendapat wang ihsan seperti mana yang dinyatakan. Oleh sebab itu saya melihat bawah Yang Berhormat Lenggong, SOP yang disediakan yang tersedia dalam Majlis Keselamatan Negara ini perlu diubah.

Cuma satu lagi Tuan Yang di-Pertua, bukan soal-soal memberi bantuan. Mungkin dalam soal-soal menghadapi bencana, kita perlu ada persediaan awal. Saya bagi contoh Tuan Yang di-Pertua, apabila bangunan Parlimen ini terbakar, kita mesti ada latihan. Saya tidak nampak latihan-latihan seumpama ini berlaku di kawasan-kawasan yang sudah dikenal pasti sebagai kawasan banjir. Saya ambil contoh Jawatankuasa Bencana Alam Daerah, selama ini cuma berpandukan kepada prosedur yang dijelaskan dalam Majlis Keselamatan Negara.

Akan tetapi secara praktikalnya tidak dilaksanakan secara berkala. Apa salahnya diadakan salah satu hari untuk dijadikan berlakunya bencana olok-oloklah katakan sebagai latihan kepada setiap kawasan ataupun kampung yang dilanda banjir dan kita harap prosedur ini akan dapat dilaksanakan secara bersama. Apabila berlaku, pemimpin di peringkat kampung dengan segeranya, dengan automatiknya, dengan sendirinya akan melaksanakan tugas-tugas menyelamatkan. Begitu juga dengan Jawatankuasa Bencana Alam di peringkat daerah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada satu lagi isu iaitu baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu BERNAMA TV yang mana telah melibatkan isu kelewatan gaji kakitangan yang telah mencalarkan reputasi BERNAMA TV sebagai satu suara kerajaan. Walaupun ia adalah syarikat televisyen bukan milik kerajaan tetapi oleh kerana BERNAMA TV itu

membawa nama BERNAMA, ianya tetap dilihat sebagai suara media rasmi kerajaan dalam melaporkan setiap agenda dan juga program-program kerajaan untuk hebahan kepada rakyat di dalam negara kita.

Terima kasih kerana isu ini ditangani dengan segera dengan campur tangan Kementerian Kewangan, Tuan Yang di-Pertua, yang mana menyalurkan peruntukan kepada Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) bagi meneruskan operasi BERNAMA TV. Cuma saya kadangkala hairan mengapa agak lewat respons Kementerian Komunikasi dan Multimedia dalam menyelamatkan BERNAMA TV ini.

Kita perlu sedar Tuan Yang di-Pertua, bahawa BERNAMA TV mempunyai kepentingan yang tersendiri dan BERNAMA TV merupakan satu saluran yang bagus dari segi penyaluran berita termasuklah menjanjikan saluran berita 24 jam. Soalnya sekarang ialah setakat manakah sebenarnya operasi BERNAMA TV yang merupakan usaha sama kerajaan dan swasta. Adakah BERNAMA TV sendiri masih mempunyai 33% ekuiti BERNAMA TV dan 67% lagi dimiliki oleh Redberry Sdn Bhd, Hallmax Entertainment Sdn Bhd dan Standard Code Sdn Bhd?

Jika benar BERNAMA TV akan diambil oleh Kementerian Kewangan, sejauh manakah pula *approach*, dengan izin, yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia sendiri, pengurusan tertinggi BERNAMA dalam berunding dengan pemegang syer yang lain? Jadi amat penting Tuan Yang di-Pertua BERNAMA TV diberikan kebebasan dalam soal operasi dan pentadbiran supaya perkara sebegini tidak mengganggu peranan besar BERNAMA TV dalam industri media massa di dalam negara kita.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soal pembangunan infrastruktur sebagai asas kawasan luar bandar dalam usaha pihak kerajaan kita dalam menyampaikan kemudahan asas kepada semua rakyat. Saya berterima kasih bahawa kini kawasan luar bandar turut dimasukkan antara enam bidang keberhasilan utama negara atau NKRA di bawah Program Transformasi Kerajaan atau GTP, demi mengukuhkan komitmen kerajaan dalam mempercepatkan penyaluran kemudahan asas kepada rakyatnya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Sabah dan Sarawak yang merupakan dua negeri di Borneo menjadi tumpuan berikutan sejumlah besar daripada 35% rakyat Malaysia yang tinggal di kawasan pedalaman kini berada di Sabah dan Sarawak di samping kedua-duanya mempunyai keluasan dan bentuk muka bumi yang mencabar serta menyukarkan perhubungan.

■1530

Namun saya percaya kepada pihak kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah tidak mengabaikan soal ini kerana kepentingan infrastruktur seperti inisiatif pembangunan jalan raya, bekalan air dan juga elektrik serta pembinaan rumah boleh dipercepatkan bagi memastikan hasil kekayaan pemodenan negara dapat dikongsi semua kumpulan masyarakat.

Jadi saya berharap Tuan Yang di-Pertua, antara Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, pihak berkuasa, Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), FELCRA Berhad, Majlis Amanah Rakyat, Lembaga Pembangunan Wilayah, KESEDAR, KEDA, KEJORA, KETENGAH

akan menjadi pemangkin utama dalam usaha-usaha tersebut. Kalau boleh menjelang tahun 2020, Tuan Yang di-Pertua, hampir kesemua sasaran berkenaan perlu dicapai untuk penduduk luar bandar.

Saya mahu kawasan luar bandar terutama di negeri Sabah mencatat rekod sebagai program pembangunan luar bandar berskala paling pantas berkembang dalam sejarah Malaysia. Oleh sebab itu Kerajaan Pusat perlu terus menerokai kawasan di negeri Sabah atas tujuan memakmurkan pembangunan luar bandar dan juga langkah proaktif kerajaan sudah pasti memberi kesan yang positif.

Dengan itu, saya mohon menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Lembah Pantai.

3.31 ptg.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Sejahtera. Atas permintaan Ketua Pembangkang, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin agar Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat membenarkan kita bertafakur selama seminit dan menghadihkan Al-Fatihah kepada Almarhum Tuan Guru Datuk Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat yang telah pulang ke rahmatullah pada 12 Februari 2015.

Almarhum pernah menjadi Ahli Parlimen Kelantan Hilir dan juga Pengkalan Chepa, Tuan Yang di-Pertua dari tahun 1974 hinggalah 1986, selama 19 tahun sebagai Ahli Dewan Rakyat ini. Almarhum juga memegang jawatan Menteri Besar Negeri Kelantan dan ADUN Semut Api dan juga Chempaka hinggalah tahun 2015. 29 tahun sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri. Saya pohon agar Dewan ini merakamkan juga ucapan takziah kepada Datin Tuan Sabariah Tuan Ishak sekeluarga. Al-Fatihah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya rasakan itu permintaan yang tidak berat, boleh dilakukan.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan dengan terjemahan surah Al-Maidah Ayat 8, *“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil kepada sesiapa jua kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah maha mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan”*.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan inayah-Nya, saya berpeluang mengambil bahagian membahaskan usul menjunjung kasih di atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong merupakan Ketua Negara dan ketua agama Islam dan penjaga yang memastikan negara ini kekal kuat, utuh, memayung

puncak keadilan negara. Ini termaktub, Tuan Yang di-Pertua, dalam perlembagaan negara yang kami pegang sebagai dokumen utama kenegaraan. Dalam Dewan yang mulia ini, saya laungkan pendirian Pakatan Rakyat bahawasanya kami berikrar dan menumpahkan taat setia dan penuh kasih yang tidak berbelah bahagi kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibbudin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah.

Tuan Yang di-Pertua, seperti ikrar saya semalam, saya akan pastikan hasrat suara hati Ketua Pembangkang, Ahli Parlimen Permatang Pauh berkumandang dan tidak mampu dilenyapkan walaupun jasad beliau kini terpenjara. Saya sampaikan mesej perutusan yang menjadi sebahagian daripada ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan berucap bagi pihak Lembah Pantai, hanya saya muatkan beberapa kandungan yang saya fikir beliau wajib suarakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Apa pun itu adalah ucapan Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Baik Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Akan tetapi kalau membaca mengatakan bahawa itu adalah teks ucapan ataupun sebagainya, tidak boleh Yang Berhormat ya.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Baik, benar Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, saya hargai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Okey, terima kasih Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Syukur ke hadrat Allah SWT, Dewan Rakyat dapat meneruskan fungsinya. Dalam hal ehwal dan urusan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Parlimen Ketiga Belas mulai 9 Mac hinggalah 9 April, *insya-Allah* tahun 2015. Mewakili seluruh Ahli Parlimen Pakatan Rakyat, saya selaku Ketua Pembangkang merakamkan setinggi tahniah dan terima kasih di atas kesudian Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk berangkat merasmikan pembukaan Penggal Ketiga Parlimen Ketiga Belas pada 9 Mac 2015.

Pertama-tamanya saya ingin merakamkan rasa kesal yang tidak terkata ke atas penganiayaan, fitnah, kezaliman serta pengetepian keadilan yang telah dilakukan ke atas saya. Saya mengutuk dengan sekeras-kerasnya segala usaha mengaibkan dan memfitnahkan saya yang terus berlarutan walau saya kini terpenjara. Saya juga mengutuk sekeras-kerasnya mereka yang berkuasa yang memperalatkan Jabatan Penjara dan semua instrumen kerajaan demi menafikan hak saya untuk menjalankan tugas. Dalam Dewan yang mulia ini, saya merakamkan penghargaan jua kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang menegaskan bahawa saya masih Ahli Parlimen kawasan Permatang Pauh dan Ketua Pembangkang yang sah [*Tepuk*] di bawah perenggan (c) fasal 4, Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan. Saya kesal...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Saya hendak habiskan, Tuan Yang di-Pertua. Saya kesal bahawa permohonan melalui peguam saya yang dikemukakan kepada Menteri Dalam Negeri dan Ketua Pengarah Penjara ditolak tanpa sebarang alasan. Saya mengulangi kerana ini sebahagian ucapan Lembah Pantai, saya mengulangi apa yang disebut oleh Permatang Pauh. Pada 10 Februari 2015 dalam Mahkamah Persekutuan, saya tidak bersalah atas tuduhan palsu dan fitnah ini tidak pernah berlaku. Ini merupakan satu rekayasa yang jahat Tuan Yang di-Pertua, datang daripada satu konspirasi politik untuk menamatkan karier politik saya. Tidak menjadi satu kebetulan bagaimana Pejabat Perdana Menteri, Ahli Parlimen Pekan boleh mengeluarkan kenyataan rasmi bertulis hanya beberapa minit selepas penghakiman dikemukakan. *[Tepuk]*

Dalam tunduk akur kepada kehendak telunjuk tuan-tuan politik, hakim-hakim menjadi rakan jenayah pembunuhan kebebasan dan integriti badan kehakiman. *[Tepuk]* Mereka menjual diri mereka kepada syaitan, memperdagangkan nurani mereka demi pulangan kebendaan, kedudukan dan jaminan jawatan. Mereka diberi peluang untuk menebus diri dengan bertindak membetulkan kesilapan badan kehakiman yang lampau, mengembalikan kemuliaan dan mengukir nama baik sebagai pembela sebenar keadilan. Sebaliknya mereka memilih untuk kekal dalam kegelapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hati-hati dengan Peraturan 36(8), Yang Berhormat ya.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, baik. Saya hargai, kerana itu saya akan menunggu apabila Ahli Parlimen Padang Serai membawa usul untuk membahaskan perilaku jahat hakim-hakim dalam Mahkamah Persekutuan *[Tepuk]* yang saya harap akan diluluskan oleh pihak Yang di-Pertua. Terima kasih.

Saya menerima pengorbanan ke penjara demi rakyat dan negara dan saya bersedia ke penjara dan apa jua akibat demi rakyat bukan pengecut yang suka duduk di luar negara. Allah SWT adalah saksi saya dan saya bersumpah demi Allah, saya tidak akan mendiamkan diri. Saya akan terus berjuang melawan demi kebebasan dan keadilan. Saya tidak akan menyerah kalah.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini hari pertama Dewan Rakyat membuka ruang bagi membahaskan usul menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada kedua-dua Majlis Parlimen. Yang di-Pertuan Agong menyentuh beberapa perkara dasar. Baginda bertitah bahawa tahun ini bermula dengan kita mengingatkan tahun lepas, tahun 2014 yang penuh dengan dugaan dan cabaran. Ada sahaja yang terpahat di ingatan, ada yang berterusan dugaannya.

■1540

Pertama tentunya kita sudah setahun kehilangan pesawat MH370 dan keperitan anggota keluarga, mangsa-mangsa yang telah pergi tentunya masih dirasakan bukan sahaja oleh mereka tetapi oleh kita semua. Seterusnya kita hadapi juga musibah kehilangan MH17. Pesawat yang ditembak jatuh dan banjir besar yang juga dibawa oleh beberapa Ahli Parlimen sebelumnya yang

melanda beberapa negeri di utara dan Pantai Timur Malaysia. Barangkali kita boleh menganggap tragedi yang menimpa MH370 sebagai takdir namun, tatacara kita dalam menangani tragedi dan krisis ini wajib diperhalusi. Malaysia mempunyai kelengkapan yang mencukupi untuk bertindak awal pada minit-minit pertama tragedi.

Saya rujuk kepada kenyataan Richard Quest daripada CNN yang semalam memberi maklum balas terhadap laporan interim. Dia mendedahkan keselamatan, kelemahan yang ada kepada kawalan trafik udara bukan sahaja di Malaysia tetapi di negara-negara Asia Tenggara. Menurut laporan sebelumnya, Jabatan Penerbangan Awam menerima laporan mengenai kehilangan pesawat pada jam 1.30 pagi tetapi hanya melancarkan misi mencari dan menyelamatkan pada 5.30 pagi, empat jam *delay*, dengan izin. Seterusnya persoalan saya, adakah siasatan lengkap dan teliti dibuat atas kehilangan pesawat ini?

Saya memetik kata-kata salah seorang daripada anggota keluarga mangsa, Sarah Bajc yang mempersoalkan hanya 120 orang sahaja yang disoal siasat daripada laporan interim oleh para penyiasat yang ditubuhkan oleh kerajaan. Komen beliau kepada BBC dengan izin, "*That is less than our tiny underfunded private investigation has done*", merujuk kepada *inquiry* yang dibuat oleh keluarga-keluarga mangsa.

Oleh itu, persoalan saya yang seterusnya, adakah kerajaan bersedia memberi perincian kepada Dewan Rakyat tentang usaha-usaha memperbaiki sistem radar negara supaya peristiwa kehilangan tersebut tidak berulang yang diakibatkan oleh terlepas pandang dan cara-cara lain untuk memastikan keselamatan antara udara di dalam rantau ini terjaga? Saya sebelum ini telah membangkitkan isu sistem radar yang rosak juga di Lapangan Terbang Subang di bawah ATC. Jadi saya pohon kerana sebelumnya agak sukar, *almost next to impossible* untuk mendapatkan laporan termasuklah Laporan Audit terhadap Lapangan Terbang KLIA2.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kerajaan harus pastikan piawaian keselamatan sektor penerbangan termasuklah memastikan penyelenggaraan, *something so simple*, dengan izin seperti tarikh luput bateri pesawat diberikan perhatian sewajibnya. Apa pun, kehilangan pesawat tersebut termasuklah bencana-bencana alam seperti banjir yang dialami oleh beberapa buah negeri seperti yang saya sebutkan tadi, kita lihat merasakan segelintir daripada kita ia sebagai satu takdir tetapi tiba masanya juga kita persoalkan sama ada kita pesalah takdir...

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Lembah Pantai, boleh saya mencelah?

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Biar saya habiskan dulu, terima kasih.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Selepas ini boleh saya mencelah Yang Berhormat?

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Selepas saya habiskan para.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Okey, selepas habis cakap atau selepas habis kenyataan ini?

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Saya ada kuasa, tolong hormati.

[*Dewan riuh*]

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Bolehkah? Mencilah lepas ini.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Hendak kacau, kacau lain kalilah. *Not today.*

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Boleh mencelah? Boleh atau tidak boleh?

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Tidak boleh mencelah, saya duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, stail baru Yang Berhormat Pengerang itu [*Ketawa*].

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Tidak boleh mencelah?

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: *You can make me*

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Habis tidak boleh tanya soalanlah ini?

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: *Respect my privacy.* Tidak boleh, terima kasih, saya tidak bagi.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Ini pasal banjir, jangan takut. Ini bukan pasal Yang Berhormat Permatang Pauh, ini pasal banjir.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih. [*Dewan riuh*] Saya habiskan Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada maknanya sekiranya kita hanya menganggap bencana-bencana ini sebagai hukuman daripada Tuhan sekalian alam, walhal kuasa untuk melakukan tindakan, mengambil tindakan untuk mengelakkan kejadian ini daripada berulang, tidak kita ambil. Pentadbiran yang baik oleh kerajaan dan kerjasama antara Kerajaan Pusat dan negeri wajib dipertingkatkan tanpa mengira fahaman politik. Kita harus adaptasikan semangat kerjasama dan kesatuan yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW dalam Sahifah al-Madinah dalam pentadbiran demi Malaysia lebih makmur dan sejahtera.

Saya rujuk beberapa kali Ahli Parlimen Rantau Panjang termasuk Ahli-ahli Parlimen dari Kelantan lainnya yang membangkitkan, beliau pinta berkali-kali supaya peruntukan buat penebatan banjir di kawasan beliau diluluskan tetapi ditolak. Ketika itu pada saya agak penting dalam peluang ini kita ambil ruang seluas mungkin untuk pertama, disebut oleh Yang Berhormat Tenom tadi tentang isu SOP sama ada pengagihan, sama ada lingkaran, sama ada jaringan. Yang penting haruslah penuh dengan kesiapsiagaan. Itu pertama.

Keduanya, peruntukan yang diluluskan, jangan sampai mengira warna, parti yang dikibarkan oleh mana-mana negeri. *Insya-Allah*, diharap episod ini diberikan atau dilihat sebagai peluang untuk kita merapatkan antara satu sama lain. Saya beri peluang kepada Yang Berhormat Pengerang walaupun saya hanya hendak mintalah kalau boleh tanya sekali cukuplah.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Terima kasih, pasal banjir ini. Jadi Yang Berhormat Lembah Pantai, saya dengar ucapan Yang Berhormat pasal banjir, saya pun hendak cakap ucap terima kasih. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Lembah Pantai, adakah secara tidak langsung Yang Berhormat Lembah Pantai mengakui bahawa Kerajaan

Barisan Nasional bila memberi bantuan banjir tidak mengira sokongan parti pembangkang ataupun kerajaan? Semua kita bantu, orang PAS kita bantu, orang KEADILAN kita bantu, orang DAP kita bantu. Setuju atau tidak setuju?

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Sudah faham, terima kasih. Saya faham. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Saya hendak tanya Yang Berhormat Permatang Pauh atau Yang Berhormat Lembah Pantai? Oh! Yang Berhormat Lembah Pantai, terima kasih.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Kalau tidak dengar arahan Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua sebut tadi Yang Berhormat Lembah Pantai berucap hari ini. Jadi saya harap dapat dengar betul-betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, tidak ada isu.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Tidak ada isu, terima kasih. Saya rujuk Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebutkan tadi atas kerana itulah saya ambil peluang setelah saya meneliti kandungan-kandungan, isu termasuklah permohonan yang dibawa oleh Ahli Parlimen Rantau Panjang, berkali-kali dalam Parlimen ini. Dia sampai tunjukkan gambar di Kuala Krai, lihat sahaja empangan belah sempadan di Kuala Krai banding dengan sempadan Thailand. Bagai langit dengan bumi. Maka bila berlaku banjir itu, di sempadan Thailand mereka dilindungi, dipertahankan menerusi kelulusan dan persediaan awal. Jadi itu maksud saya. Saya harap pada kala ini kalau kita hendak mendabik dada mengatakan kitalah yang terbaik tetapi tidak ambil peluang dalam musibah yang menimpa untuk memperbaiki tahap kita berkhidmat demi rakyat, maka kita tidak akan perbaiki prestasi kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam bangun Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Lembah Pantai.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Silakan Yang Berhormat Shah Alam, terima kasih.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya merujuk kepada ucapan Yang Berhormat Lembah Pantai berhubung dengan tebatan banjir yang disebutkan tadi sebenarnya di Rantau Panjang. Yang mana saya sendiri telah pergi dan di beberapa buah tempat di sebelah Siam bila dibina temboknya, saya berdiri di tembok itu, ia dua kali ketinggian saya.

Di atas tembok itu pula ia luas, siap lagi laluan untuk motosikal dan pegawai keselamatan yang hendak jalan di atas tembok itu dan sebagainya. Ini merupakan satu usaha yang membuktikan kesungguhan Kerajaan Thailand untuk melindungi rakyatnya. Akan tetapi malangnya pandangan Yang Berhormat Lembah Pantai, adakah kita melihat komitmen yang sama yang ditunjukkan oleh pihak Kerajaan Malaysia?

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya fikir contoh yang saya bawa itu sebenarnya membawa kepada keperluan, mengambil

kira perbezaan yang ketara dan impak yang akhirnya terpaksa ditanggung oleh rakyat khususnya di Rantau Panjang dan kawasan-kawasan terbabit. Maka, saya harap jawapan daripada Menteri agak jelas dalam bab ini dan saya akan menunggu supaya kelulusan itu diberi serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bawakan isu yang mana bila masa sudah ada ruang untuk kita mengambil kira musibah ini melanda semua tidak mengira parti mana yang mereka sokong atau dokong, marilah kita ambil satu sikap jati diri nasional, *national character* yang berteraskan semangat perpaduan walaupun memang terlalu banyak cubaan untuk meretak dengan jarum perkauman, kadangkala didokong oleh parti pemerintah sendiri. Saya berharap ini satu yang amat serius dan diambil oleh kerajaan khususnya Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda Yang di-Pertuan Agong juga bertitah tentang kejayaan Malaysia menduduki salah satu...

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: *[Bangun]*

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Boleh saya habiskan para ini? Banjir lagi, okey, silakan. Boleh ya Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

■1550

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Berkenaan dengan masalah banjir sebab saya pun ada pergi beberapa kali untuk membantu mangsa-mangsa banjir di Kelantan. Setujukah Yang Berhormat Lembah Pantai dengan saya bahawa koordinasi oleh Majlis Keselamatan Negara dalam musibah banjir ini amatlah lemah. Adakah Yang Berhormat Lembah Pantai bersetuju bahawa Yang Berhormat Menteri iaitu Arau yang menjaga Majlis Keselamatan Negara ini telah tidak dapat menjalankan tanggungjawabnya dengan baik kerana tidak ada penyelarasan yang tidak baik.

Penyelarasan itu amat lemah. Ada mangsa-mangsa yang kata makanan tiga hari tidak sampai. Helikopter tidak cukup, macam-macam. Di lapangan itu tidak ada makanan, tidak cukup khemah dan sebagainya. Selepas tiga bulan, banjir itu, air telah surut, sekarang saya difahamkan ada lagi penduduk mangsa yang masih duduk dalam khemah. Tiga bulan rumah belum siap lagi.

Satu lagi perkara Yang Berhormat Lembah Pantai, semasa musibah banjir itu Yang Berhormat Pontian, Timbalan Menteri Kewangan, beliau mengatakan bahawa kerajaan memperuntukkan RM800 juta untuk membantu mangsa banjir. Saya hendak tanya, di manakah RM800 juta itu? Pagi tadi Yang Berhormat daripada Arau mengatakan bahawa hanya RM97 juta diperuntukkan untuk masa banjir. Jadi, manakah RM800 juta itu? Jadi, saya rasa Yang Berhormat Pontian telah mengelirukan mangsa-mangsa banjir, khususnya di negeri Kelantan. Apakah pendapat Yang Berhormat Lembah Pantai.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, sekejap ya. Ini *floor* saya, saya takut Yang Berhormat Pontian dia terkeliru. Ini *floor* saya, saya hendak jawab dahulu sebelum saya beri ruang. Boleh Tuan Yang di-Pertua? *[Dewan riuh]* Duduk dahulu ya. Terima kasih, terima kasih. Ini kerana saya fikir pihak daripada Menteri ada ruang untuk menjawab selama mungkin. Jadi, saya tunggu jawapan beliau, saya minta semua yang disebut

oleh Yang Berhormat Seremban tadi dimasukkan sebagai ucapan saya. Ini kerana soalan RM800 juta, Pengerusi Majlis Keselamatan Negara, ini merupakan jawapan-jawapan yang rakyat hendak tahu. Rakyat wajib tahu.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Boleh saya beritahu sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri bangun.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Beginilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri bangun Yang Berhormat ya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, kita ada prinsip Fiqh al-Awlawiyyat, keutamaan. Biar saya habiskan ucapan saya, saya beri ruang kepada yang lain yang tidak ada peluang untuk bercakap, kemudian Yang Berhormat boleh jawab. Terima kasih Yang Berhormat, boleh tidak?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuduhan itu tidak berapa tepat.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Akan tetapi Yang Berhormat boleh jawab nanti, terima kasih. Ya, terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Bukan, dia sebut perkataan Arau, tidak tepat. Yang Berhormat Lembah Pantai lebih faham saya kan? Ya, *thank you*.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Baik Yang Berhormat, saya akan beri ruang nanti. Saya teruskan dengan ucapan saya, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya sebut tadi tentang Majlis Keselamatan Pertubuhan PBB, Bangsa-bangsa Bersatu. Kita selaku Pengerusi Asean yang tidak tetap. Pelantikan ini sebenarnya harus kita guna pakai sebagai peluang untuk menjadi sebuah negara contoh dengan memperkukuhkan demokrasi tulen sebagai satu iltizam al daulah, *national will*.

Sebaliknya, sejak kejayaan Pakatan Rakyat mendapat mandat, kepercayaan daripada majoriti rakyat Malaysia pada Pilihan raya Umum Ke-13, Peguam Negara bukan hendak cuba menggiatkan, mempromosikan semangat setia kawan atau pun *national reconciliation*. Akan tetapi telah giat mendakwa, menyiasat, mewujudkan satu suasana ketakutan, *climate of fear* kepada sesiapa sahaja yang mengkritik dasar kerajaan atau pun kerajaan yang sebenarnya adalah rakyat yang cintakan kebenaran dan keadilan.

Pemimpin Pakatan Rakyat sama ada ahli-ahli akademik, pengamal media, bahkan pemimpin-pemimpin pelajar juga tidak terlepas daripada jerat undang-undang drakonian Akta Hasutan 1948 yang dimungkirkan oleh Perdana Menteri, *on record* Tuan Yang di-Pertua, janji hendak mansuh tetapi tidak hendak mansuh. Diteruskan dengan Akta Hasutan warisan penjajah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya cuma membuat *clarification*. Yang Berhormat berbahas atas kapasiti sebagai Ahli Parlimen Lembah Pantai kah?

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Ya saya, ini ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Pasal ada rakan-rakan yang *tweet* kan bahawa Yang Berhormat membacakan teks ucapan Yang Berhormat Permatang Pauh.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kena faham...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Akan tetapi *tweet* ini pun datang daripada kalangan Ahli-ahli Parlimen di belakang Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Ya, baik. Saya hargai tetapi saya harap...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kita sudah putuskan tadi, ucapan Yang Berhormat itu adalah ucapan Yang Berhormat dan bukan mewakili.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya tidak bolehlah- saya faham perasaan mereka. Kekecewaan yang besar apabila Ketua Pembangkang dinafikan hak untuk datang ke Parlimen walaupun Tuan Yang di-Pertua sudah bagi laluan. Saya faham, saya ucapkan terima kasih, hanya saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya hargai kerana Yang Berhormat faham tentang *standing order* dan persefahaman antara Yang Berhormat dengan kita tadi.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Baik, baik. Ini sebahagian daripada merencanakan perbahasan dalam Parlimen. Kalau tidak, semua rasa bosan, jadi *alhamdulillah*.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kita harus ingat juga kegagalan Malaysia dalam penghakiman Pulau Batu Putih. Kegagalan yang patut dipertanggungjawabkan sepenuhnya kepada Peguam Negara yang menggunakan bukti palsu ketika itu dalam perbicaraan di mahkamah antarabangsa. Malang, kegagalan terdahulu dikeruhkan lagi dengan tindakan terpilih terhadap semua Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli-ahli Parlimen daripada Pakatan Rakyat, termasuk Exco Kanan Kerajaan Negeri Selangor.

Hari ini merupakan hari kedua Yang Berhormat Nik Nazmi, Exco Kerajaan Negeri Selangor direman di bawah kesalahan undang-undang yang telah dideklarasikan sebagai *null and void* oleh Mahkamah Rayuan. Undang-undang tidak terpakai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, nak bagi?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh?

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Undang-undang yang terbatal. Terima kasih, silakan Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Lembah Pantai. Yang Berhormat Lembah Pantai, minta *comment* Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya baca ucapan IGP dalam *Malaysiakini*, mengatakan bahawa kenapa polis mengambil tindakan ke atas Nik Nazmi di bawah seksyen 9(5) of Akta Perhimpunan Aman itu adalah kerana dikatakan bahawa rayuan sedang

dibuat ke atas keputusan Mahkamah Rayuan. Di mana Mahkamah Rayuan telah memutuskan seksyen itu adalah bercanggah dengan Perlembagaan.

Setuju tidak dengan saya, negara kita amat malang kerana Ketua Bank Negara tidak faham undang-undang tetapi hendak laksana undang-undang. Patutnya apabila mahkamah telah putuskan *unconditional*, selagi mahkamah yang terakhir itu belum memutuskan keputusan Mahkamah Rayuan itu adalah sebaliknya atau pun dia tidak tolak keputusan itu, sepatutnya polis kena hormat dan laksanakan. Setuju tidak kalau kita minta supaya Ketua Polis Negara ini diambil tindakan menghina mahkamah? Setuju atau tidak?

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Sepang, terima kasih. Saya amat setuju kerana selepas Nik Nazmi, esoknya Cikgu Faris Musa. Saya pula dipanggil bertemu dengan pihak polis dalam satu temu janji di bawah seksyen yang sama. Maksudnya, sekarang modus operandi polis adalah memberi surat saman, mohon mereka ini yang dikatakan perlu membantu siasatan di bawah seksyen 111 tetapi bila sampai balai polis, ditahan reman. Ditahan reman, bukan itu sahaja, di bawah undang-undang seperti Yang Berhormat Sepang sebut yang tidak lagi terpakai. Jadi, selagi Mahkamah Rayuan, itulah keputusan yang harus dihormati oleh Ketua Polis Negara.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Lembah Pantai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rasah bangun Yang Berhormat.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Boleh sedikit?

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Baik, sedikit Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Saya cuma hendak tanya kepada Yang Berhormat Lembah Pantai. Setuju kah untuk kami yang turun pada 3 Mac tersebut, sebenarnya kita telah pun tahu bahawa perhimpunan tersebut merupakan satu perhimpunan yang aman. Bagi kita yang turun itu, saya cukup yakin tidak ada seorang pun daripada kita seorang akan melarikan diri ke luar negara. Mengapa saudara Nik Nazmi dilayan begitu teruk sekali oleh pihak polis? Setuju tidak Yang Berhormat Lembah Pantai?

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Saya setuju Tuan Yang di-Pertua. Bayangkan gambar yang keluar hari ini, Yang Berhormat Nik Nazmi dilayan dengan begitu hina sekali bertentangan dengan undang-undang lokap, kasut pun tidak dibenarkan pakai, selipar pun tidak ada. Jadi, pada saya Tuan Yang di-Pertua, saya desak Menteri Dalam Negeri memohon maaf terhadap apa yang dilakukan, yang sedang berlaku. [Tepuk] Ini kerana kami dihadapkan satu persatu sedangkan pembunuh seperti Sirul bebas di luar negara, satu hal dan surat perlindungan kepada Paul Pua dikeluarkan tanpa rasa takut oleh Yang Berhormat Menteri. [Tepuk] Di mana kah keadilan? Saya pinta jawapan yang jelas dalam bab ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Puchong bangun.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Puchong kalau boleh. Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Tuan Yang di-Pertua, apabila kita lihat kepada kes Nik Nazmi, persoalan yang berbangkit adalah ini. Bagaimana dengan mereka yang dikatakan melakukan kesalahan tetapi daripada pihak sebelah sana di mana ada kes-kes yang serius. Yang Berhormat Lembah Pantai. Kes-kes yang jelas menjadi hasutan tetapi Ketua Polis Negara tidak berani hendak ambil tindakan.

■1450

Adakah ini tindakan *double standard*? *That's number one. [Tepuk] Double standard so which he must criticize and condemn* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Nombor dua, Yang Berhormat Lembah Pantai cukup senang, *even first year law student knows* apabila mahkamah buat keputusan *we respect the court order until it is said a side*. Dalam kes ini, seksyen 95 jelas telah pun didapati berperlembagaan oleh Mahkamah Rayuan. So kenapa seorang Ketua Polis Negara boleh dengan sekadar *he's immune for action*, membuat tindakan atau menyatakan bahawa orang masih boleh ditahan dan tindakan diambil. Bukankah ini menunjukkan satu perkara yang serius *this is wrong* dengan Ketua Polis Negara kami Yang Berhormat Lembah Pantai.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Puchong, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Benar kerana apa? Setiap seorang daripada kami mendapat notis daripada pihak polis untuk hadir ke balai pada masa-masa tertentu. Mereka yang serah diri ditahan. Memang menteri Dato' Ismail Sabri yang sering melengah-lengahkan katanya sibuk dibiarkan begitu sahaja. Jadi saya tidak faham kenapakah ia begitu jelas, begitu nyata...

Seorang Ahli: Kejam.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: ...Pendakwaan dan tindakan terpilih yang sangat jahat sebegini. Saya terus terang Tuan Yang di-Pertua harus faham rakyat di luar sana menilai. Kita banyak isu yang berkait dengan keruntuhan kredibiliti bukan sahaja Menteri Dalam Negeri tetapi juga Ketua Polis Negara. Akan tetapi sampai ke tahap ini pada saya harus ada jawapan yang jelas dan tindakan yang sewajibnya dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, mengapakah diteruskan kesemua ini tanpa tindakan balas yang diambil oleh pihak eksekutif Perdana Menteri? Sehingga ke hari ini walaupun kita bawa isu masih lagi tidak terjawab. Apabila masa kita hadir perhimpunan aman yang sebenarnya bertepatan dengan hak kita di bawah Perlembagaan Persekutuan, kita dilayan sedemikian?

Pada 20 Februari lepas Tuan Yang di-Pertua kerana saya sudah sentuh bab hak asasi manusia yang corot di Malaysia, bagaimana pihak polis khususnya Ketua Polis Negara tanpa segan silu sikapnya langsung tidak profesional sementara kita berhadapan dengan tradisi atau sejarah mantan Ketua Polis Negara yang memukul tahanan sementara digari, ditutup matanya. Kita ingatkan mungkinlah selepas 16 tahun ada kesedaran hendak perbaiki institusi Polis Diraja Malaysia tetapi sebaliknya yang berlaku.

Pada 20 Februari lepas seperti memberi justifikasi kepada apa yang Ahli-ahli Parlimen Pakatan Rakyat sebutkan selama ini media tempatan dan antarabangsa dikejutkan dengan laporan bahawa Malaysia ini negara yang terburuk dalam Laporan Integriti Pilihan Raya. Projek Integriti yang berpangkalan di Universiti Harvard dan Sydney. Malaysia menempa nama di mata dunia kali ini sekali lagi untuk perkara yang kita tidak ingini iaitu berikan Malaysia cuma 28 mata daripada 100 mata sempadan kawasan pilihan raya di Malaysia ini adalah paling buruk di dunia, *in the world*. Sementara hanya 33 mata daripada 100 mata bagi undang-undang pilihan raya.

Kita tersungkur benar Tuan Yang di-Pertua. Inikah laungan pilihan raya adil dan saksama? Ini belum lagi saya ulangi kes dakwat kekal. Yang Berhormat Arau tahu benar. Dia terpaksa jawab bagi pihak kerajaan, hendak melindungi, hendak mempertahankan walaupun saya tahu dalam hati dia tahu *something is wrong, something is rotten*.

Dakwat kekal diguna pakai dalam PRU Ke-13 hanya kekal. Sepatutnya wajib kekal sehingga lima hingga tujuh hari tetapi gagal. Mejar Zaidi yang membuat laporan menjadi mangsa sementara Pengerusi SPR masih lagi selesa di kerusi empuknya. Ahli Parlimen Pandan pernah dakwa dalam Dewan bahawa pembekal dakwat tersebut, yang tidak kekal itu merupakan rakan rapat pemimpin tertinggi SPR yang dapat kontrak menerusi rundingan terus.

Jadi pada kali ini pada saya kerajaan, wakil-wakil yang menjawab tidak boleh lari daripada tanggungjawab memberi maklum balas di atas semua kegagalan-kegagalan yang telah kita senaraikan selama ini. Ini bukan sahaja melibatkan dana awam tetapi kesahihan kerajaan dan institusi Parlimen kita. Adakah kerajaan dengan itu bersedia untuk menanggungkan serta-merta proses persempadanan yang bakal dilakukan termasuklah usaha mereka untuk menambah kerusi-kerusi Parlimen sehingga semua ini dijawab dengan jelas.

Saya tidak dengar pasal tidak profesional kalau menjawab sebegini Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya anggapkan tidak ada jawapan, terima kasih. Saya bagi masa bincang dengan Kabinet dahulu, bincang elok-elok dengan Ahli Parlimen Pekan, bincang elok-elok dengan Timbalan Perdana Menteri. Selepas bincang, buat istikharah barulah boleh jawab. Saya pohon Tuan Yang di-Pertua bagi saya peluang, mintalah. Terima kasih Yang Berhormat Arau. Saya hormati, *alhamdulillah*.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu isu reformasi sistem pilihan raya masih lagi relevan. BERSIH dan segala apa yang dibawa oleh mereka kerana pimpinan BERSIH telah bertemu dengan Yang Berhormat Arau dan saya hormati kerana sekurang-kurangnya ada ruang berdiskusi dan juga berbincang hanya mungkin boleh diturunkan dan dimaklumkan kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional Backbenchers yang sering kali melemparkan tuduhan yang agak jahat terhadap BERSIH tanpa mengenal pasti apakah cadangan-cadangan pembaikpulihan yang telah mereka bawakan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia juga berada di ambang kebejatan ekonomi, krisis yang amat besar, sedang dalam usaha untuk menjatuhkan kita. Jadi kejatuhan harga minyak mentah di pasaran dunia memberikan kesan yang amat mendalam sehingga memaksa kerajaan untuk membuat semakan semula terhadap Belanjawan 2015. Walaupun inilah yang merupakan anjuran

kita daripada sebelumnya *you must revise the forecast* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *to reflects current realities*. Selepas ini Yang Berhormat Petaling Jaya Utara akan memperincikan lebih tentang isu 1MDB tetapi saya akan sentuh beberapa buah tempat yang saya fikir tidak boleh diendahakan oleh sesiapa pun.

Jadi hutang negara dan hutang isi rumah semakin meningkat. Sehingga akhir tahun 2014 hutang negara berada pada kira-kira 54.7% daripada KDNK, hutang isi rumah meningkat ke tahap 86.8% berbanding KDNK. Peningkatan lebih kurang 6% sejak tahun 2012 kepada tahun 2013. Jadi tentunya kejatuhan harga minyak mentah ini harus kita lihat dalam konteks peredaran ekonomi dunia yang agak lembap dan yang mengejutkan kita eksport kita juga terkesan kerana selalunya apabila masa ringgit Malaysia jatuh nilainya, sekurang-kurangnya kita diubati dengan peningkatan kadar eksport. Akan tetapi tidak buat Malaysia kini.

Maka saya bimbang kerana sehingga saat ini Kabinet masih mendabik dada mengatakan ekonomi Malaysia dalam keadaan terkawal. Soalnya di bawah kawalan siapa Tuan Yang di-Pertua? Siapa yang mengawal ekonomi negara sehingga 1MDB menjadi begitu besar *too big to fail* dengan izin, yang tentunya bakal *bail out*. Kami ini hanya dapat membaca menerusi laporan media bahawa Kabinet menolak permintaan pinjaman RM3 bilion untuk 1MDB.

Akan tetapi apabila sampai saat mereka sedang mengambil kira *they are considering* dengan izin, itu petanda maksudnya apa pun kerajaan kita, rakyat Malaysia hadapi risiko yang besar sekiranya 1MDB ini dibiarkan terus menerus tanpa kawalan. Siapakah mengawal ekonomi negara sehingga aliran keluar wang haram sehingga meletakkan negara kita ini dalam senarai antara teratas di dunia?

Laporan terkini *Global Financial Integrity* mendedahkan aliran keluar wang haram *a listed out of flows* bagi Malaysia adalah sebanyak USD48.9 bilion bagi tahun 2012. Secara kumulatif Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 2003 sehinggalah tahun 2012 mencecah USD394.87 bilion.

■1610

Siapakah yang kawal ekonomi negara sehingga jurang kemiskinan dan pendapatan semakin melebar? Kerana itulah apabila kita mengambil kira kuasa membeli yang akan semakin mengecil berikutan harga barangan yang semakin meningkat, tidak ada alasan kukuh ataupun moraliti pentadbiran ekonomi yang bertanggungjawab bagi kerajaan untuk memperkenalkan cukai baru yang bakal menghimpit dan membebaskan golongan miskin dan berpendapatan rendah. Sedangkan kerajaan sendiri gagal secara berterusan dalam menguruskan fiskal dan aliran kewangan yang baik.

GST ini Tuan Yang di-Pertua, hanya sebagai instrumen untuk mengalihkan beban dari pelbagai kelemahan kronik kerajaan dalam urus tadbir fiskal dan tata kelola kewangan rakyat Malaysia. Mahu atau tidak mahu, saya fikir sekarang ini daripada penganalisis kewangan atau kepada kenyataan Menteri-menteri, jelas bahawa GST terpaksa dilaksanakan kerana kerajaan buntu dengan cara untuk menambah dan menjana pendapatan negara. Ini memang realiti. Defisit fiskal tahunan kerajaan berterusan dari tahun 1998 hinggalah melebihi RM40 bilion setiap tahun sejak tahun 2009 hinggalah sekarang.

Malah, hutang awam kerajaan yang tinggi iaitu terkini sebanyak RM569.3 bilion. *This is as of quarter three 2014* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, dan nisbah kepada KDNK persempadanan garis siling 55% yang ditetapkan oleh Dewan yang mulia. Tuan Yang di-Pertua, kita harus ingat RM569 bilion ini hanyalah hutang Kerajaan Pusat. Belum lagi diambil kira *the 29 non-financial public sector enterprises*, dengan izin. Kalau tambah akhir tahun 2014 data tersebut naik daripada 55% hingga 59%. Ini belum 1MDB lagi, tambah 1MDB walau kita ambil kira keuntungan Petronas, hutang negara mencecah 63%. Itu sudah langgar had siling yang ditetapkan oleh kerajaan sendiri.

Jadi pada saya, kita harus ambil kira dengan serius. Kerajaan daripada dahulu berkali-kali kita minta jumlah kontinjen *liabilities*, hutang yang dijamin oleh kerajaan tetapi sehingga saat ini bila 1MDB sendiri diserang oleh mantan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, diserang oleh banyak-banyak pihak, barulah ada kenyataan sedikit sebanyak. Itu pun tidak memadai Tuan Yang di-Pertua.

Menurut Laporan Tahunan Audit Negara, ketirisan, pembaziran, pecah amanah dan lain-lain kesalahan menyebabkan kerugian negara, anggaran antara RM28 bilion hingga RM40 bilion setahun. GST tidak akan memberikan impak positif kepada kerajaan, kerana saya ikut menurut Belanjawan 2015. Seperti yang dibentangkan dalam Dewan Rakyat. Kutipan pada 10 Oktober 2014, kutipan daripada GST dianggarkan bernilai RM23.22 bilion, tolak pengecualian, dianggarkan lebih kurang RM0.8 bilion. Pemansuhan SST dianggarkan RM13.8 bilion dan BR1M sebanyak RM4.9 bilion, kutipan GST hanyalah RM690 juta sahaja.

So, saya mohon penjelasan sekiranya tidak tepat. Inilah saya lihat daripada kenyataan dalam Dewan pada 10 Oktober. Cukai GST sebenarnya dilihat sebagai kegagalan kerajaan. Kerajaan seharusnya menjadikan cukai GST itu *the last option*, jalan terakhir. Sepatutnya peringkat permulaan berusaha untuk membanteras pembaziran dan meningkatkan urus tadbir yang baik dalam pengurusan dan perbelanjaan operasi (OPEX). Hal inilah antara daripada pelbagai sebab mengapa rakyat hilang kepercayaan kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sebelum ini merujuk kepada pesakit-pesakit Malaysia yang sekarang ini terpaksa mengambil kira kenaikan kadar perkhidmatan, khusus berkaitan dengan penjagaan kesihatan swasta. Ini kerana bantuan perubatan ketika itu perlu melibatkan bayaran caj tambahan apabila GST dikuatkuasakan. Ini tidak langsung selari dengan janji Menteri. Satu ketika dahulu mengatakan tidak ada impak kepada kesihatan. Jadi, dari semasa ke semasa sering berubah-ubah.

Jadi pada saya, kita harus mengambil kira, banyak ubat-ubatan kawalan yang diguna pakai untuk merawat pesakit kanser, pesakit buah pinggang dan HIV. Bila masa hanya beberapa ubat saja dikenakan atau diberikan pengecualian, yang lain itu akan memberi lingkaran *multiply effect* yang sangat negatif kepada rakyat.

Kita sekarang Tuan Yang di-Pertua, daripada perbincangan saya dengan badan-badan yang berkaitan, hanya mengguna pakai senarai *World Health Organization* (WHO). Sepatutnya negara-negara yang mundur mengguna pakai senarai tersebut kerana kita mahu ke arah negara

maju. Seharusnya kita memberi ruang yang lebih luas merangkumi ubat-ubatan yang terbaru yang belum lagi generik bagi mengambil kira impak kepada rakyat terbanyak.

Untuk buku pula, hanya buku teks, buku latihan, buku ilustrasi kanak-kanak dan kamus dan juga buku teks agama yang tidak dikenakan GST. Bagaimanakah pula dengan buku-buku yang lain? Sebanyak 47 negara daripada 51 negara menyenaraikan buku-buku sebagai barangan berkadar sifar. *Why in the pursuit of knowledge* Tuan Yang di-Pertua, *why don't you make this exemption?* Saya tidak faham kerana pada saya, ini bukan soal politik semata-mata, bukan soal politik sekali pun. Soal pendidikan dan bagaimana kita mahu mengajak lebih ramai anak-anak Malaysia ini belajar punyai tabiat membaca buku.

Maka, pendirian bagi Pakatan Rakyat, pelaksanaan GST pada April ini adalah bala berganda kepada rakyat. Pakatan tetap dengan pendirian membantah pelaksanaan GST yang terus menghimpit rakyat berpendapatan rendah. Sekiranya mahupun diambil kira oleh kerajaan, ia wajib ditangguhkan sehingga rakyat lebih bersedia, harus ada sasaran yang diberikan oleh kerajaan. Misalan, untuk memastikan pendapatan median bagi rakyat adalah dua kali ganda berbanding dengan pendapatan median pada masa ini. Itu adalah satu sasaran yang penting. Adakah kerajaan bersedia menangguhkan GST? Menunggu bila pendapatan median rakyat meningkat. Itu persoalan saya.

Adakah kerajaan bersedia bila masa hendak dilaksanakan, mendengar kumpulan-kumpulan yang tertentu yang penting, menyelaraskan pelepasan GST terhadap senarai keperluan asas seperti perubatan, perkhidmatan kesihatan, buku-buku terbitan dan selainnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menunggu kalau kerajaan dan Menteri begitu yakin, maka berikan jaminan bahawa sektor-sektor ini tidak akan melihat kepada kenaikan kos selepas pelaksanaan GST. Ini kerana setakat ini *goal post*nya sering kali berubah. Bila masa ada kenaikan, salahkan penjual, salahkan pihak lain tapi tidak kepada keputusan seharusnya digandingkan dengan kajian terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, tidak cukup dengan beban GST, kerajaan juga berhasrat menandatangani perjanjian *Trans-Pacific Partnership Agreement (TPPA)* yang jelas akan terus meningkatkan harga perubatan dan sara hidup rakyat Malaysia. Sehingga hari ini, janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menyatakan hanya akan menandatangani TPPA jika ia memanfaatkan rakyat, masih belum dibuktikan. Tambahan dengan laporan komprehensif kos faedah yang masih belum dibentangkan, termasuk kepada anggota-anggota Parlimen kokus berkaitan dengan isu TPPA.

Saya ingatkan, harga ubat sudah naik antara 20% hingga 50% bagi tahun lepas sahaja. Dijangka bakal naik mendadak pada tahun ini. Ini belum diambil kira kesan dahsyat GST dan TPPA. Justeru soalan saya, adakah kerajaan berani membentangkan laporan komprehensif kos kaedah TPPA pada sesi Dewan kali ini? Jangan guna alasan, ini adalah laporan interim, tidak boleh keluar. Pada saya, itu bukanlah alasan yang munasabah. Adakah kerajaan berani membentangkan keseluruhan isi kandungan kesemua bab dalam perbincangan TPPA? Demi menyahut saranan Baginda Yang di-Pertuan Agong mengenai pemisahan kuasa, kerajaan wajib

membentangkan perjanjian TPPA untuk diratifikasikan oleh Dewan, bersesuaian dengan masa yang mencukupi bagi meneliti 800 muka surat perjanjian yang sarat dengan bahasa guaman.

■1620

Ingat, seperti yang disebut oleh Ahli Parlimen Padang Serai. Ahli-ahli Parlimen bersidang semalam, hari pertama tanpa sebarang rang undang-undang di tangan untuk membuat kajian, penelitian. Hari ini barulah diberikan tetapi tidak pun dilampirkan menerusi laman sesawang Parlimen Malaysia. Pada saya harus ada keseriusan membahaskan sebarang rang undang-undang, diberikan masa yang mencukupi. Bukan soal semata-mata hendak menjadikan Parlimen ini sebagai satu bentuk *rubber stamp*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi beralih kepada pendidikan. Baru-baru ini keputusan peperiksaan PT3 yang diumumkan amat mengejutkan bukan sahaja kepada ibu bapa tetapi juga kepada masyarakat Malaysia. Akan tetapi ia sebenarnya refleksi keadaan sistem pendidikan tanah air yang lebih selari sebenarnya keputusan, 88 orang mendapat A. Konsisten dengan penilaian laporan antarabangsa, TIMSS dan PISA yang menunjukkan penurunan kualiti pendidikan yang diterima oleh anak-anak Malaysia. Kajian TIMSS 2011 menunjukkan sebanyak 35% daripada anak-anak kita yang terlibat dalam kajian berada di bawah tahap minimum. Sebanyak 35% *below minimum* mata pelajaran Matematik sementara sebanyak 38% di bawah tahap minimum mata pelajaran Sains. Ujian PISA pula menunjukkan bahawa pelajar kita mundur 2.5 tahun ke belakang daripada pelajar Vietnam dalam mata pelajaran Matematik dan mundur empat tahun di belakang pelajar-pelajar Singapura, Korea Selatan dan China.

Sebelumnya keputusan PMR yang cemerlang sejak 1993 sering menimbulkan tanda tanya. Tidak selari dengan keputusan TIMSS, PISA dan juga indeks PBB. Kita tahu anak-anak kita mempunyai kebolehan, persoalannya adalah persediaan yang disajikan di sekolah-sekolah kebangsaan. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan mengatakan jangan bandingkan PT3 dengan PMR kerana PT3 memerlukan *higher order thinking skills*. Kenyataan beliau ini memberikan gambaran bahawa sistem pendidikan tidak menyediakan anak-anak kita dengan kebolehan ataupun *higher order thinking skills*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Kualiti pendidikan Sarawak dan Sabah pula. Saya bimbang kerana menjelang tahun 2016, Kementerian Pendidikan akan menjadikan bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib lulus. Pakatan Rakyat menyokong penuh usaha ini untuk meningkatkan mutu pelajar. Namun, adakah kita yakin bahawa anak-anak kita telah bersedia untuk memberikan atau mendapatkan yang terbaik di sekolah-sekolah. Laporan media menyatakan setelah mata pelajaran ini dianggap sebagai mata pelajaran wajib lulus, tiga perempat daripada pelajar-pelajar di Sarawak dijangka akan kecundang dalam peperiksaan SPM. Pada saya, seharusnya kerajaan mengambil ini sebagai satu inisiatif untuk melaksanakan program serta-merta bagi mengelakkan perkara ini daripada berlaku.

Tahun lepas dikhabarkan cuma 23.16% pelajar daripada Sarawak lulus mata pelajaran bahasa Inggeris. Peratusan yang mendapat gred lebih baik daripada A *minus* adalah cuma 11.27% berbanding dengan 13.5% di peringkat nasional. Persoalannya, kenapakah ini berlaku?

Adakah fasiliti guru-guru yang disediakan mencukupi di kawasan-kawasan pedalaman? Saya mengambil contoh sekolah terbaik pada tahun 2014 dan 2013, Sekolah Kebangsaan Bukit Damansara. Sekolah kebangsaan ini dikira sekolah terbaik yang kita harapkan, kita anggap semua prasarananya akan memenuhi keperluan.

Akan tetapi dalam sesi persekolahan yang baru bermula, seramai 14 orang guru dipindahkan keluar setelah minggu pertama. Sesuatu yang tidak pernah berlaku dalam sejarah sekolah tersebut. Jadi pada saya, setelah saya menghantar sepucuk surat kepada kementerian, tidak ada jawapan. Ini menunjukkan tidak ada keseriusan. Ini kerana bagi kami Ahli-ahli Parlimen yang menghantar anak-anak ke sekolah kebangsaan tentunya kita mengharapkan adalah sedikit komitmen, keseriusan. Di sekolah-sekolah kebangsaan lah kita mahukan kualiti pendidikan terjaga.

Ya, saya amat kecewa, saya bimbang kalau sekolah-sekolah di kota, di bandar sebegini caranya bagaimana lagi sekolah-sekolah di pedalaman? Apa yang menyedihkan tentunya berita seperti Sekolah Kebangsaan Penimbawam, Tuaran di Sabah yang hanya dibangkitkan perhatiannya selepas seorang pengguna laman *Twitter* menunjukkan sekolah tersebut tidak mempunyai dinding. Jadi, saya berharap kerajaan mengambil serius kerana ini isu pendidikan yang tidak boleh kita remehkan.

Pada ketika ini Tuan Yang di-Pertua, TIMSS, penilaian antarabangsa sedang memungut data bagi kajian tahun 2015 di hemisfera selatan. Sebelum ini saya sebutkan 2011 menunjukkan penurunan yang ketara. Maka, adakah Malaysia bersedia untuk pungutan data yang terbaru? Parlimen mestilah membahaskan dan membuat sebuah usul bagi penubuhan sebuah jawatankuasa terpilih Parlimen dwi partisan untuk sistem pendidikan bagi mengkaji dan mencadangkan penambahbaikan kepada sistem pendidikan negara. Selain daripada itu, sebuah majlis pendidikan kebangsaan yang dianggotai oleh wakil-wakil kesemua pemegang hak *stakeholders* termasuk parti politik, para akademik dan wakil-wakil berkenaan wajib ditubuhkan segera bagi menyelesaikan masalah ini dengan terbaik.

Saya tidak akan merujuk kepada pihak peringkat universiti walaupun kita semua agak terkesan. Daripada Yang Berhormat Bukit Bendera, berkali-kali menyebutkan kepada kenyataan Yang Berhormat Menteri Pendidikan II yang mengatakan bahawa pendidikan Malaysia kini setaraf dengan negara maju termasuk UK, Jerman dan Australia dari segi kualiti pendidikan. Beliau menambahkan lagi, ini dibuktikan dengan terdapatnya lebih 135,000 orang pelajar asing yang sedang mengikuti pengajian di beberapa buah universiti tempatan yang meliputi 10% daripada jumlah pelajar yang berada di pusat-pusat pengajian tinggi. Saya bimbang kalau penanda aras yang sama diguna pakai terhadap pekerja-pekerja asing di Malaysia, kitalah ekonomi terbaik di dunia kerana pekerja-pekerja asing begitu ramai, lambakannya di negara kita.

Jadi, pada saya ini kenyataan yang kita semua mahu Malaysia berjaya. Daripada segi pendidikan, kualiti pendidikan yang terbaik. Akan tetapi kenyataan-kenyataan sebegini tidak membantu. Pada saya harus bersikap lebih serius dan ikhlas. Ini amat membingungkan sekali khususnya apabila kita melihat menerusi 2014 bagi *QS World University Rankings* bagi universiti-

universiti tidak ada satu pun universiti di Malaysia yang tersenarai dalam ranking teratas. Sebagai perbandingan Tuan Yang di-Pertua, kerana disebut negara-negara tersebut tadi, Jerman, UK. Terdapat 19 buah universiti daripada UK, tiga buah universiti dari Jerman, lapan buah dari Australia tersenarai dalam senarai 100 teratas *QS World University Rankings*. Malah, empat buah universiti daripada China, dua buah dari Singapura dan tiga buah daripada Korea Selatan. Ini belum dibawa lagi, isu kebebasan akademik yang tidak wujud dalam Malaysia hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerana itulah pada saya dalam apa-apa perancangan sekalipun haruslah kita lebih ikhlas dalam menerima pakai teguran sebelum merangka sesuatu yang lebih baik buat semua. Saya menegaskan dan mengingatkan kepada semua perancang, pakar-pakar ekonomi yang terlibat dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Tumpu kepada keadilan sosial dan peluang-peluang yang sama rata buat rakyat dalam Rancangan Malaysia Kesebelas nanti. Setiap individu rakyat berhak ke atas kekayaan dan peluang penjana ekonomi dalam negara.

EPU ada meletakkan pengukuhan pembangunan *inclusive* sebagai salah sebuah teras dalam perangkaan Rancangan Malaysia Kesebelas. Namun pada saya kita hendak mengharapkan janganlah kekal pada nama dan objektif sahaja. Tidak ada maknanya sekiranya Malaysia dan rakyatnya kekal miskin walaupun negara dianggap berpendapatan tinggi. Bank of America Merrill Lynch memberikan amaran. Dahulu kita seangkatan dengan Korea Selatan, 80-an tetapi sekarang menjelang tahun 2030, rakyat Malaysia majoritinya akan menjadi muda dan miskin. Itulah yang disebutkan sekiranya dasar-dasar diteruskan tanpa diperbetulkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan, bolehkan? Demi menyahut saranan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengenai pemisahan kuasa. Saya menanyakan dengan serius.

■1630

Adakah kerajaan bersedia mendengar dan melibatkan Pakatan Rakyat yang mewakili majoriti rakyat dan menjadi sebahagian cabang legislatif untuk menjadi penimbang tara dalam merangka Rancangan Malaysia Kesebelas oleh cabang eksekutif? Jangan kita lupa, Perdana Menteri ini sibuk, dia banyak jawatan. Memegang portfolio kewangan sebagai Menteri Kewangan. Perdana Menteri juga kawal 1MDB selaku Pengerusi Lembaga Penasihat badan tersebut. Tambahan lagi, walaupun beliau ulang dengan penuh bersemangat hendak mengaudit 1MDB untuk memastikan Ketua Audit Negara mengaudit 1MDB, tetapi Perdana Menteri juga merupakan ketua bagi SPRM yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang menggaji SPRM. Bagaimana pula badan-badan ini dapat menyiasat ketua mereka? Menyiasat dengan tanpa rasa takut ataupun bimbang. Ini persoalan yang saya bangkitkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Lembah Pantai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sekejap, ya. Panjang lagi Yang Berhormat?

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Panjang lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sudah satu jam.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Satu jam lagilah, *insya-Allah*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya?

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Lagi satu jam.

Seorang Ahli: Dalam dua jam okeylah itu.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua lihatlah, saya *tackle* banyak perkara. Jadi pada saya kita tidak ambil mudah ya peluang berbahas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Satu jam tidak mungkin saya benarkan.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Ya. Kalau 45 minit Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya benarkan setengah jam, ya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Lembah Pantai.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Silakan Yang Berhormat Jelutong. Boleh, ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Saya hendak sentuh tentang apa yang diujahkan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai tentang terdapatnya elemen *conflict of interest*. Adakah Yang Berhormat Lembah Pantai setuju jika Menteri Kewangan juga selaku pengerusi dalam *advisory board* kepada 1MDB melucutkan jawatan Menteri Kewangan sementara siasatan *independent* dapat dilaksanakan?

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Saya setuju sangat. Saya rasa sebenarnya untuk membersihkan nama Perdana Menteri, inilah salah satu cara yang terbaik untuk memberikan ruangan kepada penyiasatan dilakukan sementara tidak ada kaitan beliau dengan 1MDB. Walaupun kita tahu 1MDB ini sebenarnya adalah *wholly-owned, subsidiary by the government*, itu kita tahu, tetapi sekurang-kurangnya nampak beliau berani mendepani cabaran kerana saya difahamkan Yang Berhormat Pandan petang ini akan membuat laporan polis... [Disampuk] Yang Berhormat Segambut juga?

Ramai Yang Berhormat akan membuat laporan polis melibatkan tiga orang individu Tuan Yang di-Pertua, iaitu Perdana Menteri, Jho Low dan Datuk Shahrol Halmi di bawah pelanggaran beberapa kesalahan iaitu, pertama, Akta Pengubahan Wang Haram atau *Anti-Money Laundering Act*, dan keduanya pecah amanah, *criminal breach of trust*. Ini kerana ketiga-tiga individu ini, Perdana Menteri, Jho Low dan Datuk Shahrol Halmi terlibat dan terbabit dengan 1MDB sejak tahun 2009. Ia bukan baru-baru ini tetapi sudah lama ya, dari sejarahnya.

Jadi saya berharap ada lah tindakan balas dan beliau ambil cadangan yang disebut oleh Yang Berhormat Jelutong tadi, tinggalkan pegangan terhadap 1MDB. Kalau saya hendak tolak lagi, saya minta tidak payah pegang portfolio kewangan tetapi kita faham ya kadang-kadang mungkin dalam masa kita hadapi cabaran-cabaran ekonomi, beliau harus fokus. Jadi tugas terhadap 1MDB itu harus dilepaskan.

Tuan Yang di-Pertua, kebimbangan saya adalah bagaimana kita boleh percaya dengan institusi Peguam Negara. Dahulunya, sebelumnya saya sebut tentang kehilangan Pulau Batu Putih termasuk timbalannya yang dibelenggu dengan dakwaan dan juga siasatan qazaf di beberapa buah negeri termasuklah dakwaan menipu dan menokok tambah bukti mahkamah. Adakah semua ini mampu Peguam Negara sebegitu mampu menyelamatkan negara daripada skandal 1MDB? Letupan ekonomi 1MDB.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap ada jawapan balas khusus dalam bab ini walaupun akan dipanjangkan dan dijelaskan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Lembah Pantai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Silakan Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya ingin bertanyakan berkenaan dengan keyakinan terhadap Peguam Negara. Seperti yang sedia maklum, dalam kes Ahli Parlimen Permatang Pauh, Peguam Negara tidak dapat mendakwa dan perlu mengupah DPP untuk membuat kerja Peguam Negara sendiri. Seorang peguam yang dikaitkan dengan UMNO iaitu Shafee Abdullah. Saya hendak tanya Yang Berhormat Lembah Pantai, adakah itu merupakan satu tanda yang menunjukkan Peguam Negara ini bukannya seorang Peguam Negara yang kita boleh bergantung kepada dan seorang Peguam Negara yang lemah? Terima kasih.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gelugor dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya itulah yang menjadi krisis atau masalah kepada rakyat dan juga negara kerana kita mempunyai seorang Peguam Negara bukan sahaja tidak berkebolehan atau gagal dalam isu pendakwaan, tetapi mampu berdiam diri sementara Timbalan Pendakwa Raya telah melakukan kesalahan demi kesalahan termasuk dengan *conductnya* yang melanggar etika dan juga profesionalisme mana-mana peguam. Jadi saya fikir ini amat memalukan negara.

Saya sebut tadi, Timbalan Pendakwa Raya sekarang ini berhadapan dengan siasatan qazaf di negeri Pulau Pinang. Ada juga beberapa laporan qazaf yang dibuat termasuklah di negeri Selangor. Sebelumnya, mantan Pengarah CID, Jabatan Siasatan Jenayah Selangor iaitu Datuk Mohd. Zain yang telah membuat laporan demi laporan mengatakan bahawa Peguam Negara inilah yang cuba menyembunyikan dan memalsukan bukti dan seribu satu dakwaan yang

pada saya tidak pernah diambil serius oleh kerajaan. Ini sesuatu yang amat mengecewakan kerana kita berhadapan dengan Jabatan Peguam Negara yang seharusnya menunjukkan profesionalisme, membawa bersama kredibiliti bagi institusi dan mengharumkan nama Malaysia.

Jadi pada saya, Perdana Menteri harus memberi jawapan yang jelas dalam bab ini kerana menteri-menteri pun nampak tidak boleh mengawal apa yang dilakukan oleh Tan Sri Shafee Abdullah. Dia boleh bebas hari ini, serangan hanya berkisar kepada *Bar Council* tetapi tidak ada perlindungan bagaimanakah alasan-alasan diguna pakai untuk mempertahankan *misconduct and the abuse of power* oleh Tan Sri Shafee itu sendiri. Itu yang kita persoalkan. Bayangkan Tuan Yang di-Pertua, tidak pernah dalam sejarah Malaysia, begitu jelas tokok tambah bukti ini sampaikan bukti-bukti yang tidak pernah wujud dalam persidangan mahkamah sekali pun boleh diwujudkan serta-merta kerana namanya Tan Sri Shafee Abdullah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sedikit.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Baik, kalau... Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Lembah Pantai. Yang Berhormat Lembah Pantai, kita tahu bahawa Datuk Shafee ini telah dibawa oleh Ketua Pemuda UMNO untuk mengadakan *roadshow*. Saya difahamkan beliau dan juga Ketua Pemuda UMNO mencadangkan mana-mana peguam yang hebat sila berdebat dengan Datuk Shafee. Saya telah pun respons. Saya bersedia berdebat dengan beliau dan minta siaran langsung di televisyen. Sampai hari ini tidak ada suara pun daripada Datuk Shafee atau Ketua Pemuda UMNO yang bersedia berdebat. Saya hendak ulangi hari ini, saya bersedia untuk berdebat bila-bila masa dengan Datuk Shafee dan juga dengan Ketua Pemuda UMNO. Terima kasih.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Sebab *you* tidak hebatlah, *you* tidak hebat. Dia peguam yang hebat, *you* tidak hebat.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan mengulangi cabaran daripada Yang Berhormat Sepang ya untuk berdebat dengan Tan Sri Shafee kerana Ketua Pemuda UMNO saya sempat tengok beliau hadir satu sesi sahaja, kemudian tiba-tiba beliau lari ke Amerika Syarikat. Jadi saya pun tidak faham. Mungkin beliau merasakan *counter productive* seperti yang disebut oleh orang putih, bahawa kadang-kadang cara-cara ini bila masa kita menzalimi di luar batasan, penerimaan itu memang tidak ada sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi ke tajuk lain dan harap cabaran ini dapat dijawab dengan positif ya oleh pihak sebelah sana. Tarikh hitam 10 Februari 2015 yang saya sebut tadi menyaksikan kezaliman sekali lagi berulang terhadap Ketua Pembangkang Malaysia. Pada hari yang sama, Perdana Menteri yang semakin celaru untuk mempertahankan singgahsana kuasanya memperkenalkan pelbagai hasil baru penjenamaan semula. Terbaru, Indeks Syariah Malaysia. Indeks yang menurut Perdana Menteri mengguna pakai *maqasid* syariah Tuan Yang di-Pertua, memelihara lima perkara. Apa yang mengejutkan saya adalah pemeliharaan bangsa.

■1640

Tuan Yang di-Pertua, *maqasid* syariah adalah merupakan tonggak syariah dalam usaha mewujudkan kebaikan, menolak keburukan dan mengelakkan kemudaratan. Memelihara keturunan bukan memelihara bangsa. Ada perbezaan ketara di sini. Saya peringatkan agar Perdana Menteri, Ahli Parlimen Pekan jangan mempermainkan agama. Rasulullah SAW dalam khutbah terakhir pernah mengatakan bahawa semua manusia itu dari Adam dan Hawa. Seorang Arab tidak ada kelebihan daripada seorang yang bukan Arab mahupun seorang bukan Arab mempunyai kelebihan daripada seorang Arab.

Seorang yang putih tiada kelebihan dari seorang yang hitam dan seorang yang hitam tiada kelebihan daripada seorang yang putih melainkan takwa dan amal soleh. Ulama manakah yang telah Perdana Menteri rujuk untuk mengeluarkan indeks syariah ini yang diumumkan serta-merta selepas pemenjaraan Ketua Pembangkang. Saya rujuk kepada beberapa ulama kontemporari dan *maqasid* universal yang mereka pilih daripada Syeikh Rasyid Ridha Ibnu 'Asyur Muhammad Al-Ghazali hinggalah kepada Yusuf Al-Qardhawi dan Syeikh Taha Jabir. Tidak ada salah satu pun daripada mereka antara mereka yang memberikan ruang kepada pemilihan bangsa atau warna kulit sebagai objektif *maqasid* negara.

Tuan Yang di-Pertua, kerana itulah dalam isu pemerintahan dalam politik Islam itu datang dengan keadilan mewajibkan keadilan itu dalam segala aspek kehidupan. Yang Berhormat Arau boleh tutup *mike*.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Boleh tak hendak tanya sedikit?

[*Dewan riuh*]

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Maaf saya sudah kata, saya hargai hanya... Tidak, tidak. Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Arau ikut protokol duduk, belajar duduk, duduklah.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Okey, Tuan Yang di-Pertua kerana saya ada setengah jam sahaja.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [*Menyampuk*]... *Backbencher* lagilah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: D.U.D.U.K duduk!

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Menteri jawab kemudianlah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Menteri duduk, duduk. Menteri duduk.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Menteri dok mentaliti *backbencher*. Inilah dia.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Duduklah, duduk. Belajar duduk.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Awak peguam yang tidak popular.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak ini apa ini!

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: ...Menteri dalam Parlimen pun tidak faham.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Duduk Yang Berhormat Arau. duduk! Menteri dalam ini pun duduk. Belajar duduk.

[Dewan riuh]

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Okey, terima kasih. Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Arau. Boleh duduk tidak? Terima kasih. Baik nanti kita bagi. Baik, baik.

Seorang Ahli: *[Ketawa]*

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Baik.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Siapa yang ganggu itu siapa yang ganggu?

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Kita semua bersemangat.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Ganggu diri sendiri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Arau yang ganggu orang.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Jadi saya sebut tadi Tuan Yang di-Pertua bahawa Islam juga datang dengan ahli insan dan mewajibkan di dalam semua perkara. Datang dengan syura' musyawarah legitimasi pilihan raya dan menghalang kediktatoran. Datang dengan kebaikan dan mengeji monopoli, datang dengan kesamarataan, tawaduk dan mengharamkan keangkuhan dan kelampauan. Datang dengan memelihara harta-harta awam dan tidak didekati melainkan dengan cara yang terbaik. Tolak pengelapan wang, rasuah, kezaliman, tangkapan-tangkapan mengila dan menakutkan rakyat dengan undang-undang zalim. Menolak pembaziran dan Islam datang dengan membantu orang yang lemah memulihkan hak, kemuliaan dan hajat mereka datang mencegah orang-orang yang zalim.

Islam datang untuk merealisasikan keamanan dan menolak ketakutan dalam usaha memberikan keadilan. Ibnu Al-Qayyim menegaskan syariah itu berkait keadilan dan juga kebijaksanaan. Maka anjuran saya Tuan Yang di-Pertua, jika benar Malaysia mahu mengikut *maqasid* syariah, Perdana Menteri wajib memperjuangkan kebebasan, keadilan dan juga demokrasi yang benar. Bukan terus mempertahankan kontroversi 1MDB membela golongan elit yang makan rasuah dan selainnya. Saya berikan anjuran ini kerana apabila saya melihat kedudukan Malaysia dalam indeks demokrasi yang menduduki tempat ke-67, Malaysia dikategorikan sebagai demokrasi tempang yang memalukan. Maka, Perdana Menteri harus faham bila hanya dengan adanya keadilan dan kebijaksanaan, barulah syariah tertegak.

Tuan Yang di-Pertua, dilaporkan juga bahawa sesi ini Menteri Dalam Negeri bakal membentangkan Akta Pencegahan Keganasan Kuota. Akta ini akan memperkenalkan semula

kita tahu penahanan tanpa bicara. Kami dari Pakatan Rakyat melihat ini sebagai percubaan kerajaan untuk mengembalikan Akta Keselamatan Dalam Negeri atau ISA. Dikhabarkan tujuan kuota adalah untuk mencegah aktiviti-aktiviti keganasan berdasar faktor bukti yang minimum. Termasuklah intipan elektronik ke atas suspek. Merujuk kenyataan Menteri Dalam Negeri akta ini hanya akan digunakan ke atas suspek-suspek pengganas.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan ini mengingatkan jaminan kita kepada jaminan Perdana Menteri Malaysia yang pertama Tuanku Abdul Rahman yang mengatakan ISA tidak akan digunakan ke atas pembangkang. Malangnya termasuklah tidak akan digunakan untuk seteru-seteru politik yang sah. Jaminan itu nyata meleset apabila akta tersebut digunakan untuk menyumbat ramai pemimpin pembangkang termasuk yang masih di dalam Dewan ini dalam Kem Kamunting.

Pertama kami menentang dengan tegas cubaan kerajaan untuk memperkenalkan semula undang-undang *draconian* ini. Undang-undang ini akan memberikan peluang kepada kerajaan untuk menyalahgunakannya sebagai asbab menangkap pengkritik-pengkritik kerajaan.

Seterusnya dengan membekalkan bahan bukti yang minimum, hanya menjurus kepada siasatan sambil lewa, dakwaan yang lemah, memandangkan Ketua Polis Negara pun sibuk membaca *Twitter* dan merasakan hanya menerusi *Twitter* dapat mendakwa sesiapa, tidak perlu buat siasatan dan sebagainya. Maka inilah yang akan membahayakan kerana akhirnya kalau pun berkait dengan suspek-suspek pengganas dengan jayanya di mana-mana negara sekalipun harus digandingkan dengan hasil siasatan dan risikan yang menyeluruh.

Inilah yang terdapat kita jamin memandangkan tahap pendakwaan di bawah Peguam Negara yang meleset, merosot dan tidak boleh harap. Jadi cadangan kami selain daripada menggugurkan penahanan tanpa perbicaraan sepatutnya kerajaan meluaskan skop definisi ancaman keselamatan nasional masukkan korupsi, *terrorism* ekonomi dalam rang undang-undang. Itu yang harus dilihat.

Soalan saya adakah benar harus jawab oleh kerajaan sebanyak USD700 juta dipindah milik kepada sebuah syarikat di bawah seliaan Jho Low. Seseorang yang didakwa mempunyai hubungan rapat bersama keluarga Menteri. Hutang 1MDB pada hujung tahun lepas berada pada nilai kira-kira RM42 bilion. Saya sebut hari ini kenapa takut apabila buat laporan polis, polis tidak siasat. Ini hanya memberikan jaminan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Selalunya kita yang disiasat seperti yang disebut oleh Ahli Parlimen Shah Alam tadi ya dan sebagaimana yang kita tahu exco negeri Selangor yang direman.

Akan tetapi isu nama Jho Low masih lagi bebas untuk bersama artis-artis terkenal di dunia di mana-mana *cruise* yang diperlukan. Bagus saya suka mendengar Yang Berhormat Arau menanyakan *who is Jho Low?* [Dewan riuh] Saya beri jaminan Tuan Yang di-Pertua, saya akan beri laporan *The Edge*, laporan media *The Edge* berserta dengan *Sarawak Report* supaya Yang Berhormat Arau dapat baca mengenal pasti wajah-wajah aktor-aktor termasuklah oleh Jho Low. Saya akan – tidak ada masalah buat saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya pun berminat dapat salinan.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Baik, saya akan beri salinan kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Tidak ada masalah.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Ini apa ini. Ya Allah hai.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, cuba tegur sikit Yang Berhormat Menteri ini ada masalah dia ini. Pergi hospitallah *check, check*.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Kalau Yang Berhormat mahu saya boleh berikan kepada semua Ahli Parlimen.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Bukannya awak... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Apa awak, awak ini? *[Dewan riuh]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Baik, baik, baik. Untuk pengetahuan Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah, cukup. Ya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Untuk pengetahuan Dewan Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengenali Jho Low. Saya hanya mengenali daripada laporan-laporan media. Akan tetapi saya akan berikan salinan kepada semua Ahli Parlimen Barisan Nasional termasuk Tuan Yang di-Pertua yang berminat *insya-Allah*.

Jadi hutang 1MDB saya sebut tadi RM42 bilion. Akan tetapi yang membimbangkan kita adalah dakwaan bahawa jaminan kerajaan termasuk menerusi surat-surat *guarantee* yang disebut oleh Ahli Parlimen Pontian bukan surat *guarantee* tapi dipaparkan di dalam media sebagai surat jaminan adalah berjumlah sekitar RM20 bilion. Maka Menteri Kewangan iaitu Perdana Menteri iaitu Pengerusi Majlis Penasihat 1MDB wajib berikan penjelasan yang terperinci tentang dakwaan jaminan kerajaan terhadap hutang 1MDB dan jaminan dibuat di atas terma-terma yang bagaimana.

■1650

Ya, saya sebut tadi tentang laporan polis yang dibuat oleh Ahli Parlimen Pandan dan saya harap dapat disiasat serta-merta. Sudah tentu semua ini bila kita berkait dalam isu RM30 bilion, RM40 bilion dan RM50 bilion boleh dan wajib dianggap sebagai ancaman yang besar kepada negara. Soalnya, bilakah dapat rakyat menyaksikan tindakan pasca sebarang siasatan yang diumumkan? Adakah Menteri Dalam Negeri yang sibuk menangkap ADUN-ADUN dan juga Exco Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat bersedia memasukkan terorisme ekonomi dan korupsi

dalam perbahasan yang lebih lanjut tentang faktor-faktor yang menggugat kestabilan serta keselamatan negara ataupun beliau sibuk menulis surat sokongan bagi mana-mana gengster warganegara Montenegro. Itu persoalan. Sekiranya Menteri berkenaan tidak mengendahkan cadangan ini, adakah Barisan Nasional atau parti-parti komponennya bersetuju menubuhkan sebuah jawatankuasa *by* partisan bagi merangka 'Rang Undang-undang Akta Pencegahan Korupsi dan Keganasan Ekonomi'?

Tuan Yang di-Pertua, Pakatan Rakyat iltizam politik bersama. Saya fikir jelas ya, bahawa sekarang ini yang harus kita tumpukan ialah pegangan kita kepada Perlembagaan Persekutuan yang membentuk akad perjanjian asas kenegaraan. Tambahan, Rukun Negara haruslah menjadi teras ideologi kenegaraan kita. Perlu kita kukuhkan iltizam politik untuk memastikan Pakatan Rakyat kekal utuh, menzahirkan *insya-Allah* sebuah negara adil yang kita impikan. Maka saya ulangi beberapa agenda reformasi yang telah dibincangkan untuk diambil kira oleh kerajaan, yang mana usaha membina negara adil berpandukan kepada beberapa prinsip asas bagi memperkukuhkan struktur ekonomi dan institusi demokrasi termasuklah prinsip desentralisasi, pengagihan semula kuasa serta sumber. Prinsip *divestment*, pelupusan milikan saham kerajaan, mempelbagaikan sumber ekonomi, disiplin fiskal dan demokrasi - 5 'D'.

Dalam hal ini, seperti disebut oleh ramai Ahli Parlimen dalam konteks Kerajaan Negeri Kelantan dan Terengganu dahulunya, harus dirangka semula perkongsian hasil cukai antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri dengan kadar yang lebih adil. Soal pengembalian pilihan raya kerajaan tempatan harus dibincangkan. Penyaluran royalti minyak tanpa kecuali kepada negeri-negeri yang berhak dan juga menghormati hak-hak kerajaan negeri. Sebagai contoh, hak Kerajaan Negeri Selangor untuk membatalkan perjanjian KIDEX dan juga perjanjian air kerana Kerajaan Pusat gagal memenuhi terma-terma dan perjanjian yang digariskan.

Kita amat arif juga dengan pengalaman Kerajaan Negeri Kelantan diperintah oleh PAS, yang mana sejak merdeka dinafikan royalti minyak dan Terengganu dinafikan antara tahun 1999 hinggalah 2004. Apa yang paling ironisnya adalah apabila Terengganu Investment Authority (TIA) yang penubuhan asalnya untuk menyalurkan wang royalti melepasi kerajaan negeri ditukar kepada 1MDB. Inilah sejarah kepada 1MDB Tuan Yang di-Pertua. Tentunya apabila kita menyatakan prinsip akauntabiliti, Yang Berhormat Jelutong ingatkan tadi, Perdana Menteri harus meletakkan jawatan daripada Pengerusi Lembaga Penasihat 1MDB. Itu *first and for most* Tuan Yang di-Pertua. Kemudian, tentunya kita mahu pastikan kita meluaskan sumber cukai pendapatan dengan cara-cara lain.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sebentar tadi saya bangkitkan isu TPPA, maka dalam bab ketiga iaitu mempelbagaikan sumber ekonomi, saya cadangkan di samping usaha menginovasi sektor-sektor baru seperti sains dan teknologi nano, memfokuskan pelaburan sektor swasta dengan menaikkan peruntukan bagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan, Malaysia juga harus mengambil kira – kita kaya dengan sumber asli biodiversiti yang berpotensi memberikan hasil yang lumayan khususnya Sabah dan Sarawak.

Kalau dahulu kita terpaksa melawan, memastikan di Lahad Datu iaitu *the most pristine environmental frontier in the world* Tuan Yang di-Pertua, jangan dibina loji bagi arang batu, maka sekarang sebagai usaha mendepani cabaran termasuk TPPA, kerajaan harus ambil kira. Saya mengusulkan satu 'Akta Pelesenan dan Paten Sumber Biodiversiti Negara' (*the most pristine environmental frontier in the world*), yang saya tahu sedang dibangkitkan oleh Universiti Malaya agar semua sumber asli termasuk kod genetik menjadi hak intelek negara seperti mana hasil petroleum dijadikan hak sumber asli negara, bukan hak sumber asli Barisan Nasional.

Keempat, tentunya disebut sebelumnya adalah isu *fiscal discipline*. Pengurangan defisit bajet yang saya pinta adalah memaklumkan jumlah hutang yang dijamin oleh kerajaan, *contingent liabilities* dengan terperinci. Kerajaan juga harus memastikan Jawatankuasa Polisi Fiskal Parlimen dibentuk bagi memantau prestasi perbelanjaan melalui program *Outcome-Based Budgeting* di bawah *open budget initiative* dan tentunya pendemokrasian. Sebelumnya pihak Bersih bersama Bar Council mengeluarkan kenyataan tentang reformasi sistem Parlimen termasuk juga perincian-perincian yang terbabit. Pemansuhan undang-undang drakonian. Kita belum lagi melihat POTA diluluskan, sudah wujud salah guna kuasa terhadap akta yang sedia ada. Kebimbangan saya dan permintaan saya ialah kerajaan mengambil kira dengan serius semua cadangan yang dibawa oleh kumpulan-kumpulan ini bila masa mereka duduk semeja untuk berbincang.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Yang Berhormat Lembah Pantai.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Silakan Yang Berhormat Bukit Katil. Tuan Yang di-Pertua sedikit ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: *You Menteri, you Menteri.*

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: [*Ketawa*] [*Dewan riuh*]

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Merajuk Yang Berhormat Arau. Boleh Tuan Yang di-Pertua? Boleh ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila Yang Berhormat Bukit Katil.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Ya, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Sebenarnya saya ingin bangkitkan dua perkara tentang apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Lembah Pantai sebentar tadi. Pertamanya ialah soal undang-undang yang dimaklumkan bahawa akan dibentang dalam Parlimen berkaitan dengan keganasan. Seperti

mana yang dilaporkan dalam *Global Terrorism Index* dengan izin, tahun yang lalu bahawa Malaysia sekarang ini berada di ranking yang ke-48 keganasan. Malah, ini tentunya mengejutkan kita walaupun seingat saya pada tahun 2009, PDRM telah pun membuat satu pasukan khas bagi memastikan agar keganasan ini dapat diatasi. Pengalaman Indonesia misalnya sekarang ini pada tahap yang jauh lebih baik dari Malaysia kerana pengalaman mereka yang lebih komprehensif menangani keganasan ini.

Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat Lembah Pantai, apakah komen dan pandangan Yang Berhormat Lembah Pantai sedangkan kalaupun kita anggap keganasan ini satu perkara yang cukup serius kerana penglibatan rakyat Malaysia juga cukup signifikan, tetapi kita lihat setakat ini tidak ada lagi undang-undang ataupun draf bil yang telah pun diserahkan kepada anggota Parlimen? Apa yang saya bimbang ia akan jadi seperti mana yang lalu, undang-undang yang ingin disegerakan ini ataupun yang ingin diluluskan dengan segera dibentangkan satu dua hari sebelum perbahasan dan kemudian akan terus dibahaskan dan diluluskan tanpa ada sebarang penelitian yang lebih terperinci. Ini tentunya akan memberikan kesan yang besar kepada negara kita.

Kedua, ringkas sahaja. Sebentar tadi Yang Berhormat Lembah Pantai sebut soal Tan Sri Shafee. Apa komen Yang Berhormat Lembah Pantai tentang penglibatan ataupun pelantikan Tan Sri Shafee ini sebagai Pengerusi *ASEAN Intergovernmental Commission on Human Rights*? Boleh atau tidak kita tanya bagaimana tokoh yang sebegini rupa, watak yang sebegini pelik ini diberikan jawatan yang begitu tinggi di peringkat ASEAN? Kita juga minta tanya boleh atau tidak kita tanya kementerian yang berkaitan, apakah tidak ada orang lain yang lebih mulia daripada manusia ini untuk menjadi pengerusi *Human Rights* ini? Terima kasih.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, memang daripada awal semasa Ketua Pembangkang hadir bersama dalam sesi Dewan, berkali-kali disebut bila berkait dengan ancaman terrorism nasional dan juga antarabangsa, Pakatan Rakyat bersedia untuk bekerjasama dalam soal ini. Jadi sekurang-kurangnya, tubuhkan satu jawatankuasa membincangkan perincian yang akta POTA atau *bill* POTA sebelum diluluskan dengan begitu sahaja.

Saya fikir sebagai mewakili ramai mangsa ISA sebelumnya, *that is the list you can do* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

■1700

Isu yang kedua ialah, saya nak minta yang menjawabnya pun- Peguam Negara pun *credibility*nya pun tak lah begitu jauh lebih baik daripada Tan Sri Shafee. Hanya memang ada suara-suara yang menegaskan dan memohon agar beliau disingkirkan daripada jawatan tersebut, khusus mewakili pihak badan khas kemanusiaan di peringkat ASEAN. Pada saya ini harus diambil serius kerana imej negara yang sedang dilihat di luar sana.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada isu keyakinan kepada prinsip dan proses...

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: ...Perlembagaan- yang terakhir. Terima kasih.

Yang Berhormat Permatang Pauh sebelumnya mengesahkan bahawa satu petisyen mendapat ampun telah dikemukakan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari Selasa, 24 Februari 2015. Difailkan di atas tiga nama, termasuk saya.

Petisyen difailkan di bawah Perkara 42, Perlembagaan Persekutuan bagi tujuan mendapat ampun dari Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang berasaskan alasan pengetepian prinsip-prinsip keadilan, "*miscarriage of justice*" dan pembelaan daripada penganiayaan, fitnah terhadap Yang Berhormat Permatang Pauh. Ia dipersembahkan pada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, sejajar ya Tuan Yang di-Pertua, dengan kuasa mutlak Agong bagi mengampun, menangguhkan dan melegakan hukuman di bawah Perkara 42, Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang termaktub dalam Perkara 3(5), "*Walau apa pun, apa-apa jua dalam Perlembagaan ini Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua Agama Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.*" Bagi maksud ini, Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan bagi mengawal selia hal ehwal agama Islam dan menubuhkan sebuah majlis bagi menasihati Yang di-Pertuan Agong mengenai hal ehwal agama Islam.

Tambahan juga, Yang Berhormat Permatang Pauh pernah mengemukakan permohonan di Mahkamah Rayuan Syariah Kuala Lumpur bagi melucutkan peguam yang mewakili Jabatan Hal Ehwal Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dalam saman terhadap jabatan itu. Laporan *Qazaf* yang dilaporkan oleh wakil badan bukan kerajaan, pendakwah bebas dan wakil mahasiswa atas kenyataan terbuka Tan Sri Shafee Abdullah, Pengerusi Hak Asasi ASEAN di Selangor dan juga di Pulau Pinang, wajib disiasat di bawah seksyen 36, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Selangor 1965, dan juga seksyen 41, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Pulau Pinang 1966. Tindakan ini jelas membuktikan kepercayaan Yang Berhormat Permatang Pauh kepada ketinggian dan kedaulatan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama dalam Perlembagaan Persekutuan.

Hujah ini diperkukuhkan lagi dengan serangan susulan yang biadab di luar mahkamah oleh Timbalan Pendakwa Raya, Tan Sri Shafee Abdullah. Mana mungkin pasca penghukuman dakwaan jahat dan fitnah terhadap Yang Berhormat Permatang Pauh dilakukan secara berterusan dengan terus mengaibkan dan menokok tambah. Tidakkah ini bertentangan dengan etika dan tata tertib mahkamah dan guaman serta peraturan perundangan? Bagaimanakah boleh dibiarkan dendam kesumat sebegini berterusan untuk mengheret wibawa sistem keadilan?

Tuan Yang di-Pertua, kredibiliti kehakiman negara kita amat terjejas. Rata-rata badan antarabangsa dan negara mengkritik hebat pensabitan hukuman. Secara khusus, kecaman hebat daripada *International Commission of Jurists*, badan yang sama memantau kes Nelson Mandela satu ketika dahulu yang merupakan badan pemantau perlindungan hak asasi menerusi *rule of law*, kedaulatan undang-undang. Penghukuman juga mengundang kritikan daripada badan-

badan antarabangsa seperti *International Federation for Human Rights* (FIDH), *Al-Ikhawanul Muslimin (Muslim Brotherhood)*, *Inter-Parliamentary Union*, *Human Rights Watch* dan *Amnesty International*.

Beberapa buah negara turut memberikan pandangan mempertikai penghakiman dan penghukuman, antaranya Kerajaan Australia, Jerman, Amerika Syarikat, Eropah, UK dan New Zealand.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Permatang Pauh difahamkan Kerajaan Switzerland pula akan membawa kes yang melibatkan beliau ke Persidangan Hak Asasi *United Nations* di Geneva kelak. Kami merakamkan setinggi penghargaan terhadap pendirian kerajaan-kerajaan dan badan-badan antarabangsa kerana menzahirkan pendirian yang konsisten, mempertahankan prinsip keadilan sejagat.

Dalam konteks ini, saya juga terpenggil memetik kenyataan mantan Presiden Turki, Abdullah Gul, "*As a friend of Malaysia and Malaysian people, I would like to encourage the Malaysian Government to reconsider the impact of this verdict on its international standing and its commitment to human rights.*" Saya sedar bahawa dalam konteks sistem perundangan negara ini, penghakiman berakhir dengan keputusan mahkamah. Namun, kami yakin bahawa keadilan tidak berakhir di situ, ia dimuktamadkan dengan iltizam dan hati nurani rakyat yang cintakan keadilan dan kebenaran.

Under due process of law, the finality of judgment rest, dengan izin, with the court. Nevertheless, in the philosophy of jurisprudence, the finality of justice relies on the will and the conscience of the people for justice and truth. Kepada para konspirator, kami ingatkan dan tegaskan bahawa kami tidak pernah gentar dengan permainan politik kotor, jijik dan amat terkutuk. Kami yakin dan percaya rakyat tidak akan mudah terpedaya dengan politik murahan yang dicanangkan selama ini untuk memusnahkan karier politik Yang Berhormat Permatang Pauh dan menghalang kemaraan Pakatan Rakyat membebaskan Putrajaya daripada kebobrokan, kebejatan, kegelojohan dan kerakusan kuasa Barisan Nasional.

Mungkin Yang Berhormat Permatang Pauh dipenjarakan buat lima tahun lagi tetapi jangan lupa Yang Berhormat Permatang Pauh lalui dua tahun tahanan ISA, ujian fitnah sehingga merengkok dalam penjara sebelumnya selama enam tahun. Jika tindakan Barisan Nasional bertujuan untuk melemahkan dokongan rakyat terhadap agenda reformasi, kami tegaskan pada hari ini dalam Dewan yang mulia ini, kebangkitan rakyat akan merobohkan tembok kepalsuan, fitnah, kezaliman dan rasuah Kerajaan Barisan Nasional.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, betul Yang Berhormat Arau. Dengar betul-betul ya... *[Dewan riuh]*

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Permatang Pauh Tuan Yang di-Pertua, mungkin dipenjarakan. Mungkin ramai lagi rakan-rakan dalam Pakatan Rakyat yang akan terhukum, termasuk Lembah Pantai yang ada temu janji dengan pihak polis minggu depan. Namun, kami yakin dan percaya kerakusan kuasa Barisan Nasional tidak mungkin berupaya memadamkan bara api obor perjuangan rakyat.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang diberikan... [Tepuk]

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai.

Ya? Sebelah sini tidak ada yang minat. Ya, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Ya, sila. Setengah jam ya. 30 minit.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Satu jam.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masa 30 minit.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Speaker dah bagi tahu satu jam.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya putuskan 30 minit. Sila.

5.07 ptg.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ada satu isu tapi satu isu yang cukup besar yang sepatutnya memakan masa lebih daripada satu jam untuk dibentangkan dalam Parlimen. Satu jam pun mungkin tidak habis. Akan tetapi saya nak sebut di sini bahawa perkara ini bukan kali pertama perkara ini dibawa ke dalam Dewan yang mulia ini. Perkara skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Semasa perbahasan bajet bulan November tahun lalu, Timbalan Menteri Yang Berhormat Pontian dengan penuh keyakinan bagi pihak Kementerian Kewangan berkata bahawa kerajaan tidak perlu dan tidak bertanggungjawab untuk membantu 1MDB. Beliau berkata bahawa tiada apa tanggungan terhadap hutang atau bayaran faedah yang belum atau telah terakru yang perlu ditanggung oleh negara atau Kerajaan Malaysia.

Saya ingin memaklumkan bahawa apa yang kita jamin itu RM5.8 bilion adalah di bawah tanggungjawab kita dan yang lain adalah di bawah tanggungjawab syarikat. Beliau juga menegaskan bahawa 1MDB cukup sihat dan kukuh. Saya petik ucapan beliau, "*1MDB mempunyai cash sebanyak RM11 bilion. Mereka mempunyai keadaan kewangan yang dikira sebagai sihat dan pada kita tidak ada perkara yang perlu dirisaukan tentang 1MDB ini.*" Perdana Menteri pula menjawab soalan daripada Yang Berhormat Bagan pada 29 Oktober tahun lalu. Beliau sebut bahawa kerajaan tidak bertanggungjawab kepada 1MDB jika syarikat mufliis.

■1710

Beliau menyebut bahawa seperti syarikat lain di bawah Akta Syarikat, 1MDB mempunyai liabiliti terhad (*limited liability*). Oleh sebab itu selain daripada jaminan yang telah pun diberikan kepada 1MDB RM5.8 bilion, kerajaan tidak bertanggungjawab ke atas hutang lain daripada 1MDB.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang satu lagi, Yang Berhormat Labis lebih kelakar sedikit. Beliau berkata bahawa kerelaan bank-bank memberikan lanjutan tempoh masa kepada 1MDB untuk membayar hutangnya menunjukkan keyakinan kepada syarikat tersebut. Kalau benar-benar bank ada yakin kepada 1MDB, dengan senang sahaja 1MDB akan dapat pinjaman tambahan untuk membayar pinjaman lama. Akan tetapi, apa yang berlaku ialah

pinjaman yang dibuat oleh 1MDB hanya RM2 bilion sahaja daripada RM42 bilion yang dihutang, sampai tempoh masa 30 November, tidak mampu bayar. Dilanjutkan masa satu bulan, masih tidak mampu bayar. Dilanjutkan lagi satu bulan, masih tidak mampu bayar. Hanya bila bank memberikan *ultimate dated* 18 Februari, kalau tidak bayar lagi kena umumkan sebagai *default*. Baru 1MDB bayar tiga hari sebelum *default* tersebut.

Akan tetapi bayar cara mana? Dengan wang sendirikah? Banyak sudah dikeluarkan dalam *media business* yang menyebutkan bahawa wang RM2 bilion terpaksa dipinjam daripada syarikat ataupun wang persendirian daripada Tan Sri Ananda Krishnan dan CEO 1MDB pun beliau kata itu spekulasi sahaja. Beliau tidak nafikan bahawa ia itu fakta. Beliau juga tidak memberi penjelasan tambahan, mana datangnya tambahan RM2 juta ini untuk membayar hutang tersebut. Kita pun dengar, dapat tahu dan telah pun disahkan oleh antara rakan-rakan yang ada di sebelah sana bahawa tiga minggu lalu ada permintaan daripada 1MDB untuk pinjaman tambahan daripada kerajaan sebanyak RM3 bilion yang telah pun diluluskan. Nasib baik seminggu kemudian, ada yang masih ada sedikit akal dalam Kabinet kata, "*Eh, hold on. Tidak boleh lulus. Kita kena lihat dahulu.*" Sekarang kita sudah tahu bahawa perkara ini tidak boleh disembunyikan lagi. Dengan jelas 1MDB tengah mengalami krisis kewangan yang cukup serius. Tanpa sebarang suntikan dana yang baru, 1MDB akan muflis tidak lama lagi.

Akan tetapi pada masa yang sama, Kabinet macam rasa *everything is okay* dengan izin. Minggu lalu, Pejabat Perdana Menteri baru mengeluarkan satu kenyataan dalam bahasa Inggeris dengan izin, "*Cabinet was told that the reasons allegation directed at 1MDB related to transactions undertaken by third parties such as PetroSaudi. Kesalahan dibuat oleh parti yang lain, not 1MDB. The relevant investment in 1MDB had been returned in full with significant audited profit. Cabinet expressed confidences that no wrong doing has been committed within 1MDB and their desire for the company to be allowed to implement the proposed outcomes of its strategic review.*" Ini bermaksud bahawa segala suntikan yang diperlukan oleh 1MDB iaitu termasuklah RM3 bilion yang diminta itu akan diluluskan supaya syarikat 1MDB dapat menjalankan penstrukturan semula.

Ini kita bimbang kerana ini merupakan *bailout*. Nasib baik satu hari kemudian, Timbalan Perdana Menteri pula mengeluarkan satu kenyataan. Kenyataan beliau yang paling penting berkata bahawa Lembaga Pengarah 1MDB perlu memberikan penjelasan tentang beberapa urusan niaga yang kelihatan tidak memberikan keuntungan jangka masa panjang kepada syarikat dan kerajaan. Ini merupakan kali pertama satu pengakuan daripada pihak kerajaan, antara menteri-menteri yang mengaku bahawa ada urusan niaga dalam 1MDB yang tidak membawa keuntungan kepada syarikat dan juga negara. Nasib baik Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pagoh berkata dan memberikan veto dalam Kabinet, "*Saya juga ingin menegaskan bahawa sebarang usaha untuk menangani isu 1MDB tidak wajar melibatkan tindakan menyelamatkan ataupun bailout syarikat tersebut dengan menggunakan dana awam.*"

Saya hendak sebut mungkin mengapa Yang Berhormat Pagoh sebut begitu, ia berasal dari tahun 2009, selepas 1MDB ditubuhkan. Dia hendak buat syarikat kongsi sama ataupun

usaha sama dengan syarikat PetroSaudi. Namanya *glamour*, PetroSaudi tetapi syarikat kecil yang tidak ada wang. Dia hendak buat usaha sama di mana syarikat 1MDB masuk suntikan RM1 bilion, syarikat PetroSaudi masuk RM1.5 bilion, buat syarikat RM2.5 bilion. Itu tidak ada masalah, itu *joint venture* biasa. Kita 40% RM1 bilion, mereka RM1.5 bilion 60%. Akan tetapi apa yang kita tidak tahu ada dalam perjanjian JV tersebut yang tidak diberitahu kepada sesiapa pun. Walaupun mereka dipanggil kepada PAC pada tahun 2011, mereka tidak beritahu kepada Ahli-ahli PAC dalam Parlimen bahawa ada klausa dalam perjanjian usaha sama itu bahawa satu pinjaman USD 700 juta perlu terus secara langsung dikeluarkan dan dibayar balik kepada PetroSaudi. Bila kita lihat pembongkaran yang telah pun dibuat dalam *Sarawak Report* dan juga *The Sunday Times* di negara UK, kita dapat lihat bahawa kesemua ini merupakan satu rancangan yang cukup cepat dan cukup sempurna untuk menyelewengkan USD 700 juta ataupun lebih kurang RM2.6 bilion kepada pihak-pihak yang tertentu.

Pada 18 September 2009, syarikat 1MDB dan PetroSaudi ditubuhkan sebagai anak syarikat penuh bagi PetroSaudi International. Anak syarikat penuh. So, 18 hari bulan PetroSaudi sudah tahu hendak buat syarikat usaha sama dengan 1MDB. Walaupun Datuk Shahrul, CEO 1MDB pada masa itu masih tidak kenal PetroSaudi lagi, tetapi syarikat tersebut sudah pun ditubuhkan. Pada 25 September, satu perjanjian antara 1MDB dan PetroSaudi yang pada masa itu masih anak syarikat penuh kepada PetroSaudi tandatangan dengan PetroSaudi International bahawa anak syarikat itu hutang USD 700 juta kepada ibu syarikat dengan begitu sahaja. Bukan kata ada masuk wangkah, ada perbelanjaan selama bertahun-tahun yang *cumulative* sebanyak USD700 juta, bukan. Dengan begitu sahaja, *one week after establishment of the shell company*, hutang USD 700 juta. Tiga hari kemudian 28 September, perjanjian usaha sama ditandatangani dengan 1MDB di mana 1MDB rela secara jelas dalam perjanjian tersebut untuk membayar balik USD 700 juta tersebut dan pada 30 September, wang itu dikeluarkan daripada 1MDB yang kita rasa lebih *shock*, lebih terkejut lagi. Wang itu bukan bayar kepada PetroSaudi. Wang itu masuk dalam satu syarikat yang Swiss Bank *account* daripada RBS Coutts yang dimiliki oleh satu syarikat yang bernama Good Star Limited. Bukan PetroSaudi, Good Star Limited. Bila kita selidik, bila *Sarawak Report* selidik, dia mendapati bahawa Chief Investment Officer daripada Good Star Limited merupakan seorang Singaporean yang bernama Encik Seet Li Lin. Siapa Seet Li Lin? Seet Li Lin merupakan Naib Pengerusi kepada syarikat Jynwel Capital yang dimiliki oleh Low Taek Jho ataupun lebih dikenali sebagai Jho Low.

[*Dewan riuh*]

■ 1720

So, wang itu dikeluarkan dengan begitu sahaja, USD700 juta. Dan semua ini dirancang, kalau tengok, baca Menteri, baca betul-betul. [*Seorang Ahli bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Jho Low Melayu kah? [*Ketawa*] Semua e-mel menunjukkan Jho Low merancang dengan pihak daripada PetroSaudi untuk menyelewengkan wang ini.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, minta laluan sekejap. Ada satu benda yang penting, Timbalan

Yang di-Pertua. Sebelum waktu pagi, sementara Menteri Kewangan menjawab Yang berhormat Kepala Batas tentang kemungkinan pensabotaj ekonomi, telah dijelaskan bahawa kalau ada wang dikeluarkan daripada negara, bagi setiap syarikat, had yang paling tinggi ialah RM50 juta. Sekarang ini, USD700 juta? Tak akan Bank Negara tidak tahu? Tak akan Zeti tidak tahu? Apa pendapat?

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Perkara ini juga dibongkarkan dalam *Sarawak Report* di mana Jho Low beritahu kepada PetroSaudi jangan bimbang, Bank Negara tidak perlu luluskan. Menteri Kewangan sudah luluskan. Itu saya tidak tahu benar atau tidak. Saya hendak tegaskan di sini, saya tidak tahu kesahihan, apa yang telah disebut oleh Jho Low. Apa yang penting, Menteri Kewangan sendiri membuat pendirian sama ada Jho Low itu mengarut, atau pun Jho Low itu bercakap benar. Adakah Kementerian Kewangan telah meluluskan pengeluaran wang tersebut daripada 1MDB pada PetroSaudi.

Dan saya sebut tadi, boleh habiskan sedikit? Okey, saya pergi kawan saya. USD1.5 bilion itu yang disuntik sebagai aset 60% daripada PetroSaudi. Kalau ada aset, USD1.5 bilion, okey lah, kita rugi USD700 juta tetapi syarikat usaha sama masih ada aset USD300 juta yang baki daripada 1MDB, dan USD1.5 bilion aset yang disuntik oleh PetroSaudi. Malangnya, aset tipu. USD1.5 bilion aset tipu dalam perjanjian usaha sama, PetroSaudi janji menyuntik aset sebanyak USD2.7 bilion untuk memperoleh syer sebanyak RM1.5 bilion, macam bagi diskaun, wahhhh. Cukup besar hati bagi diskaun kepada 1MDB. USD2.7 bilion aset, hanya ambil USD1.5 bilion syer sahaja. Akan tetapi, apakah aset ini? Aset ini merupakan hak PetroSaudi untuk membuat eksplorasi di satu kawasan minyak, *reservoir* minyak di Lautan Kaspia, okey. Akan tetapi, milik *reservoir* itu, bukan PetroSaudi punya. PetroSaudi hanya menandatangani suatu perjanjian dengan pemilik dia, Berwick Hills Energy, satu syarikat Cyprus yang memperolehi hak eksplorasi daripada negara Turkmenistan.

Dan itu pun ada masalah kerana tempat *reservoir* juga dimiliki oleh Azerbaijan, masih belum tentu siapa punya. Hanya bagi sahaja, tetapi sampai hari ini jangan kata 2009, sampai hari ini, eksplorasi pun tidak boleh bermula kerana ada percanggahan. Yang Berhormat Titiwangsa.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Saya teliti perbincangan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara dengan begitu khusyuk kerana banyak cerita yang Yang Berhormat Petaling Jaya Utara sebutkan tadi ialah berdasarkan kepada laporan *Sarawak Post* dan juga *The Edge*. Jadi saya hendak tahu apa pendapat Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Dewan yang mulia ini kita berbahas berdasarkan fakta. Jadi kalau seolah-olah *The Edge* itu ataupun *Sarawak Post* itu merupakan salah satu, *Sarawak Report* itu merupakan salah satu *source legitimate*.

Saya rasa oleh kerana ada tuduhan yang begini, saya sebagai Ahli Parlimen. Saya juga bertanggungjawab kepada rakyat Malaysia. Jadi apa yang saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, adakah Yang Berhormat Petaling Jaya Utara bersetuju, bahawa kerajaan juga secara terbuka telah bersetuju untuk memastikan bahawa perkara ini dibuat siasatan oleh AG (*Accountant General*) dan juga PAC yang mana Yang Berhormat Petaling Jaya Utara juga duduk sebagai ahli dalam PAC.

Apa yang saya hendak tekankan ialah saya kata kita semua bertanggungjawab. Kita hendak tahu perkara yang sebenar. Akan tetapi, apa yang Yang Berhormat Petaling Jaya Utara olahkan ini seolah-olah macam Yang Berhormat Petaling Jaya Utara sudah melihat secara nyata dan *detail*, adakah Yang Berhormat Petaling Jaya Utara ada dokumen itu sekarang, ataupun adakah dokumen yang Yang Berhormat Petaling Jaya Utara ada hari ini boleh disahkan sebagai *legitimate source of information? That's all.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Saya akan berhujah mengenai isu audit nanti dalam perbincangan saya. So, saya mengalu-alukan audit tersebut, saya tidak bantah, saya sokong. Sokong penuh tetapi ada syarat-syarat yang tertentu dan saya harap dapat dipenuhi. Akan tetapi mengenai isu *source data* daripada *Sarawak Report* ataupun *The Edge*. Okey. Mereka mempunyai dokumen-dokumen yang dengan jelas oleh sesiapa pun nampaknya sah. Dan setelah dua minggu perkara tersebut dibongkar, tiada satu bunyi pun yang mengatakan bahawa dokumen perjanjian itu adalah palsu. Dari 1MDB tidak kata palsu. Dari PetroSaudi tidak kata palsu. Yang kita tidak tentu, e-mel lah, tapi e-mel pun mereka tidak sebut apa-apa. So kita hendak satu siasatan dibuat, okey saya tidak boleh jadi *accuser, the judge and the jury*. Saya tidak boleh. Akan tetapi saya boleh bangkitkan perkara ini supaya ianya dapat diketahui semua dan perkara ini mendapat pendekatan untuk disiasat dan diselesaikan secepat mungkin. Itu sahaja yang saya boleh buat sebagai Ahli Parlimen.

Saya hendak teruskan cerita saya mengenai Berwick Hills yang *reservoir* di *Caspian Sea* itu. Bukan sahaja PetroSaudi tidak memiliki hak di *reservoir* tersebut, selepas perjanjian usaha sama antara PetroSaudi dengan 1MDB ditandatangani pada 28 September, perjanjian antara PetroSaudi dengan Berwick Hills untuk bersama mengeksplorasi kawasan tersebut, Lautan Kaspia ditamatkan pada 14 November. Maksudnya PetroSaudi tidak ada apa-apa lagi. Kosong. Semua ini diketahui oleh 1MDB. Selepas perjanjian ditandatangani, tidak mungkin 1MDB tidak tahu bahawa aset dia sudah hilang. Mana boleh. Ini menunjukkan bahawa ada *complicity* antara pihak 1MDB, dengan PetroSaudi dengan orang belakang PetroSaudi, Jho Low itu untuk menyelewengkan wang rakyat.

Bila perkara ini menjadi satu perkara audit, *auditor* pertama Ernst & Young, kes ni saya tidak boleh sentuh. Saya tidak hendak tandatangan apa-apa, saya letak jawatan.

[Dewan riuh]

Marah ini. Ini wang rakyat. Lepas itu, KPMG datang. Bila KPMG datang, macam *magic*. Pada 31 Mac 2010, JV tidak ada lagi. *Joint venture* ditamatkan. 31 Mac 2010 merupakan hari terakhir untuk *financial year* 2010. Hari terakhir *joint venture* tersebut ditamatkan, kata Tan Sri Lodin Wok Kamaruddin yang merupakan Pengerusi 1MDB, sekarang kata dia ditamatkan kerana kita rasa *joint venture* itu tidak akan terjadi. Macam tidak betul dah. Oleh sebab itu lebih baik kita tamatkan *joint venture*. Itu tidak jadi masalah. Kita selalu masuk *business* ada yang dapat untung, ada yang dapat rugi, yang rugi kita potong, kita *terminate*, tidak ada masalah. Itu perkara yang baik.

■1730

Akan tetapi apa yang aneh, ialah bila saya telah pun mengumumkan bahawa saya tidak ada keyakinan kepada *business* tersebut lagi. Saya jual saham saya dengan harga USD1.2 bilion, saya pinjam balik USD1.2 bilion kepada PetroSaudi. Tak masuk akal! *You don't believe in a business, then why do you take the money and give them back the money?* Apa lagi? Setelah membuat pinjaman sebegitu, 1MDB tak ada hak langsung untuk mengawal wang tersebut. Saya hendak tanya, 1MDB ini *money lender* kah? Adakah meminjam wang merupakan antara satu *core* strategi 1MDB?

Seorang Ahli: Along!

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Along, sudah jadi along dah kepada PetroSaudi dan pinjaman USD1.2 bilion ini diberikan atas jaminan korporat daripada PetroSaudi yang tak laku langsung sebab tak ada wang, tak ada aset dalam syarikat tersebut. So, kita hendak tahu apa yang sebenarnya berlaku dan apakah peranan yang telah pun dilakukan oleh pihak auditor dan juga pihak 1MDB dalam perkara ini. CEO 1MDB sekarang berkata bahawa, *"Oh! Tak ada masalah. Sudah dapat keuntungan sebanyak USD488 juta daripada projek PetroSaudi."* Katakanlah, memang ada *profit* dan saya ragui sama ada profit ini benar ataupun atas kertas sahaja.

Akan tetapi, katakanlah ada *profit* pun, masih ada kesalahan yang telah pun berlaku. Ini tak bermaksud bahawa kalau saya rompak bank hari ini, rompak RM1 juta, esok saya pulangkan RM1 juta dengan faedah tambahan RM100,000, saya tak ada salah lagi. Masih salah juga. So, perkara ini mesti disiasat. Kita hendak tahu daripada Ketua Audit Negara nanti sama ada wang ini ada atau tidak ada, itu kita akan tentukan tetapi pada masa ini, katakanlah ada betul memang ada keuntungan USD488 juta, okey, itu tidak bermaksud, tidak ada jenayah yang berlaku dalam kerja-kerja usaha sama dengan PetroSaudi. Saya ingin juga membangkitkan Tuan Yang di-Pertua, saya boleh sambung esokkah, *you* hendak saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terus, terus, ada masa lagi. *[Dewan riuh]*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Ya?

Beberapa Ahli: Esok...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada masa lagi, ada masa lagi. Saya benarkan 10 minit lagi.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Tak bolehlah, sambung esoklah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya benarkan 10 minit lagi.

Beberapa Ahli: Sambung esoklah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kalau tak berminat, saya minta Yang Berhormat lain untuk berucap. *[Dewan riuh]* 10 minit lagi.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Sambung esok!

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Okey, saya ingin membangkitkan juga peranan auditor masa mengaudit kerja-kerja ataupun akaun 1MDB. Nombor satu, KPMG. Adakah KPMG membantu 1MDB untuk menyembunyikan butiran-butiran yang ada dalam *joint venture agreement* dalam penyata kewangan mereka pada 31 Mac 2010? Kenapa saya sebut begitu? Kerana dokumen yang telah pun dibongkarkan dalam *Sarawak Report* menunjukkan bahawa perjanjian murabahah pinjaman daripada 1MDB kepada PetroSaudi ataupun anak syarikat PetroSaudi itu ditandatangani pada tarikh 14 Jun 2010. Dia kata perjanjian 14 Jun 2010. Kenapa dalam akaun 1MDB disebutkan sebagai hari terakhir *financial year* tersebut 31 Mac 2010? Adakah KPMG telah pun tidak jujur dalam laporan tersebut yang mereka tandatangani?

Kedua, Deloitte menandatangani akaun 1MDB bagi tahun 2014 pada tarikh 5 November 2014, tahun lalu. Dalam laporan tersebut semuanya okey. *No qualification*, semua sihat. Tak ada perkara-perkara ataupun risiko yang dibangkitkan tetapi tak sampai satu bulan, 30 November terus 1MDB tak mampu bayar hutang. Macam mana Deloitte buat kerja ini? Menteri hari-hari sekarang kata "Oh, sudah audit, Deloitte sudah audit." Mengapa Deloitte sudah audit, sekarang tak ada duit untuk bayar hutang? Saya rasa perkara ini perlu disiasat oleh *Malaysian Institute of Auditors*, sama ada KPMG dan Deloitte telah pun menjalankan tugas-tugas mereka dengan profesional. [Tepuk]

Seorang Ahli: Bersetuju!

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Satu lagi perkara, *money laundering*, macam mana? Wang tambahan dipinjamkan kepada PetroSaudi. Selepas pinjaman USD1.2 bilion yang pertama, pada 8 September 2010, 1MDB pinjam lagi USD500 juta. Dari USD500 juta ini, USD160 juta diberikan kepada Good Star sekali lagi. Daripada balance USD340 juta yang ada di PetroSaudi, ia di *transfer*, diagihkan kepada syarikat PetroSaudi, sekarang Seychelles. Ini tak sama ya, PetroSaudi Cayman dengan Petro Saudi Seychelles. Melalui Syarikat PetroSaudi Seychelles dan anak syarikatnya Javace Sdn. Bhd. mereka mengambil alih Syarikat Utama Banking Group Berhad (UBG) di Bursa Malaysia yang dimiliki oleh keluarga pada masa itu Ketua Menteri Sarawak. [Disampuk]

Ketua Menteri Sarawak dan saya hendak tanya antara dokumen-dokumen yang telah pun terbangkit, ia menunjukkan ada persetujuan antara PetroSaudi dengan Jho Low, bahawa PetroSaudi Seychelles, segala wang yang ada di situ dikuasai oleh Jho Low dan bukannya oleh PetroSaudi Cayman. Ini satu muslihat yang digunakan oleh Jho Low untuk menunjukkan bahawa mereka telah pun membawa wang daripada Timur Tengah untuk melabur di Malaysia. Akan tetapi sebenarnya, wangnya diperoleh oleh 1MDB melalui sistem yang *complicated*, yang cukup rumit, datang balik ke Malaysia untuk mengambil alih syarikat yang dimiliki oleh bekas Ketua Menteri Sarawak. [Dewan riuh] Bekas Ketua Menteri Sarawak, keluarganya dapat sebanyak yang telah pun dilaporkan dalam media dan juga... RM465 juta. Ini *money laundering* kerana wangnya asalnya daripada satu muslihat ataupun satu penyelewengan yang telah pun berlaku. Saya hari ini ada buat PC supaya perkara ini disiasat oleh pihak Bank Negara.

Saya juga ingin membangkitkan bahawa apakah kaitan Jho Low, tadi Yang Berhormat Arau minta tahu siapa Jho Low? Saya hendak sebut di sini, ada email-email daripada pegawai khas Yang Berhormat Pekan, Wan Ahmad Shihab kepada Jho Low di mana Jho Low minta, "*Eh! Boleh tak bagi gambar-gambar di mana Yang Berhormat Pekan telah pun holiday bersama dengan Prince Turki di Perancis Selatan bersama dengan Jho Low.*" Ada juga bahawa mereka telah pun holiday di satu *yard* yang bernilai, yang disewa sebanyak USD500,000 setiap hari oleh PetroSaudi supaya Jho Low dapat melayan Yang Berhormat Pekan atas *yard* yang cukup mewah itu. Saya hendak tanya di sini, saya tak hendak sangka buruk.

Saya hendak tanya di sini, adakah Perdana Menteri kita telah pun dikompromi? Bukan kata dia ambil duit, dia tak tetapi oleh sebab kesemua ini perkara-perkara yang lain dapat berlaku dengan lancar. Saya hendak bangkitkan juga laporan daripada *New York Times* yang saya hendak baca. "*Perdana Menteri, gaji tak melebihi RM350,000 setiap tahun.*" Katakanlah RM500,000 lah tak apa. Macam mana beliau boleh membiayai segala perbelanjaan keluarga mereka dan juga aset-aset yang telah pun diperolehi? Ia melaporkan bahawa isteri Perdana Menteri, *New York Times* ya melaporkan bahawa isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor memegang sekurang-kurangnya sembilan beg tangan Birkin berlainan bernilai antara USD9,000 dan USD150,000 setiap satu.

■1740

Invois dan dokumen lain yang diperolehi oleh *The Times* menunjukkan berjuta-juta *US Dollar* dibelanjakan untuk barang-barang oleh Datin Seri Rosmah di Hong Kong pada tahun 2008 dan 2009 termasuk *diamonds, emerald rings, diamond emerald and ruby bracelets*. *New York Times* juga membongkarkan bahawa anak kepada Datin Seri Rosmah yang berumur 38 tahun, Riza Aziz membeli satu apartment di New York bernilai USD33.5 juta ataupun lebih RM120 juta. Apartment dengan tunai, bukan pinjaman. Tunai.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Dan satu rumah di Beverly Hills, Los Angeles bernilai USD17.5 juta dengan tunai juga. Rumah di Beverly Hills itu diruntuhkan semua, bina semula satu lagi.

Beberapa Ahli: *[Menyamuk]*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Walaupun beliau merupakan satu yang dikatakan dalam *New York Times*, *junior level banker* di dalam HSBC.

Pejabat Perdana Menteri menjawab bahawa – ini quote ya, "*Neither any money spent on travel, nor any jewellery purchases, nor the alledged contents of any safe are unusual for a person of the Prime Minister's position, responsibility and legacy family assets.*" Pewarisan.

Seorang Ahli: Fitnah.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Fitnah. So, oleh sebab itu, adik-adik kepada Yang Berhormat Pekan semua keluar, empat orang adik, tulis satu *statement* bahawa tidak ada pewarisan yang sebegitu. Mereka kata tidak ada pewarisan sebegitu kerana Tun Abdul Razak merupakan satu Perdana Menteri yang bersih. Dia tidak rasuah, dia telus dan dia *frugal*,

perkataan yang digunakan *frugal*, cermat dengan penggunaan wang. Seminggu kemudian, Perdana Menteri sendiri menyokong kenyataan yang telah pun dibuat adik-adik kepada Yang Berhormat Pekan.

“Sepanjang perkhidmatan dalam kerajaan...” – Ini perkataan Yang Berhormat Pekan dalam *Utusan Malaysia*. *“Tun Abdul Razak tidak pernah terlibat dengan apa-apa amalan rasuah dan salah guna kuasa. Beliau sentiasa meletakkan kepentingan negara jauh mengatasi kepentingan peribadi hingga jasanya kepada negara menjadi memori umum bagi rakyat. Sejak mula terlibat dengan perjuangan politik sehinggalah memegang tampuk pemerintahan negara, Tun Abdul Razak diketahui mengamalkan gaya hidup sederhana dan berjimat cermat.”*

Kalau begitu, seolah-olah menjadi satu soalan yang lebih besar. Kalau bukan pewarisan, mana datangnya kesemua kekayaan ini?

Seorang Ahli: Dari langit.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Dari langit.

Beberapa Ahli: Menabung dari kecil.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: So, kita ingin supaya pihak kerajaan memberikan jawapan yang cukup telus kepada kesemua ini. Antara kenyataan yang telah pun diberikan oleh pihak kerajaan kepada *The Sunday Times* semasa dipersoalkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, sila gulung.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Ya, saya gulung. Okey. *“The Malaysian Government said the Prime Minister was not involved in the day to day operations of 1MDB which is run by a professional and experience teams. Its accounts were audited by Deloitte.”* *The Sunday Times* reported pada 1 Mac hari itu.

Beliau juga menuduh bahawa segala tuduhan yang dibuat oleh *Sarawak Report* dan *Sunday Times* merupakan *political motivation*. Ada unsur-unsur politik. Saya hendak sebut di sini, memang ada unsur-unsur politik. Kita ini berpolitik. Kita hendak turunkan, bagi kita, menjatuhkan satu kerajaan yang berasuah, yang menyelewengkan wang rakyat, yang tidak menjaga kepentingan rakyat dengan baik. Itu memang politik.

Apa yang penting adalah apakah tuduhan-tuduhan yang telah pun dibuat dalam *Sarawak Report* ataupun *The Sunday Times* itu benar atau tidak? Dan sebagai pengerusi kepada badan ataupun lembaga penasihat kepada 1MDB, sebagai *sponsor* kepada 1MDB – *1MDB is Yang Berhormat Pekan's baby*. Sebagai Menteri Kewangan di mana 1MDB merupakan anak syarikat penuh kepada Kementerian Kewangan dan sebagai Perdana Menteri, beliau tidak boleh, dalam bahasa Inggeris orang kata, *wash hand*, basuh tangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Dan tidak boleh sebut bahawa beliau tidak menjaga *day to day operations* sebab itu beliau tidak perlu bertanggungjawab

kepada apa yang telah pun berlaku dalam 1MDB yang menyebabkan mereka berhutang sebanyak RM42 bilion.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Akhir perenggan, *last paragraph*. Dengan senang saya hendak tanya, 1MDB ada kata aset *power*, penjana kuasa bebas, ada aset tanah. Ini merupakan dua punca sumber *business* bagi 1MDB. Jumlah yang dibelanjakan untuk membeli aset-aset tenaga adalah RM13 bilion.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Jumlah digunakan untuk beli aset hartanah daripada kerajaan tidak sampai RM3 bilion. Jumlah RM16 bilion, hutang RM42 bilion. Di mana perginya RM26 bilion yang ada di 1MDB?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: So, kita harap supaya pihak Menteri Kewangan dapat menjawab sendiri. Jangan bagi kepada Timbalan Menteri yang selalu jawab tidak betul.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Yang Berhormat Menteri jawab sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Petaling Jaya Utara...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Supaya kita rakyat mendapat jawapan yang cukup benar dan telus dalam perkara ini dan jujur dalam perkara ini. Ini memang penting kerana banyak, berbilion-bilion wang rakyat telah dihapuskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, kita ada peraturan. Saya tidak ada kuasa...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Saya minta esok tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, saya sudah bagi peluang sudah. Tidak boleh kata macam itu. Kita bagi peluang patut terima kasihlah cara elok-elok.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Yang Berhormat, kita tangguhkan persidangan kita hingga hari esok. Sekian, terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.47 petang]

PARLIMEN MALAYSIA

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS
9 MAC 2015**

**TITAH SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG
ALMU'TASIMU BILLAHI MUHIBBUDDIN
TUANKU ALHAJ ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN BADLISHAH**

**Bismillaahir Rahmaanir Rahiim
Alhamdulillah Rabbil 'Alamin Wabihi Nasta'in
Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh
dan Salam Sejahtera**

Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-Ahli Dewan Negara dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat sekalian.

Alhamdulillah, Beta memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Istiadat Pembukaan Penggal Ketiga, Parlimen Ketiga Belas.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

2. *Sukacita Beta mengajak Ahli-Ahli Yang Berhormat menjadikan penggal Parlimen ini sebagai waktu terbaik untuk membuka lembaran baru, dengan niat dan tekad yang positif, setelah negara mengharungi pelbagai cabaran dan dugaan di sepanjang tahun 2014. Beta berharap segala ujian yang ditempuhi lebih menguatkan Malaysia sebagai satu negara bangsa yang berdaulat demi masa depan yang lebih sejahtera.*

3. *Pada hemat Beta, Kerajaan telah melakukan yang terbaik sepanjang tahun 2014 dalam aspek pengurusan ekonomi dan pentadbiran negara. Beta dapat memperhatikan perubahan-perubahan positif hasil daripada Dasar Transformasi Nasional. Dasar tersebut merangkumi agenda besar transformasi negara, antaranya Program Transformasi Kerajaan atau GTP dan Program Transformasi Ekonomi atau ETP yang telah dilaksanakan secara konsisten di bawah kepimpinan Mamanda Perdana Menteri di mana negara terus makmur dan dihormati di arena antarabangsa.*

4. *Negara turut diuji dengan beberapa peristiwa yang tidak diduga seperti tragedi pesawat MH370 dan pesawat MH17 serta bencana banjir besar luar biasa di beberapa negeri. Beta dan Raja Permaisuri Agong sama berduka dan berdoa supaya ahli keluarga mangsa tragedi pesawat tersebut mendapat ketenangan dan memperoleh penyelesaian yang terbaik. Di samping itu, Beta dan Raja Permaisuri Agong juga bersimpati dan berdoa agar mangsa bencana banjir terus tabah menghadapi ujian ini.*

5. Beta amat berbangga dan mengucapkan penghargaan kepada pegawai-pegawai Kerajaan, anggota pasukan keselamatan dan semua pihak dari pelbagai kaum yang merangkumi badan bukan Kerajaan, badan korporat, golongan belia, wanita mahupun individu yang telah menunjukkan semangat kesukarelawanan dan menyumbangkan bantuan kepada mangsa-mangsa bencana tersebut. Berbekalkan semangat waja dan jati diri tinggi serta disokong oleh asas-asas ekonomi yang kukuh, rakyat dan negara ini mampu bangkit untuk membina masa hadapan yang lestari. Beta amat yakin bahawa bersama segala kesulitan yang dihadapi ini, akan ada rahmat yang menanti, Insya Allah. Mengambil pengajaran daripada bencana ini juga, Beta ingin mengingatkan bahawa bencana alam yang semakin ketara mutakhir ini bukan sahaja disebabkan perubahan iklim semata-mata, malah berpunca daripada ketamakan manusia dalam mengeksploitasi alam semula jadi. Oleh itu Beta menyeru semua pihak supaya sentiasa menyeimbangkan antara keperluan pembangunan dan pemuliharaan alam sekitar.

6. Beta juga berharap proses bantuan dan pemulihan semula infrastruktur di kawasan-kawasan yang terlibat dengan bencana banjir besar ini dapat dilaksanakan dengan kadar yang seberapa segera. Ini termasuklah pembinaan rumah-rumah kekal dan pembaikan rumah-rumah yang mengalami kerosakan teruk akibat bencana tersebut. Inisiatif Kerajaan Beta untuk membina rumah-rumah kekal dalam tempoh masa yang singkat dengan menggunakan reka bentuk yang seragam amat dialu-alukan tatkala mereka yang terlibat amat memerlukan kediaman yang baru untuk meneruskan kehidupan. Justeru, Beta ingin melihat semua pihak yang terlibat termasuk kerajaan-kerajaan negeri bersama-sama berganding bahu membantu proses pemulihan dan pembangunan semula rumah-rumah mangsa terlibat. Selain itu, Beta juga menyeru persiapan yang rapi dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri serta semua pihak termasuk di peringkat akar umbi agar sentiasa bersiap siaga dalam pengurusan bencana pada masa hadapan supaya kita dapat bersama-sama menghadapi apa jua musibah yang mendatang kelak dengan lebih berkesan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

7. Kepada Kerajaan, khususnya Mamanda Perdana Menteri, Beta ucapkan tahniah kerana sekali lagi mencatatkan sejarah yang begitu bermakna dengan pemilihan Malaysia sebagai Anggota Tidak Tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi tempoh 2015 hingga 2016 dan pelantikan sebagai Pengerusi ASEAN 2015. Ini jelas memperlihatkan pengiktirafan masyarakat antarabangsa yang berterusan terhadap ketokohan pemimpin negara di persada antarabangsa. Sesungguhnya pencapaian ini adalah kejayaan yang amat besar yang seharusnya menjadi kebanggaan rakyat lebih-lebih lagi ia dapat meningkatkan martabat negara ke tahap yang lebih tinggi.

8. Beta menyambut baik usaha-usaha berterusan memperkukuh kawalan keselamatan dan ketenteraman awam khususnya menangani ancaman pengganas di Sabah, dan membendung penularan fahaman ekstrem dalam kalangan rakyat seperti kegiatan militan Islamic State. Lanjutan daripada pembentangan Kertas Putih berhubung ancaman militan, Kerajaan juga bercadang mewujudkan undang-undang berhubung anti-keganasan. Beta menyeru agar rakyat berwaspada dengan propaganda golongan ini, dan mengawasi ahli keluarga masing-masing, supaya tidak terpedaya dengan dakwah menyalahgunakan konsep jihad atas nama agama. Sama-samalah kita menghayati ajaran Islam yang sebenar.

9. *Alhamdulillah, Beta bersyukur ekonomi negara masih berkembang meskipun negara sedang berhadapan dengan persekitaran global yang mencabar seperti kejatuhan harga minyak mentah dan komoditi serta turun-naik nilai mata wang. Ini disebabkan Kerajaan Beta telah melaksanakan strategi dan langkah-langkah yang jelas bagi memastikan asas ekonomi dan kewangan negara terus kukuh serta berdaya tahan agar pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat terus terjamin. Beta mengucapkan tahniah kepada Mamanda Perdana Menteri di atas langkah proaktif untuk menangani cabaran ini dengan menajar semula dasar-dasar ekonomi dan melakukan konsolidasi fiskal. Dalam hal ini, walaupun hasil Kerajaan akan berkurangan, namun pembangunan ekonomi kekal seimbang, inklusif dan mampan. Perancangan pembangunan untuk kebajikan rakyat tidak ditinggirkan, bahkan ia akan diteruskan khususnya dalam memastikan kesejahteraan golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Oleh itu, Beta mengajak semua rakyat agar bersatu, yakin dan positif pada tempoh yang mencabar ini agar segala yang dirancang dan diikhtirakan akan terlaksana jua dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala.*

10. *Beta juga yakin pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) akan membantu memperkukuhkan kewangan negara. Oleh itu, Beta menyeru seluruh rakyat untuk bersama-sama menjayakan inisiatif ini seperti yang dilakukan oleh rakyat di banyak negara lain yang telah melaksanakan GST, dan seterusnya dapat menikmati faedah-faedahnya dalam jangka panjang. Dalam pada itu, Beta menyeru agar Kerajaan bersama rakyat melipat gandakan aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan bagi mengelakkan peniaga mengambil kesempatan menggunakan alasan GST untuk menaikkan harga yang boleh membebankan rakyat kelak.*

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

11. *Tahun ini berakhirnya Rancangan Malaysia Kesepuluh, dan bagi memastikan kesinambungan pembangunan sosioekonomi negara, Kerajaan Beta akan membentangkan Rancangan Malaysia Kesebelas di Dewan yang mulia ini. Penggubalan Rancangan Malaysia Kesebelas adalah lebih mencabar kerana ia juga perlu memberi perhatian kepada usaha-usaha mitigasi dan pemulihan pasca bencana banjir luar biasa, selain menangani cabaran global. Beta berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat membahaskannya secara jujur dan konstruktif demi kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Semua pihak hendaklah menumpukan usaha yang lebih bersungguh-sungguh untuk membangunkan negara, memandangkan kita hanya mempunyai tempoh lima tahun lagi untuk mencapai status negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020.*

12. *Selaras dengan strategi pengukuhan ekonomi dan daya saing negara, usaha-usaha untuk meningkatkan pelaburan dan mengukuhkan perdagangan perlu dipergiatkan, terutamanya dengan kewujudan Komuniti Ekonomi ASEAN. Selain itu, penubuhan Majlis Eksport Negara akan memperkukuhkan rangkaian eksport produk, logistik dan pengeluaran bagi melonjakkan eksport negara. Di samping Kerajaan menyediakan persekitaran pelaburan yang kondusif, rakyat juga perlu memainkan peranan dengan mengekalkan keharmonian dan kestabilan negara bagi menambat hati pelabur.*

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

13. *Dalam sektor pertanian pula, Beta berharap pelaksanaan Dasar Agromakanan Negara terus dimantapkan dengan usaha-usaha baharu yang menekankan kepada teknologi tinggi bagi menambah pengeluaran, menghasilkan produk-produk baharu bernilai tambah tinggi serta berupaya*

memenuhi permintaan yang semakin meningkat termasuk dari luar negara. Beta juga sukacita dengan kejayaan Kerajaan mencapai kesepakatan dengan negara-negara strategik untuk menstabilkan harga getah sebagai strategi mengatasi masalah kejatuhan harga komoditi tersebut. Beta berharap kerjasama seperti ini dapat dipertingkatkan bagi menstabilkan harga komoditi lain. Pada masa yang sama Kerajaan Beta akan sentiasa membantu pekebun-pekebun kecil supaya pendapatan mereka tidak terjejas melalui pemberian bantuan dan insentif serta akan terus memperkasakan dan meningkatkan daya saing industri sawit dan getah.

14. Sektor pelancongan dan industri kreatif adalah antara penyumbang utama kepada pendapatan negara. Oleh itu Beta menyeru Kerajaan agar lebih agresif memperkenalkan produk-produk pelancongan baharu dan pada masa yang sama dapat menonjolkan kepelbagaian kebudayaan dan kesenian negara yang mampu menarik lebih ramai pelancong terutama dari luar negara. Pada masa yang sama, rakyat juga mempunyai peranan dalam mewujudkan persekitaran yang bersih dan suasana yang mesra pelancong di samping mempromosi tempat-tempat menarik melalui pelbagai saluran media termasuk media sosial.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

15. Kerajaan Beta akan sentiasa mendapat maklum balas konstruktif dari semua pihak susulan pelaksanaan program-program di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025 dan pada masa yang sama akan terus melaksanakan penambahbaikan ke atas program-program tersebut. Selain itu, inisiatif Kerajaan menekankan bidang pendidikan vokasional dan teknikal telah mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat dalam usaha melahirkan modal insan berkemahiran tinggi. Beta juga menyambut baik pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia di peringkat Pengajian Tinggi yang memberi tumpuan melahirkan graduan berilmu, bersahsiah mulia, memiliki kemahiran keusahawanan dan memenuhi kehendak pasaran kerja. Selain itu, bagi menggalakkan rakyat Malaysia yang berdaya cipta dan berinovasi sama ada dalam kalangan usahawan, komuniti mahu pun individu, Kerajaan Beta sedang dan akan terus memperkukuh jaringan inovasi sosial berasaskan sains, teknologi dan inovasi.

16. Kerajaan Beta terus komited terhadap pengukuhan dan penyerlahan potensi belia untuk membuka peluang kepada generasi belia menerajui kepimpinan pada usia muda dan bersama-sama mencorakkan masa hadapan ke arah negara maju. Golongan belia hendaklah bangkit untuk menyahut cabaran ini dengan bersama-sama menjayakan Dasar Belia Malaysia yang diberi nafas baru, di samping berusaha bersungguh-sungguh meningkatkan pembangunan jati diri bagi menghadapi persekitaran dunia yang semakin mencabar.

17. Sesungguhnya Perkhidmatan Awam adalah salah satu tonggak kepada pembangunan negara. Beta berbangga transformasi Perkhidmatan Awam telah mula menunjukkan kejayaan ke arah meningkatkan prestasi dan integriti serta merakyatkan Perkhidmatan Awam. Ini antara lain, terbukti melalui pencapaian Malaysia yang berjaya menduduki tempat kelapan belas pada tahun 2014 berbanding kedudukan kedua puluh pada tahun 2013 dalam Indeks Menjalankan Perniagaan oleh Bank Dunia. Tidak mustahil kedudukan ini boleh ditingkatkan lagi agar setanding dengan negara-negara maju pada masa hadapan. Oleh itu, Beta menyeru agensi-agensi Kerajaan supaya sentiasa kreatif dan inovatif mencari jalan untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan.

18. Negara telah membuktikan kesungguhan dalam inisiatif-inisiatif pencegahan rasuah dengan pencapaian memperbaiki kedudukan dalam Indeks Persepsi Rasuah 2014. Semoga indeks ini akan terus meningkat di kedudukan yang lebih baik pada masa hadapan melalui komitmen semua pihak bersama-sama Kerajaan memerangi rasuah secara menyeluruh agar perbuatan terkutuk ini dapat dibanteras. Ingatlah, rezeki yang halal itu akan melahirkan generasi yang mulia.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

19. Beta bersyukur usaha-usaha meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat terus menjadi agenda penting Kerajaan agar kemakmuran negara dapat dinikmati oleh segenap lapisan rakyat dengan saksama. Oleh itu, Kerajaan akan terus melaksanakan projek-projek pembangunan termasuk yang berimpak tinggi di bandar yang mampu menjana aktiviti dan pertumbuhan ekonomi, menyediakan peluang pekerjaan serta meningkatkan hasil Kerajaan yang kemudiannya disalurkan untuk pembangunan luar bandar. Tumpuan akan terus diberikan kepada pembangunan luar bandar dengan melaksanakan projek-projek kemudahan asas secara meluas dan inklusif terutamanya di kawasan pedalaman Semenanjung, Sabah dan Sarawak termasuk perkampungan Orang Asli. Selain itu pelaksanaan program-program transformasi luar bandar akan diteruskan.

20. Kesihatan amat penting untuk kehidupan bahagia dan kesejahteraan ekonomi. Justeru, Kerajaan Beta sedang berusaha melaksanakan Transformasi Sistem Kesihatan Negara untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan agar lestari dan lebih responsif terhadap keperluan kesihatan rakyat. Kerajaan Beta juga akan memastikan rakyat terutama golongan berpendapatan rendah dapat menikmati perkhidmatan kesihatan awam yang berkualiti dan perkhidmatan kesihatan swasta pada caj yang berpatutan. Perkhidmatan penjagaan dan fasiliti kesihatan akan dipertingkatkan untuk memenuhi keperluan rakyat di bandar dan luar bandar. Pada masa yang sama, Beta menyeru rakyat terus meningkatkan amalan gaya hidup sihat dan menjaga kebersihan persekitaran dalam membendung kes-kes penyakit berjangkit atau tidak berjangkit.

21. Kerajaan Beta akan meneruskan usaha-usaha untuk menambah baik infrastruktur dan kemudahan pengangkutan awam, memperkasakan industri bekalan elektrik serta meningkatkan kecekapan perkhidmatan bekalan air di seluruh negara.

22. Menyedari keperluan perumahan adalah isu yang berbangkit secara berterusan berikutan pertambahan penduduk, Kerajaan Beta sentiasa berusaha mencari mekanisme terbaik bagi memenuhi keperluan tersebut terutamanya untuk rakyat berpendapatan rendah dan sederhana. Ini termasuk menyediakan perumahan dengan harga yang berpatutan serta memudahkan golongan sasar mendapat pembiayaan.

23. Selain daripada isu perumahan, bagi meningkatkan pendapatan rakyat, Kerajaan turut memberi perhatian kepada pelaksanaan gaji minimum. Beta berharap pihak majikan sektor swasta dapat mencari pendekatan yang terbaik dengan pihak pekerja untuk melaksanakan gaji minimum secara berkesan demi kebaikan bersama.

24. Beta berpuas hati program kebajikan produktif akan terus ditambah baik bagi membantu penerima bantuan lebih berdikari. Berkaitan dengan ini juga, dasar dan undang-undang sedia ada mengenai institusi keluarga dan kanak-kanak akan diperkukuhkan. Khusus bagi golongan wanita, Beta berharap usaha yang lebih bersungguh-sungguh dilaksanakan untuk menyediakan sistem sokongan bagi membantu wanita mengimbangi tuntutan kerjaya dan keluarga

yang merupakan antara cabaran sosial utama hari ini. Beta juga menyeru agar Kerajaan mempergiatkan lagi program-program untuk memperkasakan peranan wanita terutama dalam bidang ekonomi. Beta juga berterima kasih atas keprihatinan Kerajaan yang sentiasa memberi keutamaan kepada warga emas dan golongan orang kurang upaya untuk mengoptimumkan potensi diri dalam program-program pembangunan negara bagi memastikan kepentingan, kesejahteraan dan kebajikan mereka terpelihara.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

25. Sesebuah negara majmuk seperti Malaysia amat memerlukan keharmonian dan kerukunan hidup antara rakyatnya yang pelbagai agama, kaum dan budaya. Beta yakin setiap rakyat cinta kepada perpaduan dan keamanan, namun terdapat segelintir pihak yang cuba menggugat perpaduan dengan mengadu domba dan menyebarkan fitnah dalam kalangan masyarakat termasuk di media sosial. Oleh itu, Beta ingin menasihatkan golongan ini supaya menghentikan terus perbuatan tidak bertanggungjawab tersebut dan pihak berkuasa hendaklah mengambil tindakan tegas terhadap pihak-pihak terbabit. Beta ingin menegaskan bahawa kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan hendaklah dipatuhi dan tidak dipersoalkan manakala agama-agama lain bebas diamalkan. Perbezaan pandangan dalam isu-isu keagamaan perlu dirujuk kepada pihak berkuasa dan tidak wajar dipolemikkan. Konsep kebebasan bersuara juga hendaklah diamalkan dengan bertanggungjawab dan tidak menimbulkan sebarang ketegangan dalam kalangan rakyat. Selain itu, sebagai sebuah negara Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan, kita sentiasa berpegang kepada prinsip keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang. Beta menyeru agar semua pihak faham bahawa sistem pemisahan kuasa di antara badan eksekutif, legislatif dan kehakiman telah dilaksanakan mengikut lunas undang-undang. Percayalah, tidak ada yang lebih baik daripada bumi bertuah ini. Oleh itu sayangi tanah tumpah darah ini, hormati dan berbaik sangkalah antara kita, demi keharmonian dan kesejahteraan bersama.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

26. Malaysia, yang mengamalkan pendekatan wasatiyyah hanyalah sebuah negara kecil dalam peta dunia tetapi namanya gah setanding negara-negara lain di dunia ini. Tambah membanggakan apabila Mamanda Perdana Menteri telah memainkan peranan dalam penubuhan Indeks Maqasid Syariah Antarabangsa baru-baru ini. Ia bagi mengukuhkan komitmen Malaysia terhadap pelaksanaan syariat Islam berdasarkan matlamat Maqasid Syariah yang bertujuan memelihara agama, nyawa, akal, harta dan keturunan. Seterusnya, paling bertuah, rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama dapat menikmati hidup dalam suasana aman damai. Semua ini hanya dapat dikekalkan jika setiap rakyat bersikap hormat-menghormati dan saling bekerjasama untuk memastikan negara terus stabil dan harmoni. Oleh itu Beta menyeru semua Ahli Yang Berhormat agar sentiasa menunjukkan teladan terbaik kepada rakyat dalam memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan. Hayatilah titah Beta ini dan berbahaslah secara berhemah dan tertib di Dewan yang mulia ini.

27. Beta merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh Anggota Perkhidmatan Awam, Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia serta semua pihak yang telah menyumbang ke arah keamanan, pembangunan dan kemakmuran negara serta kesejahteraan rakyat.

Akhir titah, Beta dan Raja Permaisuri Agong berdoa semoga negara yang tercinta ini akan terus maju dan dilimpahi rahmat dan nikmat yang berpanjangan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

*Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.*